



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, 28 November 2012 (Rabu)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

## TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

## TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
Encik Mohamad Redzuan bin Adam  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Mohd Saiful Nizam bin Hasmawi  
**Penolong Bentara**

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**( Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismilahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabaraktuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas bagi hari yang kelapan, 28 November 2012 dimulakan dengan doa.

**I. BACAAN DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Bismillahir rahmannir rahim, assalamualaikum warahmatuallahi wabaraktuh* selamat pagi giliran soalan daripada Hulu Kelang. Silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker soalan 189.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GELANGGANG SEBAGUNA DAN DATARAN ANAK MUDA**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah gelanggang seba guna dan dataran anak muda yang telah disiapkan dan di manakah lokasi-lokasi di seluruh Selangor?
- b) Berapakah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan?
- c) Apakah rancangan dan berapakah peruntukan yang akan disalurkan bagi penyelenggaraan kemudahan-kemudahan ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Kelang, Timbalan Puan Speaker. Bagi soalan 198 bagi soalan (a) saya telah jawab semasa saya menjawab soalan yang ke 17 soalan daripada Bangi. Bagi soalan (b) kos keseluruhan adalah dianggarkan RM6,459,263 bagi kesemua 38 kawasan yang telah kita luluskan setakat ini dan kemudahan-kemudahan yang ini sebenarnya kita pembinaannya adalah di bawah Pejabat Daerah dan setelah siap pembinaan ini kita akan serahkan kepada PBT-PBT dan kemudahan-kemudahan ini seterusnya akan diselenggarakan oleh PBT-PBT masing-masing kerana sifat geran ini adalah perbelanjaan *one off*. Walau

bagaimana pun saya kira selagi peruntukan di bawah infrastruktur sukan ini masih lagi berbaki, kemungkinan penambahbaikan dan mungkin sedikit-sedikit penyelenggaraan yang perlu masih boleh kita bincangkan di bawah peruntukkan Geran Selangorku ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Kelang.

**Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Untuk makluman pihak EXCO Hulu Kelang sudah menerima surat yang mengatakan bahawa *maintenance* dengan izin adalah di bawah PBT. Dan sekiranya seluruh projek ini siap aset yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan gelanggang anak muda adalah bernilai RM11.2 juta. Adakah EXCO bersetuju sekiranya dijadualkan pemantauan dengan melaksanakan audit dalaman bagi memastikan PBT menjalankan penyelenggaraan berjadual. Kerana aset ini amat bernilai kepada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Kelang. Di dalam pembinaan dataran anak muda dan gelanggang serba guna ini kita melihat bahawa perlunya sesuatu yang mungkin lebih baik jika nak dibandingkan dengan gelanggang-gelanggang sebelum ini termasuklah pagar yang kita bina pada dalam gelanggang ini adalah menggunakan *galvanized material* yang saya kira kita mengharapkan penggunaannya telah lebih, lebih lama kalau nak dibandingkan dengan pagar jenis siling yang biasanya digunakan. Walau bagaimana pun kita juga sebenarnya walaupun bajet ini adalah perbelanjaan *one off* daripada Geran Selangorku sebagai sikap kerajaan pada hari ini kita melihat bahawa bukan sahaja kita membina tetapi kita juga menimbangkan soal penyelenggaraan selepas itu. Sebab itulah juga kita mengharapkan di peringkat PBT kalau dapat ada satu bentuk pemantauan yang baik dan penyelenggaraan itu sudah tentunyalah kita mengharapkan pihak PBT juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menggunakan peruntukkan-peruntukkan tertentu untuk proses atau pun penyelenggaraan seterusnya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE :** Soalan Teluk Datok 190 Puan Timbalan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK: PULANGAN PELABURAN JANGKA PANJANG**



190. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2011, pulangan bagi pelaburan jangka panjang Negeri Selangor untuk 5 tahun ini adalah kurang memuaskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' menteri Besar:

- a) Apakah penjelasan Kerajaan Negeri Selangor dan apakah langkah-langkah yang akan di ambil untuk mengatasi masalah ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Timbalan Speaker, Telok Datok bertanyakan tentang pulangan pelaburan jangka panjang yang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan oleh Kerajaan Negeri iaitu mengenai rizab negeri kerana pulangan pelaburan jangka panjang Negeri Selangor untuk 5 tahun adalah kurang memuaskan. Jawapan saya ialah yang penting ialah dari segi strategi pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri iaitu menentukan yang pelaburan kita tidak akan hilang modal ertinya kalau kita memiliki RM2,000 juta pelaburan kita mesti tidak ada risiko yang RM2,000 juta itu akan kurang daripada nilai tersebut. Oleh sebab itu strategi yang kita lakukan ialah menentukan duit yang kita labur dalam simpanan bank yang mana dengan simpanan bank kita dapat pulangan tetapi modal kita ataupun kapital kita tidak hilang. Kedua kita juga menentukan kita kurangkan *cash*, sebab *cash* tidak mempunyai pulangan, kita simpan dana ini dalam bentuk 3 bulan ke 6 bulan. Jadi dengan cara itu kita dapat pulangan yang begitu yang dianggap pulangan jangka pendek. Mengenai pulangan jangka panjang, Kerajaan Negeri pernah membuat pelaburan dalam saham-saham syarikat-syarikat adanya yang di bursa saham ada juga syarikat-syarikat milikan kerajaan. Saya berpandangan apabila saya lihat pengalaman Kerajaan Negeri 5 tahun yang lepas atau 10 tahun yang lepas, tidak ada kepakaran dalam Kerajaan Negeri melabur dalam saham yang diurus niaga di pasaran saham. Jadi jawapannya kita tidak galakkan. Itulah sebab-sebab yang sudah di labur yang dinyatakan oleh Audit Negara pun sudah kehilangan modal. Maksudnya kalau dia melabur dengan harga RM3.00 sahamnya sekarang harga RM1.50.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan seterusnya Dengkil.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan saya 192.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK: PEMBINAAN MASJID PEKAN DENGKIL**

192. Pembinaan Masjid Dengkil telah diluluskan peruntukan sejak 2010 sehingga kini belum dimulakan pembinaannya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kemajuan projek tersebut?
- b) Berapakah peruntukan sebenar yang diperuntukkan?
- c) Apakah masalah yang dihadapi sehingga projek tersebut lewat dimulakan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Soalan Dengkil ialah Yang Berhormat dari Dengkil janji air percuma agak sinis soalnya. Adakah Kerajaan Negeri tersilap langkah dan tidak sanggup menunaikan janji air percuma pada setiap bulan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Ijok, soalan 192, soalan itu sebenarnya sudah dijawab jadi kita pergi ke soalan seterusnya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Soalan seterusnya ialah soalan 192 mengenai pembinaan masjid di Pekan Dengkil. Apa kemajuan projek tersebut. Projek tersebut telah di tender dan dilaksanakan dalam tempoh tender tersebut ini diberikan oleh jawapan oleh JKR dan pada 22hb. Januari 2013 dia akan bermula. Terdapat dua peruntukan. RM3 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM3 juta dari Kerajaan Negeri. Jadi kos membina masjid itu ialah RM6 juta. Apa masalah yang dihadapi sehingga projek itu lewat di mulakan. Ketika hendak dilaksanakan, jabatan dimaklumkan bahawa tapak cadangan pembinaan terlibat dengan kawasan rayau, kawasan rayau bagi kaum orang kita Asli. Ianya telah disahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan jabatan masih menunggu penilaian jika terlibat dengan pampasan. Ada dikatakan kawasan rayau. Kawasan rayau maknanya walaupun dari segi undang-undang Kanun Tanah Negara orang kita kaum Asli tak ada hak tapi dia akan menyatakan dia nak pampasan mengenai kawasan rayau.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik seterusnya daripada Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan 193.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah pendapatan UNISEL pada tahun 2011?
- b) Adakah pendapatan UNISEL merosot? Jika ia kenapa?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Sungai Pelek dan Puan Timbalan Speaker. Saya akan menjawab bersekali dengan soalan 233 dan 235. Pada tahun 2011 pendapatan UNISEL adalah sebanyak RM79.9 juta dan adakah pendapatan UNISEL ini merosot? Tidak merosot. Pendapatan UNISEL sebenarnya mula menunjukkan peningkatan dan di antara sebab-sebab utama kerugian ini bagi Gombak Setia ya, di antara sebab-sebab utama kerugian sebelum cukai sebanyak RM37.63 juta pada tahun 2010 adalah bayaran pinjaman bon *Al-Baids*. Kedua bayaran penyelenggaraan UNISEL di Kampung Bistari Jaya di samping bayaran kepada Jana Niaga Sdn. Bhd. Sebanyak RM20 juta. Ketiga kemerosotan nilai aset dan keempat jumlah pelajar yang tidak mencapai sasaran seramai 9,600 bilangan pelajar pada Oktober 2010 manakala sasarannya adalah sekurang-kurang 13,000 seperti yang disebutkan sebelum ini dan UNISEL telah melangkah mengambil langkah yang pro aktif dalam menangani masalah kerugian UNISEL di antaranya adalah:

- 1) Lembaga Pengarah telah bersetuju supaya Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih pembayaran pinjaman *Al-Baids* bermula Januari 2011.
- 2) Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan belanja pembangunan RM20 juta pada tahun 2012 untuk menampung kos membaik pulih sistem kumbahan UNISEL di Bistari Jaya.
- 3) Memperkemaskan strategi pemasaran seperti pembinaan pakej *e-tawaran* fokus pada sasaran dan menambah kekerapan pengambilan pelajar daripada tiga ke lima kali setahun dan peningkatan jumlah pelajar seramai 11,300 orang sehingga September 2012 juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan UNISEL.
- 4) Memastikan dengan izin *key personal* atau modal insan utama yang menerajui UNISEL yang mempunyai kesungguhan dan keupayaan untuk memastikan UNISEL beroperasi di tahap optima.

Jadi yang ( c ) adakah isu kerugian ini menjejaskan kemasukan pelajar ke UNISEL? Jawapannya tidak menjejaskan kemasukan pelajar malah jumlah pelajar didapati meningkat. Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah memberhentikan PTPTN ia memberikan publisiti yang meluas untuk UNISEL dan menambahkan minat lagi untuk masuk ke UNISEL. 235, masalah yang dihadapi oleh UNISEL adalah:

- 1) Ini adalah dari Bangi. Infrastruktur yang di bina zaman Barisan Nasional lagi tidak berfungsi dengan baik dan mengalami kerosakan yang besar. Ini infrastruktur ini di bina pada 2002.

- 2) Kesilapan berkemungkinan daripada pengambilan kemudahan bon terdahulu. Ini juga zaman sebelum kita.
- 3) Perjanjian yang berat sebelah dengan Syarikat Jana Niaga untuk tujuan B.O.T asrama bayaran dan penyelenggaraan 1.5 juta sebulan. RM1.5 juta sebulan.
- 4) Kesilapan dari segi pemasaran yang lebih memfokus luar Negeri Selangor dan luar negara berbanding dengan dalam Negeri Selangor dalam tahun 2012.

Dan bagi mengatasi masalah ini kita telah menumpukan untuk mengoptimalkan kos perbelanjaan dan peningkatan pendapatan pembangunan sistem permohonan pelajar dalam talian yang di bangukan sendiri oleh UNISEL. Pelan perancangan mengangkat UNISEL kepada pencapaian 200 universiti terbaik di dunia insya-Allah menjadikan UNISEL cemerlang sebagai universiti penyelidikan. Dan juga secara keseluruhannya prestasi UNISEL amat baik disebut daripada laporan setara 2011 separuh Oktober 2012 untuk penilaian tahun 2010 dan 2011 K 4 iaitu amat baik. Beberapa pencapaian pelajar terbaik diiktiraf oleh Badan Profesional seperti Institute Engineer Malaysia, Malaysian Institute Of Accounting MIA dan Pelajar TESL yang memenangi anugerah biasiswa Tun Dr Mahathir. Ketika daripada kajian treses tadi Kementerian Pengajian Tinggi juga kebolehpasaran graduan lepasan UNISEL adalah yang tertinggi bagi negara ini untuk sektor swasta dan syarikat antarabangsa.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya sangsi dengan jawapan yang dibagi bahawa tidak merosot, mengikut data yang saya ada pada pendapatan pada 2008, RM94 juta lebih, 2009, RM93 juta lebih, 2010, RM75 juta lebih, jadi saya sangsi dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO itu. Jadi boleh tak bagi angka-angka mengikut 2008, 2009, dan 2010 pendapatan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Sungai Pelek, Sungai Pelek, rujuk balik soalan Sungai Pelek 193, berapakah? pendapatan UNISEL pada tahun 2011, jadi Sungai Pelek bertanya bukan 2008, 2009, 2010, Sungai Pelek bertanya 2011 jadi saya jawablah 2011.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Pelek kena semak balik soalan ya,

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tak apa, tak apa, tolong jawablah apa yang saya tanya, soalan tambahan saya,

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Dan jawapan ini saya telah beri dan cuba *check hansard* Sungai Pelek ya, UNISEL ini, soalan tentang UNISEL dah banyak kali dah saya jawab dalam sidang ini, cuba *check* secara terperinci, sudah di jawab.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Bagi angka mengikut tahun, kalau sudah banyak kali jawab dalam pemikiran atau otak memang adalah Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan prestasi *ranking* UNISEL, memandangkan dalam dunia ini kita banyak kajian atau *survey* yang berprestij yang menilai kedudukan universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia, mengapakah tidak UNISEL mengambil bahagian dalam *survey* ini dan menilai bertambah ke depan ke atau bertambah ke belakang kedudukan UNISEL berbanding dengan universiti-universiti yang lain di Malaysia dan seluruh dunia.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Kampung Tunku, mungkin masa depan insya-Allah selama ini kita bukan sahaja kita tidak mendapatkan sokongan dan dokongan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi bahkan mereka menyakat pula UNISEL, jadi tumpuan kita sekarang ini ialah untuk membaiki apa yang telah silap dilakukan oleh pihak yang terdahulu dan sebenarnya banyak lagi benda-benda yang kita buat yang kita tak sempat sebutkan tadi seperti pertandingan motosikal yang disertai pasukan profesional seperti Honda, Yamaha, Kawasaki, Suzuki dan Petronas yang juga kedua tertinggi di kalangan IPTS selepas universiti PETRONAS daripada segi perolehan dana penyelidikan iaitu 10.9 juta, benda ini kita bermula dengan keadaan yang tidak begitu kondusif setelah insya-Allah kalau kita sampai ke Putrajaya dan mungkin apa penggal yang akan datang kita sudah agak selesa dan agak-agak mantap dan agak kukuh dan segala infrastruktur yang tersilap bina itu kita telah perbaiki, insya-Allah saya mengambil positif apa yang telah disarankan oleh Kampung Tunku,

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, hingga sekarang Apa

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bangi,

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan Bangi, nombor berapa?.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : O.. bukan beri untuk soalan ini, soalan tambahan, saya nak soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Okey, saya benarkan satu lain soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, sehingga kini Profesor Dr. Anuar masih dilantik atas nama Pemangku Rektor tidak adakah setakat ini tokoh yang benar-benar atau adakah beliau tidak layak untuk dilantik sebagai Rektor penuh dan adakah tidak ada tokoh yang lain untuk memenuhi jawatan Rektor ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Bangi, sebenarnya Profesor Dr. Anuar ini telah pun mendapatkan surat lantikan daripada Kementerian Pengajian Tinggi yang mengakui dia sebagai Vice-Canselor, Naib Canselor.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, Bangi soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Soalan 194

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
( BANGI )**

**TAJUK : PRESTASI BOLA SEPAK SELANGOR**

194. Selangor kalah di dalam pertandingan merebut Piala Malaysia 2012

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah faktor kekalahan pasukan bola sepak Selangor?
- b) Adakah rancangan bagi menyusun kembali pasukan bola sepak Selangor?
- c) Apakah insentif yang ditawarkan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan prestasi bola sepak Selangor?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Bangi, Puan Timbalan Speaker, bagi soalan 194, Bangi bertanya berkenaan dengan prestasi bola sepak Selangor, untuk makluman, semenjak 2 tahun kebelakangan ini pasukan bola sepak

Selangor telah berjaya menduduki tempat 3 teratas Liga di antara 14 pasukan yang mengambil bahagian. Bagi pertandingan Piala Malaysia pasukan Selangor mara ke peringkat separuh akhir di mana tewas kepada Terengganu pada tahun 2011 dan Kelantan pada tahun 2012 yang juga adalah Juara bagi tahun tersebut. Walau bagaimanapun di peringkat Piala FA pasukan bola sepak Selangor terkandas di separuh akhir 2011 dan di pusingan kedua pada tahun 2012. Pencapaian tersebut boleh ditafsirkan sebagai baik kalau nak dibandingkan pasukan lain yang juga mengeluarkan perbelanjaan lebih dari pasukan Selangor namun faktor beberapa pemain senior Selangor yang kurang berkesan juga adalah sebahagian dari faktor tersebut.

Bagi musim 2013 ini pasukan telah membuat rombakan dengan menukar 12 pemain yang telah dikenal pasti tidak berkesan dan digantikan dengan 11 orang pemain bakat muda dari pasukan Harimau Muda, pasukan lain dalam Liga dan daripada pasukan Piala Presiden. Pasukan juga telah membawa pulang beberapa pasukan pemain muda Selangor yang telah berhijrah kembali ke Negeri Selangor. Pada lazimnya Kerajaan Negeri akan memberikan insentif dalam bentuk wang bonus jika pasukan memenangi Piala atau menjadi johan dalam pertandingan-pertandingan tertentu, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan, Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Bangi ingin mengetahui dari segi kedudukan organisasi pasukan bola sepak di Selangor itu, adakah dia sebagai satu pasukan amatir atau dia di tubuh persendirian atau di tubuh atau di kawal oleh negeri ataupun sebagainya, kerana Bangi tengok kalau memimpin pasukan bola sepak kita tu kalau daripada kalangan pembangkang saya ingat daripada Taman Templer kalau tak silap itu dia salah seorang daripadanya, jadi kedudukan macam mana, mungkin dari segi kelemahan organisasi pentadbiran yang mungkin tidak *direct* di bawah kuasa dikatakan EXCO sukan dan sebagainya, kalau tidak, tidak mungkin diubah masa kuasa itu kepada negeri sepenuhnya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih, berkaitan dengan pembangunan sukan di Negeri Selangor, kebanyakan pembangunan sukan telah dilakukan oleh Persatuan yang menjadikan gabungan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor, ha.. untuk pasukan bola sepak adalah di bawah Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang mana Y.A.B. Dato' Menteri Besar sendiri sebagai Presiden kepada Persatuan Bola Sepak Selangor, saya kira untuk mengatakan faktor-faktor yang spesifik di antara mungkin kemerosotan pasukan bola sepak Selangor saya kira agak tidak berapa bertepatan kerana saya melihat secara keseluruhan pada segi pengurusan itu sendiri boleh diperbaiki dan saya kira Persatuan Bola Sepak Selangor sendiri

mempunyai kekuatan itu untuk terus memperbaiki secara keseluruhan organisasi dan juga untuk meningkat lagi taraf kekuatan pasukan bola sepak Selangor itu sendiri.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin bertanya sama ada sesuaikah orang politik menyandang jawatan dalam Persatuan Bola Sepak Negeri dan juga sama juga di peringkat nasional dan ia sebenarnya berunsur politik dan tidak sebenarnya dapat menyumbang pada persatuan bola sepak atau dalam permainan ini.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Kajang, saya melihat bahawa di dalam pengurusan termasuklah sukan itu sendiri keterlibatan ahli-ahli politik itu bukan satu perkara yang mungkin menjadi faktor kelemahan dan sebagainya, cuma yang penting adalah komitmen datangnya walaupun yang dikepalai oleh seorang ahli politik tapi kalau mempunyai komitmen yang baik untuk memajukan sukan itu sendiri saya kira kita boleh berjaya, hatta kalau kita berikan kepada bukan orang politik pun kalau tidak mempunyai komitmen yang baik saya kira tidak tentu akan berjaya ataupun lebih gagal daripada itu. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Damansara, tidak hadir. Kota Alam Shah, tidak hadir juga. Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Puan Timbalan Speaker, soalan no. 197

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
( TERATAI )**

**TAJUK : STATUS PEMBINAAN PENCAWANG ELEKTIK DI KAWASAN  
CHERAS HARTAMAS,**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Kerajaan telah berjanji akan menjalankan siasatan mengenai jajaran tersebut apakah keputusan atau komen dalam lawatan tersebut.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Puan Timbalan Speaker, soalan Teratai adalah berkenaan dengan status pembinaan pencawang elektrik di kawasan Cheras Hartamas, sehingga kini pihak MPKj tidak menerima arahan ataupun keputusan yang terbaharu daripada MTES berhubung isu tersebut, jadi kalau ada mesyuarat di masa



depan Yang Berhormat akan diberitahu dan bersama-sama dengan penduduk akan diberitahu lah, terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Ya, Kajang ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri sama ada pencawang tenaga TNB ini sama ada masih relevan yang dia membentuk ada *tower* dan kabel atas tanah, apakah cadangan kalau kabel-kabel ini kalau di tanam bawah tanah dan ia akan elok dari segi pemandangan dan juga dari segi rediasinya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, memang Kajang memang benar, di beberapa negara maju mereka telah menanam kabel lah, tidak lagi macam di Malaysia. Sebenarnya di Malaysia pun memang ada beberapa kawasan kita telah menggunakan cara itu, tetapi saya telah diberitahu oleh TNB bahawa kos yang jika menanam kabel kos itu terlampau tinggi, sebab itu TNB selalunya mengelakkan cara itu, tetapi bagaimanapun kalau dalam keadaan yang perlu saya rasa kos itu bukan isu yang paling penting, yang paling penting adalah kesihatan dan atapun keselamatan rakyat, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Taman Templer, tidak hadir. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Timbalan Speaker, soalan 199.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab-sebab Kerajaan Negeri Selangor sanggup menjual bangunan-bangunan yang dimiliki oleh PKNS?
- b) Apakah keuntungan dan faedah-faedah yang diperoleh daripada penjualan bangunan-bangunan tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Timbalan Speaker. Sungai Burong menanyakan tentang soalan yang saya baca. Apakah-sebab-sebab Kerajaan Negeri sanggup menjual bangunan-bangunan yang dimiliki oleh PKNS? Kedua, apakah keuntungan faedah-faedah diperoleh daripada penjualan bangunan tersebut?

Pertama, saya rasa terdapat kekeliruan ataupun kalau tak keliru adalah satu kenyataan yang fitnah yang mengatakan PKNS menjual aset-asetnya. Sebab PKNS menyusun semula aset-asetnya supaya dimasukkan dalam satu kumpulan syarikat yang mana syarikat itu akan mengendalikan pengurusan bangunan-bangunan itu. Kita telah dan PKNS supaya dia bersikap profesional. Dia telah meminta pandangan saya di *Price Water House Coopers* untuk menentukan bagaimana cara pengurusan aset-aset tersebut.

Kedua, kita bantah cadangan ini untuk penelitian pihak Perbendaharaan Malaysia yang juga salah seorang daripada Pengawal Pembangunan Aset ataupun Harta dan Pelaburan Kerajaan Negeri di PKNS. Oleh sebab itu ada beberapa kenyataan yang mengelirukan dan bertujuan yang mengatakan bila kita pindah aset-aset tu ke dalam anak syarikat milikan penuh, ianya dikatakan dijual. Tak ada. Dan menegaskan aset-aset, kalau dia tidak dijual daripada pemindahan itu, pemindahan aset-aset itu biasanya dilakukan berasaskan kepada kiraan *net asset value* ataupun *the book value of the asset*. Dan *book value* ini memang jelas boleh didapati tapi apabila kita *consolidate* maknanya dia balik kepada nilai asalnya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, seterusnya Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya no. 200.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : STATUS ASRAMA YAYASAN SELANGOR KAMPUNG PANDAN DAN  
BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG**

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini asrama Toh Puan Norasahikin dan asrama Tun Dr. Ismail?
- b) Apakah rancangan pembangunan di masa hadapan Kerajaan Negeri terhadap tanah atau tapak kedua-dua asrama ini? Apakah status terkini bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang?
- c) Apakah rancangan pembangunan Kerajaan Negeri terhadap bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang selepas semua penyewa-penyewa ditamatkan kontrak penyewaan dari bangunan berkenaan?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Permatang. Puan Timbalan Speaker. Asrama Toh Puan Norashikin tidak lagi beroperasi manakala asrama Tun Dr. Ismail yang masih beroperasi menempatkan seramai 160 orang pelajar (Tingkatan 2 – 5) bagi tahun 2012. Pada tahun 2013 semua pelajar akan ditempatkan semula ke sekolah yang memiliki asrama di dalam sekolah (asrama daerah) atau ke sekolah yang berhampiran dengan rumah pelajar atas pilihan mereka atau ke Asrama Yayasan Selangor di Klang dan Sabak Bernam.

Kedua, Yayasan Selangor akan membina sebuah sekolah berasrama penuh yang boleh menampung 1,000 pelajar menggantikan AYSKL (Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur) yang menelan belanja tidak kurang daripada RM50 juta (tidak termasuk kos tanah). Dan kos pembinaan adalah pulangan daripada memajukan tapak AYSKL dengan pendapatan keseluruhan tidak kurang daripada RM300 juta (*in cash and kind*) dengan izin.

Yayasan Selangor juga telah bersetuju untuk menggantikan Asrama Yayasan Selangor KL yang akan ditutup dengan membina sebuah sekolah berasrama penuh di dua lokasi cadangan iaitu pertama di Kem Bina Semangat Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Kawasan tersebut sangat strategik kerana terdapat berbagai pusat pendidikan dan kawasan riadah yang sangat sesuai untuk dijadikan tapak Kolej Yayasan Selangor. Pusat pendidikan sedia ada di persekitaran kawasan tersebut ialah Pusat Tahfiz Al-Quran (Darul Quran), Maktab Rendah Sains Mara dan Institut Kemahiran Belia Negara. Cadangan lokasi yang pertama ini sangat sesuai kerana berhampiran dengan stadium dan kawasan riadah milik Majlis Daerah Hulu Selangor. Terdapat juga Masjid Darul Quran di dalam kawasan hub pendidikan ini. Dan suasana sekeliling yang sejuk dan dikelilingi dengan alam semula jadi yang asal sangat sesuai dijadikan tempat untuk belajar.

Cadangan lokasi yang kedua ialah kawasan yang terletak di dalam bekas Hutan Simpan Sg. Pusu dalam Daerah Gombak yang terletak di belakang UIA dan berhampiran Kolej Islam Antarabangsa. Kawasan ini juga sesuai untuk dibina sekolah kerana dikelilingi oleh hub pendidikan dan alam semula jadi yang menghidupkan. Seluas 60 ekar dicadangkan untuk pembinaan sekolah daripada keseluruhan keluasan tanah 284 ekar yang bakal dimiliki oleh Yayasan Selangor.

Tapak kedua-dua asrama ini telah di tender secara terbuka dan akan dibangunkan sebagai sebuah projek pembangunan bercampur dan hotel dengan kadar pulangan 30% daripada Nilai Kasar Pembangunan (GDV) dengan izin. Dan termasuk pembinaan sebuah sekolah berasrama penuh Yayasan Selangor. Ini jawapan kepada soalan (b).

Bagi jawapan (c), bangunan ini akan melalui proses *refurbishment* untuk dijadikan hotel dan lot-lot komersial untuk meningkatkan hasil pendapatan. Projek Bukit Bintang

adalah projek berkonsepkan *Built Operate and Transfer*. Bangunan Bukit Bintang ini dijangka akan memberikan pulangan hampir RM1 juta bersih sebulan kepada Yayasan Selangor berbanding sebelum ini hanya RM500,000.00 pendapatan kasar. Tempoh konsesi adalah 30 tahun. Dan sepanjang tempoh ini Yayasan Selangor juga akan menikmati kenaikan sewaan mengikut ketetapan di dalam perjanjian sewaan jangka panjang ini.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Dalam ucapan banyak kali dalam Dewan ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan sepanjang Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran tidak ada lagi penswastaan dibuat untuk tanah-tanah Kerajaan Negeri. Jadi soalan saya, bagaimana penswastaan boleh dibuat ke atas tanah milik Yayasan Selangor ini? Boleh dibuat sedangkan matlamat asal pendidikan Yayasan Selangor ialah untuk membantu anak-anak luar bandar mendapat pendidikan, peluang pendidikan di dalam Bandar Raya Kuala Lumpur seterusnya.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Sekiranya Permatang risau yang mungkin pendidikan luar bandar, anak-anak daripada luar bandar terjejas, seperti yang saya sebutkan sebelum ini, kita sekarang ini menumpu kepada pendidikan ini mesti dibuat di tempat yang sesuai. Sedangkan di kawasan yang tapak asrama Kuala Lumpur yang sebelum ini, Toh Puan Norashikin dan Tun Dr. Ismail ini, sekarang ini telah dikerumuni oleh pembangunan komersial. Jadi ianya tidak sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Dan kita sekarang ini menumpukan di dalam kawasan Negeri Selangor itu sendiri untuk di *upgrade* kan dan seperti yang Permatang sebut, saya dah jawab yang disebutkan oleh Permatang. Permatang juga bersetuju di mana Yayasan Selangor perlu mencari sumber kewangan untuk menampung dan menambahkan lagi pembiayaan kepada seramai mungkin pelajar-pelajar bagaimana kita nak *upgrade* kan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi ini adalah konsep selari dengan perwujudan Yayasan Selangor itu sendiri. Ini satu prosesnya Permatang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, soalan seterusnya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Puan Timbalan Speaker, soalan 203.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

## TAJUK : PENUKARAN METER PUKAL KEPADA METER INDIVIDU

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan pangsapuri-pangsapuri yang telah ditukarkan daripada meter pukal kepada meter individu mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2012.
- b) Senaraikan pangsapuri-pangsapuri yang belum ditukarkan daripada meter pukal kepada meter individu mengikut pecahan PBT dan apakah faktor yang menyebabkan penukaran meter pukal kepada meter individu tidak dilaksanakan untuk pangsapuri tersebut?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Bismillahir rahmanir rahim.* Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat adalah dalam 2 pecahan. Yang pertama adalah jumlah pangsapuri yang telah mendapat meter individu yang telah ditukar daripada meter pukal. Saya mempunyai senarai yang panjang di sini. Sebanyak 123 kawasan yang melibatkan hampir 30,000 unit. Oleh itu senarai ini akan saya serahkan untuk dapat ditatap oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Oleh kerana ia terlampau panjang untuk dibaca.

Tapi soalan yang kedua adalah kenapa terdapat pangsapuri-pangsapuri di mana migrasi tidak dapat dilakukan atau terlampau perlahan untuk dilakukan. Di antaranya adalah oleh kerana pangsapuri tersebut mempunyai tunggakan yang tinggi. Oleh itu SYABAS hanya mahukan agar tunggakan ini diselesaikan barulah migrasi ini dapat dilakukan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah melakukan rundingan-rundingan dengan pihak SYABAS dan telah kita mencadangkan suatu kaedah dan ianya diterima di mana tunggakan ini akan di*transfer* dengan izin kepada meter individu pemilik-pemilik ataupun penduduk apabila migrasi telah dilakukan. Tetapi ini juga memerlukan masa kerana memerlukan persetujuan dua-dua pihak. Oleh kerana kadangkala terdapat perbezaan fakta atau *dispute* dengan izin di antara jumlah hutang yang ada dipegang oleh SYABAS yang dinyatakan oleh SYABAS dan hutang yang perlu dilakukan yang perlu dilunaskan oleh pemilik-pemilik individu itu.

Perkara kedua, yang selalunya yang menghalang akan migrasi adalah masalah teknikal. Kerana pihak SYABAS juga mahukan meter, contohnya meter air yang ada di unit-unit individu itu diletakkan di tempat yang sesuai. Ada yang terlalu tinggi, ada yang dipasang terbalik dan perkara-perkara inilah yang perlu diselesaikan dahulu sebelum migrasi dapat dilakukan. Dan untuk menyelesaikannya mempunyai, memerlukan sumber kewangan dan ada tempat pangsapuri yang mengambil masa untuk memungut akan sumber kewangan ini ataupun kewangan ini yang mencukupi agar dapat dilakukan *repair* dengan izin ataupun untuk meletakkan kedudukan meter dan masalah-masalah teknikal lain untuk diselesaikan supaya migrasi dapat dilakukan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Bukit Antarabangsa, tidak hadir. Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, soalan saya no. 205.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : PENGAMBILAN HUTANG PEMBELIAN RUMAH PKNS**

205. Sebahagian rakyat Selangor yang berpendapatan rendah dan sederhana sedang menghadapi masalah hutang pembelian rumah PKNS untuk sekian lamanya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah sebenar hutang yang ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah PKNS.
- b) Berapa ramaikah pembeli-pembeli yang terlibat?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melupuskan hutang-hutang ini atau memberikan subsidi atau pengurangan harga terhadap hutang-hutang berkenaan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Permatang membangkitkan tentang pengambilan hutang pembelian rumah PKNS. Isu ini dibangkitkan atas dasar bahawa PKNS *bail out* Talam. Itu sebab orang kata kalau dia sudah boleh menolong Talam membayar hutang-hutang Talam dan sudah tentulah penghuni-penghuni rumah PKNS yang tak boleh bayar hutang pada PKNS minta pembelian hutang ini dibiayai oleh PKNS. Kenyataan itu tak benar. Dan kenyataan itu telah ditegaskan dalam kertas putih. *There was no bail out. Tak ada bail out. There's no* pembayaran kepada syarikat Talam. Jadi atas dasar itu, maknanya tujuan untuk menggunakan, menggunakan sebab bahawa PKNS kena beli daripada hutang-hutang pembelian rumah PKNS itu tidak berbangkit. Dan kenyataan ini pun kenyataan fitnah. Saya mencadangkan penghuni-penghuni itu boleh bawa kes ini ke mahkamah untuk tunjukkan bahawa sebabnya dia minta pembayaran ini kerana PKNS telah *bill out* Talam.

Kedua, berapakah jumlah sebenar hutang yang ditanggung? Tak ada rekod sebab hutang-hutang itu adalah pembayaran hutang dengan bank. Bukan, bukan dengan PKNS. Dan berapa ramaikah pembeli yang terlibat? Kita nak tanya pembeli-pembeli. Itu sebab saya minta perkara in dimasukkan ke mahkamah supaya pembeli-pembeli itu

akan membuat kenyataan affidavit dan surat sumpah yang dia memiliki hutang-hutang tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI:** Puan Timbalan Speaker, soalan 206.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : BANJIR DI JALAN 16, TAMAN RAKAN, CHERAS**

206. Jalan 16, Taman Rakan, Cheras kerap dilanda banjir setiap kali hujan lebat turun dan melibatkan penduduk di kawasan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha pihak PBT dan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?
- b) Apakah punca sebenar yang menyebabkan banjir yang kerap berlaku di kawasan tersebut?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker. Soalan Dusun Tua adalah berkaitan dengan banjir di Jalan 16, Taman Rakan, Cheras. Arahan kepada pemaju Tetuan Pajastik Sdn. Bhd. telah dikeluarkan bagi membuat kajian bagi keseluruhan bagi mengatasi masalah banjir. Lawatan tapak bersama dengan wakil JPS Hulu Langat pada 27hb. September tahun ini yang di mana JPS memaklumkan kerja-kerja pembersihan di parit monsun akan dibuat oleh pihak JPS dan pemaju Rapat Sutera Sdn. Bhd. juga akan menjalankan kerja-kerja pembersihan parit monsun yang bersempadan dengan lot milik mereka. Pihak JPS Hulu Langat juga telah memohon kelulusan peruntukan caruman daripada Kerajaan Negeri bagi menaik taraf parit monsun di Taman Rakan dan hakisan tebing sungai bagi mengatasi masalah kejadian banjir kilat di Taman Rakan. Kejadian banjir di Taman Rakan telah berlaku sejak 10 tahun yang lepas. Kawasan ini juga merupakan kawasan yang paling rendah, *the lowest point* dengan izin. Parit monsun sedia ada di Taman Rakan juga perlu dinaik taraf dan kerja-kerja pembersihan perlu dijalankan secara berkala. Ini memandangkan banyak projek pembangunan di sekitar pembangunan Sungai Long, Cheras. Saya rasa MPKj dan JPS bolehlah membuat permohonan kerana negeri baharu sahaja telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta yang di luar daripada bajet untuk isu banjir. Dan soalan sebenar, *solution* untuk banjir sebenarnya ialah JPS kurang dana. Saya bagi contoh ya, tahun ini JPS telah membuat permohonan meminta sebanyak RM39 juta.

Walau pun bajet telah diluluskan, sedang dibincangkan di Parlimen tetapi sampai hari ini JPS belum lagi mendapat *approval* ataupun kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Itulah, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI:** Saya mengucapkan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat EXCO tentang penyelesaian kepada masalah banjir di Taman Rakan ini. Jadi saya harap ada jumlah peruntukan akan diberikan. Cuma pada hari ini saya lihat fenomena tentang banjir kilat di taman-taman perumahan ini begitu banyak berlaku di kawasan saya ni kerana antara faktornya adalah pembangunan di lot-lot bersebelahan, sama ada projek pembangunan perumahan ataupun apa-apa juga projek yang dilaksanakan oleh pihak-pihak lain. Jadi sebab itulah ada juga tempat-tempat seperti di Seksyen 7, Bandar Sungai Long, Taman Seri Nanding, Taman Damai Batu 18 mengalami masalah yang sama. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri juga soalan saya seterusnya menyediakan peruntukan ke arah penyelesaian kepada taman-taman yang saya sebut tadi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** *Noted*

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila ulang Bahasa Melayunya apa? Sudah ambil maklum?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Ya. Seperti dijelaskan oleh Menteri Besar semalam. Memang isu banjir adalah kerana perancangan di zaman dulu terlalu tidak tersusun dan rapi. Sebab itu arahan telah diberi kepada semua PBT, JPS, JKR dan lain-lain supaya rancangan di masa depan kenalah dengan lebih teliti dan lebih rapi supaya kita boleh mengelakkan ataupun me *minimise* kan banjir kilat dan sebagainya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** Terima kasih Puan Speaker. Soalan no.207.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PENYAMPAIAN MAKLUMAT YANG TELUS SERTA ADIL**



207. Banyak isu-isu sensasi tentang Kerajaan Negeri telah wujud masa kini dan mengganggu kehidupan masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri menangani isu sebegini dari berleluasa?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri telah berjaya menyalurkan maklumat secara telus lagi terbuka?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pelabuhan Klang membangkitkan isu penyampaian maklumat yang telus serta adil. Saya rasa saya agak terperanjat soalan ini disoalkan. Oleh kerana yang melakukan, yang mahukan maklumat yang telus serta adil ini ialah Kerajaan Pakatan Rakyat yang mana kita telah luluskan *freedom of information*. Dan ini tidak berlaku sebelum ini. Itu, dan sekarang ada 2 negeri sahaja yang mula mencuba melaksanakan ini iaitu Negeri Selangor dan kemudiannya diikuti oleh Pulau Pinang. Oleh sebab itu kita telah membelanjakan beberapa usaha untuk menentukan penerangan mengenai aktiviti-aktiviti Negeri Selangor melalui 2 saluran iaitu saluran TV Selangor, kedua melalui saluran akhbar Selangor Kini. Dan ini telah kita kaji dan mengikut kajian terbaru *Merdeka Centre*, kita terdapat 30% pencapaian maklumat kita sampai ke tangan rakyat Negeri Selangor dan kita mesti mempertingkatkan sehingga ke sampai peringkat 60%.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ia, Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin bertanya soalan tambahan mengapa, pertama sekali mengapa pihak pembangkang jika mereka mahukan maklumat yang telus tidak menyokong Enakmen Kebebasan Maklumat ketika dibentangkan dahulu dan kenapa mereka kini tidak menggunakan sepenuhnya enakmen tersebut kerana sebagai pihak pembangkang itu sepatutnya membantu mereka untuk menjalankan tugas mereka dengan baik?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Seri Setia sekarang. Betul saya punya kenyataan. Terima kasih Seri Setia. Pertama, saya nak ingatkan itu sebabnya terdapat reformasi pada tahun 2008 di mana rakyat Selangor mahukan perubahan. Dan Pakatan Rakyat membawa perubahan tersebut. Itu jelas. Kedua, kita telah tunjukkan dalam beberapa usaha kita masa dalam Dewan ni. Kita juga menggalakkan maklumat-maklumat itu diberi kepada semua Ahli Dewan Negeri. Ada 3 maklumat yang saya rasa Ahli Dewan Negeri perlu melihat dan membuat komen ataupun cadangan. Satu ialah Talam, kertas putih Talam. Kedua, tentang *progress* atau kemajuan air

ataupun penyusunan semula Industri Air Selangor. Ketiga, kita juga memberikan untuk maklumat semua tentang proses pendemokrasian Negeri Selangor di mana kita memberi maklumat tentang pengundi-pengundi dan seterusnya. Itu kita masukkan dalam surat nota-nota kepada Dewan. Ini menunjukkan satu kemajuan yang mana kita tunjukkan kepada Dewan tentang apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri demi ketelusan dan maklumat untuk semua.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin bertanya bawah Enakmen *Freedom of Information Act* kerajaan telah membuka, membuka semua dokumen kepada orang awam untuk meneliti dan salah satu daripadanya kita telah dalam sesi Dewan ini telah membongkarkan tanah-tanah yang disapu oleh pihak Barisan Nasional pada penggal yang dulu dan ini merupakan satu kemajuan. Dan apakah usaha-usaha lain selain daripada ini ada yang disebut tadi ada melalui TV, radio. Bagaimana dengan penubuhan SELCAT dan juga Jawatankuasa Pilihan Khas dalam Dewan? Adakah ini usaha yang sama juga?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Puan Timbalan Speaker. Saya juga menggalakkan kumpulan pembangkang UMNO Barisan Nasional untuk membuka juga maklumat-maklumat jika ada Ahli-ahli Dewan Negeri daripada Pakatan Rakyat dapat tanah ataupun diberikan tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu contoh *freedom of information*. Maknanya maklumat tu pun mesti sama. Dan saya boleh bantah ataupun hebahkan maklumat tersebut. Tujuannya ialah sebab prinsip kita ialah prinsip ketelusan. Kedua, pertanggungjawaban dan kompetensi. Jadi oleh sebab itu kita bukan hanya menceritakan tentang untuk cerita-cerita yang memihak tapi kita bagi kebebasan maklumat sebegini dan saya berharap dengan adanya cara ini, akhbar-akhbar dan TV-TV akan membuat cara yang kita lakukan. Jadi Utusan Melayu, Straits Time, Berita Harian dan juga Star dan juga TV3, TV1 dan TV2 melakukan seperti yang saya cadangkan ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik, soalan 208 hingga 210 sudah dijawab. Dan seterusnya Kota Damansara, tidak hadir. Paya Jaras.

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR :** Puan Speaker, soalan no .212.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: STATUS TANAH MILIK KERANAAN NEGERI DI KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri di kampung-kampung tradisional mengikut daerah? Nyatakan jumlah keluasan yang telah diberikan TOL kepada individu atau syarikat mengikut daerah sejak tahun 2008? Sila berikan butiran lengkap mengenai?
- b) Adakah di antara tanah-tanah milik Kerajaan Negeri tersebut dijual kepada individu atau syarikat-syarikat tertentu? Sila berikan butiran lengkap individu dan syarikat yang membeli serta nilainya?
- c) Adakah pelupusan tanah milik Kerajaan Negeri tersebut mendapat kelulusan pihak EXCO atau pihak Menteri Besar sahaja?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Paya Jaras membangkitkan tentang isu status tanah milikan kerajaan di kampung-kampung tradisional. Nyatakan jumlah keluasan tanah-tanah milikan Kerajaan Negeri di kampung-kampung tradisional mengikut daerah dan nyatakan jumlah keluasan yang diberikan TOL kepada individu atau syarikat mengikut daerah sejak 2008. Di keluasan tanah, saya akan hantar kepada Paya Jaras secara bertulis dan kita ada rekod tentang umpamanya keluasan tanah milik kerajaan di kampung tradisional. Di Sepang kita mempunyai 8,437.97 ekar dan itu sebagai contoh. Dan kita mempunyai pandangan, tanah-tanah ini kita tidak lagi berikan secara TOL kerana kalau tanah-tanah ini sudah diduduki oleh peneroka, kita akan minta Pegawai Daerah untuk menentukan bahawa mereka benar-benar duduk di situ dan kita akan berikan pemilikan tanah. Tapi ini untuk tapak rumah. Bukan untuk tapak untuk pertanian dan seterusnya. Tujuan kita ialah memberikan tanah kepada pemilik-pemilik rumah dan tidak secara dulu, secara TOL yang kita tak tentu tentang pemilikannya. Walau bagaimanapun ada tapak-tapak tanah yang dikatakan milik kerajaan, di atas rizab sungai ataupun dia ada di rizab sungai. Ini kita bagi ingatkan pemilik-pemilik yang duduk di situ bahawa kita bagi masa supaya kalau ada tanah-tanah kerajaan yang lain, kita akan pindahkan mereka supaya tidak lagi mereka duduk di rizab-rizab sungai.

Adakah pelupusan tanah milik Kerajaan Negeri mendapat kelulusan EXCO atau pihak Menteri Besar? Sebenarnya dalam undang-undang Kanun Tanah Negara di bawah *National Land Code*, pemberian pemberimilikan daripada kerajaan kepada individu ataupun sesiapa pun mesti mendapat kelulusan EXCO Negeri. Iaitu, itu tak..

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR :** Soalan Tambahan Puan Speaker.

**Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Paya Jaras.

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR :** Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, adakah kejadian di mana tanah-tanah pemilik khusus di kampung Bumiputera dijual kepada bukan Bumiputera?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Sebenarnya pertindihan pemilikan berlaku, berlaku, berlaku. Dulunya dari segi undang-undang, jika terdapat pertindihan pemilikan, terdapat pertindihan pemilikan, adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk mengganti kepada sesiapa yang, yang telah dikatakan tertindih. Jadi kalau Mr. A ada tanah tu, Mr B pun ada tanah tu, Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk menyelesaikan sekurang-kurangnya menggantikan tanah. Itu berlaku. Tapi jawapannya sekarang, jawapan sekarang yang mengikut keputusan Mahkamah Tertinggi, hanya ini tanggungjawab negeri, tanggungjawab negeri untuk menggantikan tanah-tanah ini hanya terikat hanya kepada kalau benar-benar negeri itu tersilap. Kalau dikatakan *fraud* ataupun ditipu Kerajaan Negeri tidak mempunyai tanggungjawab lagi. Jadi oleh sebab itu, kita melihat kalau ada berlaku, kita pantau sama ada ia atas kesilapan maknanya negeri ataupun dia ada satu penipuan tentang tersebut. Jadi, walaupun sama ada tanah rizab Melayu ataupun tanah milikan kesemua, semuanya itu sekarang dilihat. Jadi oleh sebab itu, semua rekod-rekod mengenai pemilikan tanah disemak semula supaya tidak ada lagi penindihan yang menyebabkan negeri terpaksa membiayai keadaan tersebut.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEKAER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana ada skim pemberi milik tanah kepada mereka yang duduk di tanah TOL. Di dalam DUN Kajang, didapati ada sekumpulan penghuni yang ditempatkan waktu penempatan, waktu darurat dulu. Darurat 1948 diletak di dalam Kampong Batu 10, Kampung Tradisi Melayu. Dan ketika itu memang diletak diberi TOL tetapi sekarang memang mereka masih TOL. Dan dikatakan kawasan itu adalah simpanan jalan. Dan mereka telah dimasukkan di dalam kampung itu awal lagi. Jadi status mereka sekarang ni macam tergantung. Walaupun EXCO telah turun dan meneliti dan mendapati mereka tidak sesuai duduk di tempat yang digazet sebagai simpanan jalan. Maka Kajang ingin bertanya apakah penyelesaian seperti kes ini kerana kalau mereka dikeluarkan dari kampung masalah mereka sudah duduk di situ begitu lama dan sudah bersama komuniti kalau dikeluarkan akan terasing daripada komuniti. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Timbalan Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Kajang ada berlaku. Antara lain ialah sebagai contoh terdapat

rizab, tanah rizab Melayu di perkampungan Kaum Cina. Jadi maknanya rizab Melayu, jadi itu pun kita kena selesaikan. Kedua terdapat dalam perkampungan itu rizab jalan dan rizab sungai yang diduduki oleh mereka mengikut pandangan mereka dia dah duduk berpuluh tahun dan tak ada bangkangan ya...jadi jawapannya. Jadi isu,itu ialah isu pengurusan. Saya berpandangan jika benar-benar kita perlukan rizab jalan tersebut, kita benar-benar perlukan rizab jalan tersebut sudah tentu kita kena ganti. Tapi kalau kita katakana rizab jalan itu tidak akan kita gunakan kita gunakan konsep di gazet maknanya tidak digazet. Itulah isu pengurusan. Jadi kita buat keputusan. Tapi akhirnya Mereka yang duduk di tempat itu berpuluh tahun akan kita bagi peluang mereka untuk memilikinya. Itu tujuan kita. Tak ada satu pun rakyat Negeri Selangor kita buang dari kawasan perumahannya atas dasar mereka menyalah gunakan ataupun menduduki tanah yang bukan tanah mereka terutama tanah kerajaan. Supaya kita bagi peluang untuk mereka. Ini hanyalah peluang ini dibagi atas dasar pemilikan untuk rumah kediaman bukan atas dasar untuk mendapat tanah untuk buat pertanian dan seterusnya. Hanya dasar menentukan setiap rakyat Selangor mendapat peluang tanah ataupun tempat untuk kediaman mereka.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING :** Soalan saya 213

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK: LESEN MENDUDUKI TANAH SEMENTARA (TOL)**

213. Pejabat Tanah Sepang telah membatalkan lesen TOL kepada pengusaha yang telah mengusahakan tanaman sejak beberapa lama.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan ke atas tanah tersebut?
- b) Apakah bantuan ganti rugi atau bantuan yang diberi kepada mereka yang kehilangan mata pencarian?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Timbalan Speaker, Y.B. Dengkil menanyakan tentang lesen tapi sambungan daripada perbincangan tadi ialah Lesen Tanah Sementara (TOL). Apakah Pejabat Tanah Sepang telah membatalkan lesen TOL kepada pengusaha yang telah mengusahakan tanaman sejak beberapa lama. Apakah perancangan kerajaan ke atas tanah tersebut. Dan apakah bantuan ganti rugi yang diberikan kepada mereka. Isunya isu dari segi polisi. Adakah kerajaan terus

membenarkan mereka-mereka menduduki tanah kerajaan dengan tidak mempunyai pemilikan. TOL ialah pemilikan sementara. Jadi isu kita kerajaan memberikan keutamaan. Untuk pemilikan tapak rumah ataupun kediaman kerajaan sudah mempunyai polisi. Untuk pemilikan perusahaan tanaman kerajaan telah menggubal satu polisi yang mana kita hanya beri mengikut bukan cara premium yang kita berikan dahulu terlalu murah maknanya 100 atau pun untuk satu kumpulan tanah sama ada tiga ekar lima ekar. Kita akan, pertama tentukan sama ada tanah-tanah ini adalah tanah-tanah yang akan digunakan oleh kerajaan atau pun tanah-tanah ini memang nak dijadikan tanah pertanian dan kita akan tawarkan kepada mereka-mereka yang memiliki yang menggunakan tanah-tanah tersebut dan tawaran itu atas dasar perniagaan ataupun atas dasar nilai pasaran tanah pertanian. Jadi maknanya mereka akan memiliki tanah itu atas dasar nilai-nilai pertanian dan duit-duit itu boleh didapati oleh kerajaan untuk diberikan penggunaan kepada rakyat Selangor.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING:** Soalan Tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING:** Terima kasih Y.B. Ijok. Kita dapati bahawa tanah-tanah yang dibatalkan lesennya ni ialah tanah yang tidak strategik untuk dibangunkan pada ketika ini. Jadi adakah kerajaan sedia menimbang semula kerana ini menjejaskan pendapatan tambahan kepada petani. Dan soalan kedua saya ialah seperti mana yang berlaku di kawasan Pulau Meranti di mana tanah telah pun diluluskan kepada orang lain sedangkan permohonan daripada pemilik ataupun pemegang TOL sendiri itu ditolak dan diluluskan kepada orang lain. Saya ingin penjelasan dalam hal ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Oleh kerana kita mengamalkan dasar keterbukaan dan ketelusan Y.B. Dengkil boleh memberi kita maklumat bahawa terdapat kepincangan dari segi pemberian tanah untuk mereka yang sepatutnya diberikan keutamaan tidak diberi kepada orang lain. Jadi kita boleh buka untuk pengetahuan orang ramai. Jadi senang. Jadi pada saya itu satu perkara yang perlu kita buat. Kedua, kita juga menggalakkan oleh kerana tanah-tanah itu tanah-tanah pertanian yang tidak termasuk dalam dikatakan rancangan Perbandaran Pihak Berkuasa Tempatan jadi boleh jadi tanah pertanian. Kita galakkan dia terus menjadi pertanian. Tetapi pertanian yang kita mahukan ialah *owner operator* maknanya orang-orang yang menjalankan pertanian itu diberikan keutamaan. Bukan dia dikatakan memajak tanah dia. Dia dapat tanah memajakkan tanah dia untuk diuruskan oleh orang lain. Ha..jadi tak ada, jadi oleh sebab itu Pegawai Daerah akan memantau pemilikan dan penggunaan tanah tersebut. Ketiga kita juga minta pihak Pegawai Daerah untuk menentukan apakah pembayaran yang munasabah untuk kerajaan memberikan tanah-tanah tersebut kepada mereka yang diberikan keutamaan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB :** Puan Timbalan Speaker Soalan 215

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PBT DAN ZON BERSIH**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan zon bersih menurut PBT di seluruh Negeri Selangor?
- b) Sejauh manakah sambutan dan tahap keberkesanan program zon bersih setakat ini?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri bagi menjayakan program zon bersih di bawah MPAJ?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker,soalan Hulu Kelang adalah berkaitan dengan Zon Bersih. Untuk makluman program Zon Bersih telah tiga tahun dilaksanakan di semua 12 PBT Selangor sejak tahun 2010. Oleh yang demikian sehingga tahun 2012 terdapat 36 zon bersih yang telah dipertandingkan secara rasmi di antara PBT Selangor. Berikut adalah di antara kawasan-kawasan yang dipertandingkan mengikut PBT dari 2010 sehingga 2012:

MBSA – Taman Sri Muda, Kg. Melayu Subang, Seksyen 10 dan Seksyen 11

MPPJ – Seksyen 52, SS2 dan Dataran Sunway

MPK – Jalan Berangan, Pandamaran dan Pekan Meru

MPSJ – Kg. Sri Aman, Taman Batu Tiga, Taman Sri Serdang

MPAJ – Pandan Indah, Pekan Ampang dan Taman Permata dan Bandar Baru Melawati

MPS – Bandar Baru Selayang, Taman Sri Gombak, Bandar Country Homes

MPSepang – Taman Seroja, Pekan Salak, Bandar Baru Salak Tinggi

MPKJ – Seksyen 1, Bandar Baru Bangi, Taman Suntechs dan Bandar Baru Batu Sembilan

Dan tahun ini seksyen 8, Bandar Baru Bangi.

MBKL – Taman Sri Putra, Pekan Tanjung Sepat dan tahun ini kawasan komersial Bandar Banting

MPHS – Batang Kali, Bandar Bukit Sentosa, Pekan Kuala Kubu Baru

MPKS – Taman Bayu, Pasir Penambang, Ijok dan tahun ni Pekan Kuala Selangor

MDSB – Sekinchan, Sabak Bernam dan tahun ni Pekan Sg. Besar.

Program Zon Bersih ini mendapat sambutan yang baik dan amat menggalakkan daripada semua pihak terutamanya Ahli Majlis, pihak NGO, Jawatankuasa Penduduk dan peniaga serta agensi-agensi teknikal yang turut serta dalam menjayakan program-program yang dilaksanakan. Perbezaan yang amat ketara dapat dilihat iaitu sebelum, semasa dan selepas program zon bersih ini dilancarkan di mana tahap kesedaran masyarakat dalam memelihara kebersihan di kawasan masing-masing meningkat dan memberi kesan yang positif kepada semua pihak. Program ini bukan sekadar meringankan tanggungjawab PBT malah inisiatif sebenar Kerajaan Negeri adalah untuk memupuk sifat cintai kebersihan dan seterusnya mewujudkan persekitaran yang bersih aman dan selesa untuk didiami dapat dicapai. Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PBT setiap tahun. Jadi sehingga hari ini MPAJ telah menerima berjumlah RM300,000.00 dari 2010 hingga 2012. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Soalan tambahan Puan Timbalan Speaker:

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Apakah mekanisme yang akan atau telah diwujudkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengukur prestasi pencapaian zon bersih contohnya setiap tahun ada ditentukan PBT yang empat bintang, tiga bintang dan sebagainya.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Di peringkat UPEN ada satu pemantauan di mana markah akan diberi kepada kriteria-kriteria yang tertentu yang telah diberikan kepada semua PBT yang mengambil pertandingan itu. Dan tahun ni, bermula tahun ni juri panel ini bukan lagi dari UPEN tetapi dari pakar-pakar dan juga aktivis-aktivis NGO. Bermula tahun ini. Itulah proses untuk memantau perkembangan zon bersih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya ada tak pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk meluaskan supaya ini merupakan satu pertandingan antara PBT maksudnya bukan kawasan tertentu dalam PBT sahaja dipilih untuk jadi zon tetapi ini diperluaskan memandangkan kita perlu adakan ini kempen untuk penjagaan kebersihan.



**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Saya tidak berapa faham macam mana diperluaskan sebab .....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Maksud saya satu kempen yang meluas bukan kita dihadkan kepada zon-zon yang tertentu sahaja dalam sesebuah PBT tetapi secara menyeluruh di peringkat negeri yang mana kita adakan satu mekanisme untuk mengukur sama ada jumlah sisa pepejal dan juga sampah yang dikutip di sesebuah PBT itu berkurangan ataupun menjadi bersih, hijau antara PBT bukan zon sahaja sebab kita nampak ada zon yang bersih tapi ada zon yang kotor dalam sesuatu PBT sebab ada orang yang diambil sampah buang ke tempat lain walaupun khas untuk jadikan zon itu bersih sahaja.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker, kita, apabila kita melancarkan zon bersih kita telah mengadakan banyak mesyuarat dan *workshop* dan kita khuatirah kita risau kalau kita memperluaskan terlalu luas tak ada fokus ataupun tumpuan kita rasa kita tidak mampulah untuk PBT untuk menjadikan seluruh sekitar dengan izin *overnight* jadi zon bersih seluruh kawasan. Jadi sebab itulah, atas itu, sebab itu kita tumpukan kepada zon bersih dan kalau selepas beberapa tahun kemudian sudah banyak kawasan sudah jadi zon bersih maka apa yang dicadangkan oleh Rawang itu boleh dijalankan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik, Kota Alam Shah

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan saya 216

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK: TINDAKAN BAGI MENGATASI MASALAH BANJIR KILAT**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku di seluruh Kawasan Klang?
- b) Apakah sebab-sebab berlakunya banjir kilat yang terlalu kerap di seluruh kawasan Klang?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor setakat hari ini untuk mengatasi masalah banjir di Kawasan Klang?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, Kota Alam Shah ingin bertanya tindakan bagi mengatasi masalah banjir kilat. Peruntukan sebanyak RM5 juta telah diluluskan oleh MTES bagi melaksanakan 9 projek, program bagi mengatasi masalah banjir kilat. Walau bagaimanapun sebanyak 1.2 bilion diperlukan bagi mengatasi banjir secara keseluruhan melalui program Kajian Tebatan Banjir Daerah Klang di bawah JPS. Apakah sebab berlakunya banjir kilat? Di antaranya hujan lebat dalam jangka waktu yang lama, pengaruh air pasang surut, kejadian hujan bertembung dengan air laut pasang di mana pintu air tutup sehingga air laut surut semula. Keadaan muka bumi kawasan Klang yang landai dan sebahagian berada di bawah paras air laut tinggi. Faktor kemanusiaan. Sikap orang ramai yang tidak prihatin terhadap kebersihan menyebabkan longkang-longkang tersumbat dengan sampah. Jadi kerja-kerja MTES sebanyak 9 projek telah mula dijalankan. Dijangka kerja daripada 9 projek ini akan dapat mengurangkan banjir di kawasan Klang. 7 projek dijangkakan siap tahun ini dan dua lagi dijangka siap pada Mac 2013. Dan Kerajaan baru sahaja memperuntukkan sebanyak RM50 juta dan saya, separuh ni akan digunakan di kawasan Klang juga. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. EXCO saya ingin tanya kepada Y.B. Pandamaran. Banyak kerja-kerja untuk mengatasi masalah banjir di Daerah Klang seolah-olah terbantut ataupun tertanggung sebab kita tidak mempunyai seorang YDP hampir-hampir satu tahun, tidak mempunyai seorang Yang Dipertua Klang. Kita mempunyai seorang setiausaha yang berkaliber, yang bagus, kuat kerja kuat tapi masih belum dinaikkan pangkat untuk menjadi Yang Dipertua. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh EXCO Y.B. Pandamaran untuk mengadakan satu YDP bagi Bandar Di Raja Klang, Majlis Perbandaran Klang.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Speaker, YDP yang sedia ada sekarang adalah *acting* YDP. Jadi masalah tidak timbul kerana beliau telah melaksanakan kerjanya sebagai YDP. Dan, dengan gaji dan semua yang serupa dengan YDP, jadi masalah tidak timbul. Kerja banjir, isu banjir ini bukanlah masalah YDP, sebenarnya ialah tak cukup dana sebab saya sudah menjelaskan. Sebenarnya kita perlukan 1.2 bilion, 1.2 bilion untuk kawasan Klang sahaja... tetapi kita tidak dapat wang itu, JPS tidak dapat wang itu. Itulah masalahnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker, soalan 217

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK: PASAR PAGI TAMAN MUDA, AMPANG**

217. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Dalam sidang lepas EXCO telah mengumumkan segala kerja-kerja pengurusan dan pembersihan pasar pagi perlu diuruskan oleh PBT masing-masing. Pada setakat ini Pasar Pagi Taman Muda masih diuruskan oleh pengurus swasta, apakah tindakan dari pihak EXCO ?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker Teratai ingin bertanya Pasar Pagi di Taman Muda, Ampang. Pasar pagi Taman Muda ini telah beroperasi sejak 20 tahun yang lalu iaitu sebelum penubuhan MPAJ. Ianya telah diuruskan oleh Pihak Persatuan Penjaja Pasar Pagi Taman Muda di mana Persatuan ini telah didaftarkan. Selama pasar pagi ini beroperasi dan diuruskan oleh pihak persatuan, tidak ada masalah yang timbul daripada hal berkaitan pentadbiran hinggalah kepada hal pengurusan. Walau bagaimanapun dasar negeri ialah di tempat di kawasan kampung akan diuruskan oleh JKKK. Di kawasan taman diuruskan oleh JKP di bawah Ahli Majlis. Dan semua kutipan haruslah dibuat oleh PBT sahaja. Inilah dasar negeri sudah dilaksanakan selama 3 tahun. Jadi saya rasa Taman Muda Ampang ini perlu mengikut dasar Kerajaan Negeri juga. Tetapi kita bagi masa yang cukup untuk MPAJ supaya ada rundingan dengan persatuan yang sedia ada supaya pengambilalihan itu dijalankan dengan lancar dan tidak menimbulkan masalah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, saya ingin bertanya samada kerajaan mengadakan satu tempoh supaya semua, bukan saja di Taman Muda tetapi semua Pasar Pagi diurus balik oleh PBT, ada tarikh yang tetap.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Tempoh dia sudah lepaslah, tempoh dia sudah lepas. Tetapi memang saya, memandangkan keadaan, keadaan di Ampang Jaya itu, jadi saya rasa jangan melengah-lengah lagilah. Ini dasar negeri kena diikuti supaya diseragamkan pengurusan untuk pasar pagi dan pasar malam.

**TUAN SPEAKER :** Balakong, tidak hadir. Paya Jaras

**Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Tuan Speaker, soalan nombor 219

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT Johor  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

219. Setiap PBT mengutip cukai pintu dan lain-lain pendapatan untuk kewangan mereka dan membiayai pelbagai kemudahan kawasan Bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik prestasi pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari 2008 hingga 2012?
- b) Nyatakan pecahan item hasil pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari 2008 hingga 2012?
- c) Adakah PBT telah menaikkan atau menurun kadar cukai pintu dan cukai taksiran semenjak tahun 2008 hingga kini?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan Paya Jaras adalah Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Secara keseluruhannya prestasi pendapatan PBT Negeri Selangor berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit dari tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan. Statistik prestasi pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari 2008 hingga 2012 adalah seperti di Lampiran A dan akan diedarkan. Pecahan item hasil tempatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari 2008 hingga 2012 adalah seperti di Lampiran B yang juga akan diedarkan. Walaupun dalam kekangan kewangan dan cabaran ekoran kedudukan ekonomi dunia yang tidak stabil dan peningkatan kos operasi PBT melalui Kerajaan Negeri terus berusaha membantu mengurangkan bebanan rakyat yang kurang berkemampuan. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 1hb. Ogos tahun ini telah bersetuju untuk memberi diskaun cukai taksiran berjumlah 25% kepada pemilik tetap pangsapuri kos rendah di seluruh Negeri Selangor. Selain itu terdapat juga insentif daripada PBT yang berkemampuan seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah menurunkan kadar cukai taksiran bagi meringankan beban rakyat. Pada tahun 2009 MBPJ telah menurunkan kadar cukai pintu bagi kediaman strata yang terdiri daripada apartmen dan kondominium sebanyak 2%. Penurunan kadar yang dilaksanakan oleh MBPJ ini tidak dilakukan oleh PBT lain memandangkan kemampuan kewangan MBPJ yang kukuh dan memberangsangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM B. ABDULLAH :** Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 220.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM B. ABDULLAH  
(PELABUHAN KELANG)**

**TAJUK : BANTUAN UNTUK PENIAGA-PENIAGA KECIL**

220. Peniaga-peniaga kecil bumiputera juga perlu wujud di kawasan seperti Pelabuhan Klang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jumlah peniaga kecil tersebut yang telah diberikan bantuan oleh Kerajaan Negeri di kawasan Pelabuhan Klang.
- b) Langkah serta prihatin dalam memajukan perniagaan peniaga tersebut?

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB B. SAPARI :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Bagi soalan 220, sejak tahun 2008 sehingga 2011 terdapat 69 orang usahawan kecil di Daerah Klang telah dibantu untuk mendapat bantuan Kerajaan Negeri yang berbentuk mesin-mesin pemprosesan IKS. Walau bagaimanapun dalam jumlah tersebut tiada penerima dari Pelabuhan Klang. Untuk soalan kedua, saya telah pun menjawab dalam soalan terdahulu.

**TUAN SPEAKER :** Bangi

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR :** Tuan Speaker, soalan nombor 222.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : HASIL NEGERI SELANGOR**

222. Negeri Selangor adalah negeri maju.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi hasil Negeri Selangor sejak Pakatan Rakyat memerintah?
- b) Apakah pendekatan yang diambil bagi meningkatkan ekonomi negeri Selangor?

- c) Sektor apakah yang paling banyak memberi sumbangan ekonomi kepada negeri Selangor?

**Y.A.B DATO' SERI MENTERI BESAR :** Y.B. Bangi membangkitkan prestasi hasil negeri Selangor sejak Pakatan Rakyat memerintah. Saya ingin bacakan hasil negeri 2008 - RM1.5 ribu juta, 2009 -RM1.7, 2010 1.57, 2011- RM1.63 dan untuk tahun ini sehingga 27 Oktober 2012 kita sudah meningkat kepada RM1.7 ribu juta. Jadi apakah pendekatan yang diambil bagi meningkatkan ekonomi Negeri Selangor. Jawapannya ialah menentukan bahawa keadaan pengurusan negeri ini stabil dan juga dipercayai oleh mereka-mereka yang berminat untuk melabur di dalam Negeri Selangor. Apakah yang paling banyak memberi sumbangan kepada ekonomi Negeri Selangor. Kajian menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan ialah sektor yang tertinggi diikuti oleh sektor pembuatan. Dari segi penerimaan pendapatan yang tertinggi ialah hasil bukan cukai. Maknanya hasil bukan macam pemberian premium, pemberian itu adalah pendapatan yang tertinggi. Sebagai contoh daripada RM1.7 ribu juta pada tahun 2012 hampir RM1 ribu juta datang daripada hasil bukan cukai.

**Y.B. TUAN Dr. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila.

**Y.B. TUAN Dr. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan. Dengan pendapatan yang begitu meningkat apakah mengapakah hak kerajaan lebih banyak menyimpan dari segi melabur untuk kepentingan rakyat ertinya kita bermegah bahawa kita duit simpanan yang banyak. Kenapa tidak menggunakan untuk faedah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Bangi, Dato' Speaker itu sebab kita ada Pembentang Belanjawan. Pembentang Belanjawan meminta kita melihat bagaimana kita menggunakan hasil negeri untuk perbelanjaan dan pembangunan negeri. Jadi strategik belanjawan kita, belanjawan kita ialah belanjawan berimbang bererti apa yang kita kutip jangkaan kutipan untuk 2013 kita akan rancang penggunaannya untuk 2013. Maknanya pendapatan kita mestilah berimbang dengan perbelanjaan. Itu sebab kita lakukan itu strategik yang kita buat. Oleh sebab itu hanya bila berlebih sahaja lebih daripada perbelanjaan pendapatan dan perbelanjaan barulah kita masukkan ke dalam rizab. Tetapi umpamanya dalam tahun-tahun yang lepas oleh kerana terdapat penjimatan penggunaan sebagai contoh kita buat Tender, kita buat Tender kita gunakan kita jangka kita RM500 juta kita untuk Tender tapi akhirnya walaupun kita dapat benda-benda yang hendak kita bangunkan ini, tetapi oleh sebab kita hendak membuat Tender Terbuka kita dapat jimatkan RM100 juta atau RM150 juta. Duit RM150 juta itu barulah kita masuk dalam rizab, itu yang sebabnya rizab kita meningkat walaupun perbelanjaan dan penggunaan stabil. Walau bagaimanapun seperti yang saya nyatakan kita sudah mulakan rizab kita semula maknanya dalam

bajet ini kita peruntukkan RM500 juta dari rizab kita untuk digunakan untuk bahan-bahan yang saintifik seperti pembinaan jambatan menyelesaikan masalah-masalah banjir dan seterusnya itu contoh. Jadi maknanya apa yang hendak saya jelaskan sebagai contoh kalau gaji kita hanya RM1,200.00 sebulan perbelanjaan kita mestilah jangan lebih daripada RM1,200.00 sebulan itu caranya.

**Y.B. TUAN Dr. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : ditambah sikit lagi.

**TUAN SPEAKER** : Ya, sila-sila.

**Y.B. TUAN Dr. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker tidak ada ke umpama kita hendak buat kebajikan kita membantu memberi pinjam bukan untuk memberi sahaja umpamanya Negeri-negeri Pakatan yang agak sikit umpamanya Kedah di kurang sikit duit kita bagi pinjam dia untuk jangka tertentu untuk kebajikan negeri tersebut. Setakat ini kita tidak pernah buat macam itu ertinya untuk negeri kita sahaja. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Bangi sebenarnya salah negeri tidak mempunyai kuasa yang ada kuasa adalah Kerajaan *Federal*. Jadi tidak boleh negeri tidak boleh memberi pinjaman kepada negeri lain dan lagi satu saya hendak ingatkan itu sebab saya simpan rizab itu. Sebenarnya Negeri Selangor tidak ada kuasa untuk meminjam melainkan mendapat kelulusan Kerajaan *Federal*. Jadi oleh sebab itu saya jaga rizab itu kalau tidak kalau dalam keadaan sekarang saya pergi berjumpa dengan Kerajaan *Federal* untuk meminjam saya rasa

**Y.B. TUAN Dr. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Ertinya kita tidak ada kebebasanlah duit kita sendiri Tuan Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Memang dalam Perlembagaan kebebasan negeri untuk negeri dalam untuk kebebasan keseluruhannya ialah di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan.

**TUAN SPEAKER** : Baik masa pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2013) (2012) semua peringkat.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Sambungan perbahasan bagi Jadual B.17. Sukacita saya memberi peringatan bahawa masa yang diperuntukkan ialah sehingga 12.30 tengah hari. Dan saya mempersilakan Yang Berhormat Hulu Langat untuk menyambung ada 10 minit lagi untuk Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Pengerusi saya masih di muka surat 493 Butiran Program 505002 Kod Objek 35 Harta-harta Modal Yang Lain-

lain, yang mana saya telah menimbulkan kes Kompleks Islam Selangor dan Kompleks Islam Gombak yang telah ditanya oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Pagi ini saya hendak menyentuh beberapa perkara lagi di antaranya adalah masjid. Terima kasih dengan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2.2 juta bagi pembinaan masjid di Taman Bukit Perdana. Persoalan saya adakah pelan pembinaan masjid sudah diluluskan dan sekiranya telah diluluskan adakah telah dimasukkan memandangkan ke perbatasan kawasan tanah di Taman Ukay Perdana, maka sebaik-baiknya masjid itu merupakan kompleks masyarakat yang ada dataran, dataran anak muda, gelanggang futsal dan untuk mereka mengadakan kenduri kahwin dan sekiranya belum ada, adakah Kerajaan Negeri akan meluluskan pelan itu hanya bila perkara-perkara ini dan bilakah projek pembinaan masjid ini akan dimulakan. Dapat Y.A.B. Dato' Menteri Besar menjawab.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Dato' Pengerusi. Hulu Kelang membangkitkan proses bila mana pembangunan akan dibuat. Saya diberitahu oleh JAIS yang 2 agensi yang terlibat terus dalam penentuan keputusan perincian pembinaan tersebut dua. Satu, pihak JKR kedua, adalah pihak JAIS dan apabila perancangan itu dibuat pihak JKR akan membuat memberikan sokongan dari segi pelan dan perancangan dan tatacara yang hendak dibuat kemudian diserahkan kepada JAIS dan perkara ini dibincangkan oleh Pengarah Agama ataupun daerah. Jadi perbincangan itu berlaku di daerah dan daerah sudah bersetuju dan kalau bersetuju baru diadakan apa yang dipanggil *detail planning* dan dia akan diserahkan untuk pelaksanaan oleh pihak JKR untuk di Tender dan seterusnya. Jadi Hulu Kelang mestilah mengambil masa untuk bertanya dengan Pengarah Daerah Agama Daerah tentang perkembangan pembangunan tersebut. Dan ini berlaku sebab Pengarah Daerah diminta untuk mengadakan untuk perjumpaan tentang proses pembangunan yang dibuat.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Pengerusi dan Dato' Menteri Besar. Seterusnya saya merujuk kepada muka surat 469 Peraturan Program 505000 Kod Objek 101000 emolumen yang menyentuh tentang muka surat 188 iaitu tentang aktiviti JAIS Seksyen Siasatan. Daripada butiran terkandung dalam muka surat 488 menyatakan bahawa Seksyen Siasatan bertanggungjawab mengurus penyediaan kertas siasatan jenayah syariah yang pada tahun 2011 sebanyak 968 kes, unjuran 2,013 (1,000 kes) dan penambahan ini menunjukkan seolah-olah peningkatan kes-kes jenayah syariah dan demikian juga tentang seksyen perancangan dan strategik di bawah itu melaksanakan waran tangkap 2011 sebanyak 247, 2012 sebanyak 1,000 dan 2013 sebanyak 1,000 maknanya ada unjuran tambahan yang agak besar lebih daripada 50% pengeluaran waran tangkapan. Jadi adakah ini bererti bahawa program-program dakwah, program-program pendidikan agak gagal Selangor sehingga



bertambahnya unjuran kepada waran tangkap dan kes-kes siasatan jenayah. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya berharap Hulu Kelang jangan mengambil apa itu *trend* sebagai indikator sebabnya kita dapati ini satu perkara kita dapati. Banyak lagi yang perlu kita lakukan kita dapati banyak lagi dilakukan termasuk semua aspek pendakwaan, pengajaran dan juga pemantauan. Oleh sebab itu kita mahu peningkatan dan pemantauan mahu dilakukan. Jadi salah satu daripada indikator menunjukkan orang bekerja ialah pemberian saman. Jadi ada pula indikator dan ini berlaku saya juga lihat pihak Polis pun sudah mula memberikan KPI kepada Polis-polis untuk bagai indikator yang dia melakukan kerja ialah mengeluarkan saman jadi ada. Lagi banyak saman dikeluarkan lebih banyak dia bekerja tapi saman itu mesti betul. Jadi itu dia punya indikator. Jadi saya harap, walau bagaimanapun kita mula memantau dari segi makro tentang usaha yang jangan dia menyalah menggunakan tetapi dengan adanya itu maknanya tujuannya untuk mengurangkan keadaan. Jadi supaya saya tidak lupa. Untuk Kompleks Islam 3 Kompleks Islam dalam pelaksanaan iaitu Kompleks di Gombak. Ini kerana Hulu Kelang tidak di Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor. Jadi ada diskriminasi maknanya saya pun...kedua ialah Ukay Perdana pelan reka bentuk dalam pelaksanaan kerja jadi boleh memantau daripada segi tersebut. Jadi tujuan pemantauan ini dibuat berterusan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Menteri Besar dan Tuan Pengerusi tetapi jangan kita menghantar *the wrong signal* (dengan izin) bahawa penangkapan-penangkapan merupakan satu KPI yang akan menunjukkan JAIS berkesan buat kerja. Sebaliknya program-program pendakwaan-pendakwaan hendaklah diperingkatkan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah menyediakan surau-surau dan masjid-masjid sebagai industri terbuka bagi Umat Islam di mana Kuliah Subuh, Kuliah Duha, Kuliah Zuhur, Kuliah Asar pun ada kuliah maghrib, kuliah isyak pun ada dan pengajian-pengajian agama yang cukup berkesan dilaksanakan. Cuma saya ingin saya mencadangkan adakah kerajaan ingin mempertimbangkan agar satu *feed-back* dapat dari akar umbi pada surau dan masjid untuk memastikan apakah kursus-kursus, kuliah-kuliah yang popular agar dapat *disyllabuskan*. Satu *syllabus* saya anggap diperlukan sebagai garisan panduan bukan untuk mengikat agar ustaz-ustaz, ustazah-ustazah, guru-guru agama dapat mengajar berpandukan *syllabus* menggambarkan kehendak peningkatan ilmu Islam yang perlu diterapkan, dikongsikan, disemarakkan, dimasyarakatkan dalam masyarakat Islam di seluruh Negeri Selangor. Adakah kerajaan mencadangkan untuk mengadakan satu *syllabus* sebagai panduan di surau dan masjid sebagai pilihan dan garisan bantuan untuk guru-guru agama mengajar.

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, cadangan itu sangat proaktif dan saya akan meminta JAIS untuk menimbangkannya dan kedua, saya

juga akan meminta Yang Berhormat Meru sebagai Penolong EXCO Agama untuk membawa, membincangkan perkara ini. Tapi saya takut, saya dapati tazkirah yang oleh sebab agama Islam ini melibati pengetahuan seluruh alam, jadi tak ada *syllabus* yang boleh menyekat tentang cara-cara yang dibuat. Pengalaman saya, ini pengalaman saya di tiap-tiap sebulan sekali ada majlis ilmu di rumah Menteri Besar dan kita menggunakan sebuah naskhah buku Dr. Al-Qardawi tapi sudah 3 tahun tak habis buku tu lagi. Jadi maknanya saya tunjukkan itu macam mana apalah, kadang-kadang perbincangan hanya 3 muka, 1 jam setengah. Jadi saya dah kira, saya dah sampai ke muka 240 dah hampir 3 tahun. Biasanya saya baca buku tak sampai 1 jam tapi itu menunjukkan kita tak boleh letakkan *syllabus* sebab dia punya cara pendakwaan yang dibuat berasaskan daripada perbincangan semasa dan juga perbincangan ilmu. Itu sebagai contoh yang kalau kita adakan *syllabus* itu boleh jadi menyekat usaha mereka tapi kalau kita buat *syllabus* itu secara yang lebih *general* akan lebih, itu pengalaman saya, saya tidak mempunyai pengalaman yang sangat besar tentang usaha pendakwaan tapi apabila saya mengikuti majlis ilmu tu saya dapati tidak ada sistem yang dikatakan macam *Economic 101, 102, 103* tak ada, tak ada macam itu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Itu yang maksud saya satu garis panduan yang umum yang merupakan pilihan dan panduan kepada pihak surau, masjid dan masyarakat ataupun guru-guru agama. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Tuan Pengerusi.

**TUAN PENGERUSI :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan vot B.14 JAIS, muka surat 493, butiran 51500 – Pendidikan Islam. Kajang mendapati kebelakangan ini memanglah banyak sekolah-sekolah ataupun kelas-kelas KAFA yang dianjurkan oleh pihak swasta di kedai-kedai, di tapak-tapak kedai dan nampaknya amat komersial dan Kajang mendapati sama ada memang kluatir sama ada semua kelas-kelas KAFA ni berdaftar dengan JAIS atau tidak dan antaranya ada yang memohon untuk bantuan pendidikan daripada EXCO Pendidikan di mana mereka memohon bantuan untuk sekolah KAFA. Jadi bagaimanakah status jenis-jenis sekolah-sekolah KAFA ataupun kelas-kelas KAFA yang menyerupai kelas-kelas tuisyen. Mereka ada kenakan cajnya, bayarannya dan juga ada yang berniaga, ada yang boleh buka restoran, ada yang berjual baju, ada tempat boleh cuci baju (dobi), semuanya termasuk dalam satu bangunan itu. Jadi Kajang ingin minta penjelasan daripada pihak Kerajaan.

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker dan Yang Berhormat Kajang. Salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri ialah untuk memberikan pelajaran tambahan kepada semua anak-anak yang bersekolah, anak-anak Islam yang bersekolah di

Selangor ini supaya mereka dapat pendidikan Islam yang secukupnya. Walau bagaimanapun, timbul masalah penempatan, penempatan di mana tidak cukup bangunan untuk menampung anak-anak murid ini, itu satu perkara. Maknanya itu lah sebabnya saya beberapa kali memberikan jawapan bahawa hanyalah bila ada satu sesi, bila ada satu sesi sekolah kebangsaan, maknanya dengan ada satu sesi petangnya boleh digunakan untuk menempatkan anak-anak Islam yang diberikan pendidikan tambahan mengenai Islam di sekolah-sekolah tersebut. Jadi ini menunjukkan apa Yang Berhormat Kajang mereka terpaksa menumpang. Ada kalanya mereka terpaksa menumpang, ada kalanya menumpang di kedai ataupun di surau, ada di..Jadi kalau guru-guru KAFA, guru-guru KAFA, pembiayaan untuk elaun guru-guru KAFA ini diberikan oleh Kerajaan Negeri. Terdapat lebih daripada 8,000 guru-guru KAFA yang berada di seluruh negeri dan mereka ada kalanya tidak ada tempat yang sesuai, ada sebelah surau, ada sebelah dan guru-guru KAFA ini juga dia pengajarannya ialah guru yang tak sepenuh masa. Jadi oleh sebab tak sepenuh masa, kalau lah dia mengajar dan kalau itu lah yang sebabnya dibangkitkan oleh Sri Muda sebab gajinya tidak masuk gaji apa yang dipanggil di bawah paras kemiskinan. Jadi oleh sebab itu, lepas dia mengajar, lepas tu dia bolehlah membuat meniaga, saya tak tahu lah apa meniaga dia buat, tapi itu. Jadi apa yang saya nak tunjukkan ialah keadaan yang berlaku sekarang untuk menampung kekurangan tempat, kekurangan guru dan ada penyesuaian sama ada kita nak tak beri langsung, maknanya jawapannya tidak boleh dalam keadaan sini sebab prasarana yang kita ada sekarang tidak mencukupi. Jadi itu sebab ada kalanya guru-guru KAFA tu mengambil inisiatif yang tersendiri seperti meminta pemberian tambahan ataupun sumbangan tambahan kerana apa, nak membeli meja dan kerusi, ataupun kerusi dah patah ataupun tingkap dah tak ada kat situ lagi, oleh sebab murid pun memang bukannya baik semua. Jadi oleh sebab itu ini berlaku. Jadi JAIS dalam keadaan itu, jadi kita akan membuat satu program yang mengambil kira dan saya berharap peruntukan untuk sekolah satu sesi ini mesti menjawab soalan-soalan yang kita hadapi sekarang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat memang menyatakan prasarana untuk pendidikan agama yang berbentuk KAFA ni memang tidak mencukupi dan ini telah menunjukkan bahawa pihak kerajaan memang tidak masih tidak dapat memenuhi keperluan dari segi prasarana untuk menampung pelajar-pelajar yang mengikuti pendidikan agama dan terpaksa mereka pergi ke sekolah KAFA swasta dan juga sekolah-sekolah yang bukan berfaedah ataupun *non-profit* ya di taman-taman dan Kajang mendapati dari segi infrastruktur dan juga kesesuaian premis-premis mengendalikan kelas-kelas KAFA memang ada yang amat tidak begitu sesuai dan ada yang amat daif keadaannya dan ada yang terlalu ramai dalam satu bilik ataupun satu rumah kediaman yang dijadikan sekolah KAFA dan memang dari segi keselamatan, dari segi kesesuaian ruangnya memang tidak begitu selesa. Dan adakah pihak

kerajaan mempunyai perancangan ya khususnya apabila sekolah akan dijadikan satu sesi nanti, dari sekolah KAFA mungkin menghadapi satu cabaran sama ada dia terpaksa ditutup ataupun ia dijadikan sebuah sekolah agama satu sesi juga. Jadi perancangan pihak kerajaan untuk membekalkan infrastruktur seperti sekolah agama rakyat ataupun sekolah rendah agama dengan membeli tanah dan juga membina bangunan-bangunan untuk menampung pelajar ini supaya pemantauan sekolah KAFA dapat kita dapat dijalankan dengan lebih rapi. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, ini yang kita nyatakan, kita mesti membuat perancangan dengan lebih awal lagi untuk masa depan 10 tahun mengenai pengurusan dan pembangunan kelas-kelas KAFA yang kita akan lakukan dengan mengambil kira kalau satu sesi apa yang berlaku, kalau tak ada satu sesi, apa yang mesti kita lakukan. Akhirnya apa tujuan kita ialah memberikan peluang ataupun memberikan perkhidmatan supaya setiap anak-anak Islam, Melayu Islam di Selangor mendapat tempat pengajaran yang Islam seperti yang untuk mengenai tujuan KAFA ini.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat, soalan susulan daripada Kajang iaitu berkaitan dengan butiran 50500 Pentadbiran dan Kewangan. Kajang mendapati masjid ya, masjid daerah, Masjid Jamek khususnya, masjid daerah sekarang ni melibatkan pihak MAIS dan juga JAIS dan Kajang mendapati ada sedikit kekeliruan dari segi pentadbirannya. Apakah peranan MAIS dalam pentadbiran masjid dan apa juga peranannya JAIS di masjid daerah ni.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dari segi Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat Kajang. Daripada segi entiti, entiti kita tengok dari segi entiti JAIS, Jabatan Agama Islam Selangor ialah di bawah jagaan Kerajaan Negeri Selangor, jabatan..... dan bajet hari ini menunjukkan dia dijaga oleh Negeri Selangor semua perbelanjaan-perbelanjaan JAIS adalah di bawah perbelanjaan belanjawan kita, itu jelas tapi MAIS adalah satu entiti di bawah naungan D.Y.M.M. Sultan Selangor dan tak ada bajet MAIS di bawah jagaan negeri, maknanya MAIS adalah satu jabatan tersendiri dari JAIS dan bagaimana hubungan antara JAIS dan MAIS. MAIS ialah Majlis Agama Islam Selangor ialah satu majlis, majlis itu ialah mereka-mereka yang ditugaskan untuk menentukan polisi dan arah ke mana pembangunan agama Islam Negeri Selangor sebab dalam Perlembagaan dalam Enakmen D.Y.M.M. Sultan Selangor adalah menaungi MAIS. Maknanya agama, pentadbiran-pentadbiran agama dan juga pembangunan agama Islam adalah di bawah jagaan D.Y.M.M. Sultan Selangor. Jadi ini dan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa ke atas jagaan ini, jadi maknanya keputusan-keputusan yang dibuat di persekutuan mestilah jika terlibat dengan mengenai agama, mesti hanya boleh digunakan apabila dia diterima pakai oleh MAIS, kalau tidak, tidak boleh. Jadi hubungan MAIS dengan JAIS adalah hubungan yang erat, jadi MAIS berpandangan untuk membangunkan Islam di Selangor dan JAIS ialah badan pelaksana, badan pelaksana, JAIS yang mengadakan pelaksana. Jadi ke arah mana

dakwah hendak dibuat MAIS memberi gambaran dan pelaksanaannya dibuat oleh JAIS. Jadi kedua-duanya sama ada bercelaru atau tidak itu adalah antara hubungan, antara hubungan JAIS dan MAIS, dan untuk membolehkan MAIS memahami usaha-usaha yang dilakukan oleh JAIS, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Kewangan Negeri dan juga L.A. apa tu Penasihat Undang-Undang, saya selalu gunakan Inggeris saya terjemahkan itu, Pengarah Undang-Undang adalah Ahli MAIS. Jadi dengan cara itu ada hubungan dari segi pelaksanaan di situ, itu kalau ada begitu maknanya kita tahu sejauh mana pergerakan MAIS dan pergerakan JAIS supaya mereka sama-sama membuat satu usaha ke arah pembangunan Islam yang mantap di Negeri Selangor.

**TUAN Pengerusi:** Sekinchan. Ya, sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai perbahasan B14 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Butiran Program 50500, Pentadbiran Kewangan 1100 - Gaji dan Upahan dan juga 515000 – Pendidikan Islam.

Seperti kita sedia maklum bahawa sekolah-sekolah, sekolah-sekolah rendah agama jumlahnya besar di seluruh Negeri Selangor seluruhnya dan dalam bajet yang kita seluruh pentadbiran JAIS ini bajet pada kali ini diperuntukkan RM344 juta. RM344 juta iaitu kalau kita lihat lebih kurang 20 peratus daripada jumlah keseluruhan bajet Negeri Selangor maka dengan itu saya juga tertarik untuk menyatakan DUN Sekinchan ini adakah boleh mendapat manfaat daripada sini, daripada sejumlah ini kerana ada satu sekolah yang saya lawat, sekolah rendah agama, Sekolah Rendah Agama Parit 7, Parit 7 di Sekinchan ada 2 ada lagi Sekolah Rendah Agama Taman Harmoni yang saya lebih nak menyatakan di sini ialah Sekolah Rendah Agama Parit 7, di mana sekolah ini sangat usang di mana kelengkapannya, bangunannya terlalu lama dan khususnya silingnya pada satu ketika sampai runtuh, sampai runtuh, tapi syukur alhamdulillah, tapi pihak JAIS ada ambil tindakanlah ada buat membaiki sikit tetapi itu sekadar sementara waktu, untuk jangka masa panjang, saya mengharapkan ada perhatian khusus daripada JAIS untuk pembangunan struktur sekolah tersebut dan pada masa yang sama kerosakan tandas memang teruk dan saya nampak ini tidak sesuai untuk pelajar-pelajar, masyarakat Melayu DUN Sekinchan ini yang belajar di Sekolah Rendah Agama Parit 7 ini dengan tandas yang sedemikian rupa. Saya harap dengan bajet yang ini dapat kita beri perhatian khusus terhadap pembaikan tandas-tandas yang dalam keadaan kritikal, teruk dan kerusi meja yang usang, saya nampak keadaan itulah, saya banyak diberitahu dan diminta untuk buat sumbangan dan sebagainya tetapi oleh kerana memandangkan peruntukan ADUN ini untuk nak bantu ini agak kekang, ada kekangan maka dengan itu dalam bajet kali ini saya timbulkan perkara ini supaya Y.A.B. Dato' Menteri Besar dapat mengambil perhatian dengan perkara ini. Saya minta jawapan dulu sebelum saya teruskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Mula-mula saya minta Dr. Halimah bagi pandangan, dia EXCO.

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Sekinchan yang membangkitkan tentang Sekolah Parit 7, Parit 7. Memang seperti yang Sekinchan tahu, kita lihat dalam perbelanjaan ini memang Bahagian Pendidikan dalam Jabatan Agama Islam Selangor adalah mendapat belanjawan yang paling besar di dalam Jabatan Agama Islam Selangor, jadi insya-Allah memang kita minta Bahagian Pendidikan Islam Selangor itu sendiri merancang dengan lebih baik dan menyenarai pendekkan sekolah-sekolah yang prioriti seperti yang disebutkan oleh Sekinchan, saya setuju ianya adalah satu prioriti kerana ia melibatkan kemudahan asas.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga Yang Berhormat EXCO Pendidikan dari Selat Klang ini yang mengambil sikap peduli keperluannya yang tinggi prioriti yang utama kepada Sekolah Rendah Agama Parit 7 dan pada masa yang sama saya ingin juga nak minta penjelasan mengenai sekolah rendah agama ini berapa jumlahnya keseluruhan di Negeri Selangor, itu satu dan di bawah JAIS ini dan apa perbezaan antara Sekolah Agama Rakyat dengan Sekolah Rendah Agama ini, 2 entiti, di mana Sekolah Agama Rakyat juga kita ada peruntukan mungkin dia tidak di bawah JAIS bagaimana kerajaan memantau dan seterusnya juga adakah sekolah Maahad Tahfiz ke yang ada di bawah pengendalian JAIS, ini saya juga nak tahu supaya tambah pengetahuan ini untuk apabila di tanya soalan sedemikian, walaupun saya bukan Islam saya boleh jawablah.

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Sekinchan. Saya tak boleh bagi yang tepat dia punya angka tepatnya Sekinchan, sebenarnya dalam *handsard* saya rasa saya dah bagi dah ya. Untuk Sekolah Rendah Agama, Sekolah Rendah Agama ini adalah tanahnya adalah kerajaan punya, bangunannya dibangunkan oleh kerajaan, segala perbelanjaan adalah di bawah tanggungan Kerajaan Negeri. Sekolah Agama Rakyat lain, Sekolah Agama Rakyat ini ada dua (2) jenis. Sekolah Agama Rakyat yang sebenarnya adalah tanahnya daripada rakyat, bangunannya dibuat oleh rakyat, segala perbelanjaan, gurunya juga dibayar oleh rakyat, bilnya semua dibayar oleh rakyat. Yang ditimbulkan oleh Kajang tadi ialah separuh daripada itu, maknanya kalau KAFA, bangunan dan tanah itu oleh rakyat, gurunya adalah daripada JAKIM dan juga kerajaan negeri dan sebab itu dia perlu mendapatkan sumbangan yang lain dan sebagainya.

Untuk makluman Sekolah Rendah Agama di Selangor ini lebih kurang sahaja jumlahnya dengan Sekolah Agama Rakyat jadi Pusat Tahfiz dan sebagainya adalah Sekolah Agama Rakyat dan bagaimana kita nak memantau. Sekarang ini sejak 2008 kita dah lama wujudkan satu Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Islam Selangor

namanya MAPIS di mana di bawah MAPIS ini keanggotaannya adalah daripada NGO-NGO, Pengasas Sekolah Agama Rendah, Sekolah Agama Rakyat Islam di Selangor katakan daripada JIM, ABIM, HALUAN dan daripada PAS sendiri, siapa-siapa yang mengasaskan mereka kita kumpulkan untuk memikir secara jangka panjang bagaimana nak menaikkan prestasi sekolah agama di dalam Selangor ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih jawapan daripada Selat Klang Tuan Pengerusi. Soalan saya sampai sini sahaja. Terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada maksud Bekalan Vot B14 – Jabatan Agama Islam Selangor, Butiran 505000 – Kod 10000 - Emolumen berkenaan dengan JAIS.

Saya hanya ada satu persoalan sahaja di mana saya baru-baru ini menerima aduan daripada penduduk berkenaan dengan aduan kacau ganggu disebabkan oleh aktiviti ibadat oleh kumpulan yang sesat, kumpulan sesat di kawasan saya di Kampung Tunku dan kumpulan ini, sebenarnya aduan ini telah pun dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan tetapi sehingga sekarang belum lagi saya dengar apa-apa tindakan.

Kumpulan ini dinamakan sebagai Kumpulan Tarekat mengikut apa yang dimaklumkan kepada saya, difahamkan tarekat ini ada banyak jenis, ada yang digelar Muhammadiyah ada yang digelar Ahmadiyah yang difahamkan ia diharamkan di Indonesia, ada yang dinamakan Rafidah Mutasilah dan sebagainya dan dia adalah satu bentuk perpecahan daripada ajaran yang sebenarnya. Jadi saya telah memanjangkan perkara ini kepada pihak kerajaan tetapi sehingga sekarang belum ada lagi apa-apa tindakan dan kumpulan ini menjalankan aktiviti ibadat yang menyebabkan kacau ganggu terhadap penduduk-penduduk persekitarannya. Barangkali ia mengeluarkan bunyi-bunyi bising yang bunyi-bunyi yang agak berbeza dan sebagainya, jadi saya ingin mendapat makluman dan juga maklum balas daripada Tan Sri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih banyak-banyak Kampung Tunku. Dato' Pengerusi, saya memandangkan perkara perbezaan dari segi aktiviti keagamaan Islam ini. Memang ada, memang ada perbezaannya, maknanya kalau saudara yang mengikuti proses kita melaksanakan tanggungjawab kita sebagai, sebagai saya umat Islam, kita sendiri ada mempunyai kumpulan, maknanya ahli Sunnah Wal-Jamaah atau pun satu kumpulan yang itu dia ada mempunyai 4 kumpulan Shafie, Hanafi dan seterusnya. Jadi apabila saudara bangkitkan perkara ini saya harap kita mesti melihat perkara ini dengan lebih sensitif sebab tidak seorang Islam itu tidak boleh mendakwa bahawa orang Islam yang lain tidak betul, hanya dia dilakukan melalui proses yang di bawah naungan Mufti, Mufti adalah orang yang, dan juga barulah bila diputuskan baru perlaksanaan itu boleh dilakukan oleh JAIS. Jadi usaha untuk menentukan ini adalah

melalui satu proses yang mesti berlaku dengan tertib. Jadi ada kalanya, ada kalanya saya difahamkan oleh pihak JAIS, untuk menentukan sama ada yang dipanggil dalam bahasa Inggeris *divine* maknanya JAIS juga perlu memantaunya dan ada kalanya JAIS mengambil masa setahun, dua tahun untuk mengikuti apa yang dilakukan oleh tarekat-tarekat ini. Jadi itu sebab dia tidak boleh terus saja mengatakan tak boleh, jadi itu, jadi oleh sebab itulah saya berharap kita menerima keadaan begini dan kalau itu berlaku jadi saya harap wakil negeri ataupun macam Kampung Tunku boleh memberitahu, memberitahu yang tiap-tiap daerah itu, tiap-tiap kawasan itu ada dipanggil pegawai agama, boleh berbincang dengan pegawai agama tentang pandangan pegawai agama tentang perkara tersebut tapi tidak boleh pergi bersama dengan pegawai agama untuk kata tak boleh buat, tak boleh, jadi itu tak boleh *no rules* jadi kita kena buat dalam proses yang sebegini, jadi saya harap apa yang saya jelaskan walaupun saya tidak boleh membagi jawapan yang tepat sebab ianya mesti dibincangkan dengan cara tertib dan telus oleh Pejabat Mufti dahulu supaya dapat menentukan kesahihan keputusan-keputusan yang dibuat.

Jadi,, dan mereka telah dipanggil untuk di nasihat okey untuk *report* Kampung Tunku, *report* Kampung Tunku, saya dah dapat *report* daripada JAIS.

Tan Sri kes Kampung Tunku, Penguatkuasa telah ambil tindakan pada Kumpulan Tarekat ini menggunakan rumah salah seorang penghuni taman. Mereka telah dipanggil dan dinasihati perkara ini dan dipantau dari masa ke semasa but *not serious* tak boleh, kena jaga macam ini. Ini kena jaga tak boleh buat keputusan sebegini dan saya nak *I'm also, thats why I use* Ipad sebab dah pakai, pakai, saya pakai, jari aje.. (ketawa) okey saya nak beritahu tentang jawapan untuk rekod kita *Infrastructure* Sekolah Agama sentiasa diperbaiki dan bajet untuk tahun ini untuk membaiki kerusi, kerusi meja apa semua ialah RM8 juta. Selain daripada bajet ini RM8 juta dari zakat, zakat menguntungkan RM8 juta untuk bajet. Negeri Selangor ada 23 Sekolah Agama dan 11 Sekolah Integrasi, 23 Sekolah Agama Menengah, 11 dan KAFA 230 berapa saya lupa KAFA.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan Tanjong Sepat.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR :** Saya nak betul Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Pengerusi.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR :** Pengerusi, minta maaf, terima kasih. Tuan Pengerusi saya nak ambil bahagian dalam perkara B.14 di bawah Butiran 54400 iaitu di bawah Penguatkuasaan. Di kawasan saya, saya menjurus terus ke kawasan saya la masa dah suntuk di kawasan saya di Tanjong Sepat di Kampung Indah terdapat satu ajaran Islam Jemaah yang telah berkembang lama dan telah difatwakan dalam tahun 1999 ajaran ini ialah ajaran sesat Jemaah tapi sekarang ini sehingga hari ini



ajaran ini masih aktif dan malah mungkin membesar dan akhirnya ini dia membuat satu bangunan yang cukup besar dewan yang besar dan yang kehadiran oleh Ahli-ahli yang ramai dan soalan saya ialah apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap ajaran ini yang masih aktif dan makin membesar dari segi fizikalnya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Sepat dan juga Dato' Pengerusi. Seperti yang saya nyatakan di sini saya meneliti sejak saya menjadi EXCO Agama Islam Negeri Selangor saya meneliti saya tanya kenapa tindakan apa yang dipanggil agresif dilakukan. Maknanya jawapan yang diberikan kita salah satu strategi yang dibuat oleh JAIS ialah daripada mengadakan perbalahan kita adakan persatuan. Maknanya supaya saya difahamkan diberitahu prinsipnya serupa maknanya daripada Rukun Islamnya dan prinsipnya serupa tapi pergerakan itu tak serupa jadi maknanya dari segi sembahyang, zakat dan rukun yang kelima itu serupa tetapi dari segi pergerakan tak serupa. Itu yang diberitahu jadi oleh sebab itu yang paling penting itu ialah menengok dari segi akidah maknanya akidah itu berubah ke beralih sangat atau tidak. Dan itu bukan senang, bukan senang untuk diputuskan maknanya apa yang saya nak bagi contoh ialah kalau dia ke masjid dia bersembahyang bersama-sama dengan kita. Tak ada perbezaan, tak ada perbezaan dari segi ayat dan juga pergerakan yang dilakukan tetapi apabila mereka mengadakan apa itu perjumpaan secara tersendiri terdapat ada perbezaannya. Dan saya nyatakan bukan orang seperti saya ataupun dan kebanyakan daripada kita yang boleh menentukan perkara ini sebab dia perlukan kajian, kajian tentang penelitian. Dia mesti dibuat oleh pakar dan oleh sebab itulah Mufti akan menubuhkan satu jawatankuasa diadakan fatwa baru perkara ini dilakukan.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Dalam hal kursus untuk Islam Jemaah ini sebab disebut oleh Yang Berhormat mengenai sembahyang, mereka memang berlainan sangat dalam hal sembahyang hari Jumaat mereka pun tak pergi masjid. Mereka mengadakan sembahyang di kawasan mereka sendiri. Jadi memang dia lain kalau nak sebut lain memang dia lain memang kita nampak lain. Cuma saya nak tanya sekali lagi ialah ajaran ini adalah ajaran yang telah difatwakan sebagai ajaran sesat. Saya tambah lagi mengenai *Syiah* dan *Arqam*. Jadi adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai satu perancangan yang strategik 5 tahun dan kuasa 5 tahun strategik untuk menghapuskan ajaran-ajaran sesat ini dan bagaimanakah cara untuk menangani penganut-penganut mereka yang sesat ini untuk mengembalikan akidah-akidah mereka apakah perancangan strategik yang ada dalam Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya dengan ikhlas Dato' Pengerusi dan saudara-saudara saya akan bertanyakan tentang perkara ini saya buat masa ini saya belum mengetahui tentang rancangan-rancangan tapi walau bagaimana pun pemantauan-pemantauan ada dibuat bukan tak ada dibuat. Pemantauan-pemantauan ada dibuat

tetapi jawapannya lebih daripada 200, saya diberitahu ada 200 kumpulan-kumpulan yang *very extreme* ada yang tidak macam *clear* umpamanya Kadhiani memang tidak boleh. Arqam ada batasannya dan ada usahanya jadi Syiah jawapan kepada kita ialah ada sebabnya untuk umat Melayu Islam jadi Syiah bukan tetapi kalau orang-orang Iran datang daripada Iran bertempat di Selangor oleh sebab itu kita tidak boleh menghalang mereka melaksanakan cara Syiah. Jadi adalah beberapa perkara saya bagi contoh-contoh ini ada beberapa perkara yang perlu kita pantau dan selesaikan dan caranya mestilah dengan penuh tertib dan kebijaksanaan.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B.14 – iaitu wang sejumlah RM224,354,224.09 untuk Kepala B.14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat, RM17,093,078.47.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B.15 – iaitu wang sejumlah RM17,093,078.47 untuk Kepala B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, RM7,975,372.12.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta.

**TUAN SPEAKER :** Ya,

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** B.16 Butiran 50500. Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang isu Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 yang mana di dalam kita telah adakan pendengaran Jawatankuasa SELCAT baru-baru ini dan penyatannya pun telah dibentangkan, akan dibentangkan dalam Sidang Dewan kali ini. Apa yang dibangkitkan oleh Seri Setia ialah bagaimana status RTPJ 2 kini selepas di dedahkan bahawa wujud 3 versi RTPJ 2 dan contohnya di kawasan padang PKNS yang telah menarik banyak kontroversi bagaimana pandang PKNS yang di dalam versi RTPJ 2 yang menjadi sandaran, pihak pemaju menyatakannya sebagai kawasan komersial tetapi di dalam versi asal RTPJ 2 meletakkannya sebagai kawasan padang rekreasi. Jadi ini telah memberi satu implikasi yang besar terhadap banyak projek pembangunan terdapat lebih 50 pindaan terhadap

zon di bawah RTPJ 2 yang dibuat secara tidak sah di dalam siasatan SELCAT tersebut. Jadi saya memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, Seri Setia telah membangkitkan isu di mana walaupun terdapat kelulusan tentang perancangan *local plan* tetapi terdapat beberapa perubahan-perubahan yang dilakukan dengan tidak mengikut proses dan prosedur yang teratur dan tertib dan juga mungkin tidak dapat persetujuan oleh mereka-mereka yang dulunya diberikan maklumat tentang pembangunan tersebut. Untuk proses ini supaya kita, kita akan menerima pakai tentang cadangan yang dibuat oleh SELCAT tetapi kita juga akan membawa kes ini oleh kerana kes ini menelan belanja dari segi pampasan jika ada atau tidak. Kedua, dari segi pembangunan, kes ini telah dibawa untuk dibincangkan di peringkat *appeal* tempat di dalam Perancangan Negeri. Jika terdapat perbezaan pandangan, dia dibuat dia boleh pergi ke *Appeal* apa tu *Committee* Jawatankuasa tersebut yang mana terdiri daripada mereka-mereka yang bebas dari Kerajaan Negeri dan mereka akan bukan membuat keputusan tetapi memberikan langkah-langkah yang patut dilakukan untuk menyelesaikan perkara ini. Jadi oleh sebab itu saya, saya difahamkan perkara ini sudah berada di peringkat *appeal* jadi dan Kerajaan Negeri akan membuat keputusan hasil daripada kedua-duanya iaitu daripada SELCAT dan juga daripada *Appeal Court* itu.

**TUAN SPEAKER :** Lembaga Rayuan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Lembaga Rayuan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ijok, kes ini berbeza dengan kes biasa kes pembangunan biasa kerana ia membabitkan pemaju itu sebagai Kerajaan Negeri atau pun Agensi Kerajaan Negeri iaitu PKNS. Maka bukan kah wajar apabila dia dapati satu pemalsuan satu dokumen yang cukup serius seperti RTPJ 2 ini Kerajaan Negeri menunjukkan contoh moral yang baik dengan menarik balik terus permohonan untuk membangunkan padang PKNS dan bukan pergi ke Lembaga Rayuan. Sekiranya ini melibatkan syarikat swasta saya faham bahawa mereka mahu pergi ke Lembaga Rayuan dan sebagainya tetapi bila membabitkan Kerajaan Negeri saya ingat statusnya sedikit berbeza daripada kes pembangunan yang lain.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Kita, Dato' Pengerusi kita boleh menerima pandangan Seri Setia tapi dari segi perancangan yang dibuat oleh PKNS, PKNS sudah menandatangani perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat. Jadi oleh sebab itu perjanjian usaha sama itu melibatkan beberapa isu perjanjian yang mesti kita lihat secara ketelusan supaya tidak kita dilihat tidak mengambil kira keputusan-keputusan yang telah dilakukan. Walau bagaimana pun, ini juga melibatkan pengurusan PKNS sendiri. Jika pengurusan PKNS sendiri dan juga pengurusan bandar raya cuai ataupun

tidak melakukan perkara tersebut, kita juga mesti mengambil kira keputusan yang kita buat jadi oleh sebab itu keputusan yang telus dan diadili oleh mereka-mereka yang tidak terlibat dalam hal ini akan memberikan satu jawapan yang lebih terperinci dan lebih bijaksana. Jadi oleh sebab itu perkara-perkara hasil daripada keputusan-keputusan ini memberi kesan kepada satu kepada pembangunan tersebut. Kedua, memberi kesan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam usaha tersebut termasuk Jawatankuasa Perancang Negeri yang juga terlibat dalam kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh SELCAT. Jadi oleh sebab itulah saya mengambil pendirian dia dilihat dari segi satu kumpulan yang bebas daripada usaha ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tuan Pengerusi, saya fikir isu ini cukup serius apabila kita melihat di dalam pendengaran SELCAT. Wakil, Pegawai Perancang daripada Majlis Bandar Raya Petaling Jaya cuba menggunakan nama Yang Amat Berhormat Ijok sendiri di dalam memberikan alasan mengapa beliau melakukan pindaan dan perkara ini sebenarnya telah di bantah oleh Pegawai daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang menyatakan kenyataan itu tidak benar sama sekali. Jadi bagi saya ini bukan perkara kecil bila ada pegawai kerajaan cuba menggunakan nama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberi justifikasi kepada tindakannya sedangkan perkara itu tidak betul dan kedua ialah wujud sebenarnya selain daripada Lembaga Rayuan wujud untuk remedi lain untuk PKNS di bawah Seksyen 37 Akta Perancangan Bandar dan Desa dan perkara ini saya fikir PKNS harus lihat remedi tersebut juga selain daripada menggunakan remedi Lembaga Rayuan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya, Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat Seri Setia saya faham tentang perkara tersebut itu sebab saya mahukan dia dibincangkan secara terbuka, dibincangkan secara terbuka. Kalau dibincangkan secara terbuka forumnya bukan yang dipengerusikan oleh Menteri Besar sebab dia dah sebab Menteri Besar sendiri dikatakan terlibat dalam perkara tersebut walau pun tak ada kebenaran pun kita mesti bincangkan secara terbuka supaya kita dapat lihat bagaimana keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak Berkuasa Tempatan dan juga Perancang Negeri yang juga dibuat oleh PKNS. Akhirnya sudah tentulah, akhirnya kita kena buat satu keputusan tetapi kalau kita tidak menggunakan proses yang kita rasa kesemuanya sudah diambil kira bererti kita tidak melakukan suatu keadilan. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Pengerusi. Merujuk muka surat 529 B 16 Butiran Program 505000 Kod Objek 11000. Saya juga ingin merujuk tentang ah! RT PJ 2 dan juga merujuk kepada Penyata SELCAT perenggan 20 menyatakan bahawa " saksi JPBD dan MBPJ pada keseluruhannya mengaku bahawa pindaan ke atas Draf RT PJ 2 telah dilakukan selepas persetujuan PPN Pihak Berkuasa Negeri adalah berdasarkan kepada amalan dan tidak merujuk kepada peruntukan dalam Akta

JPD “ dan ini dilakukan pengakuan ini dilakukan di dalam satu pendengaran terbuka, pendengaran awam dan dia menampilkan satu perkara yang cuba dibetulkan oleh kerajaan negeri Selangor iaitu membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa. Pengakuan ini seolah-olah menyatakan bahawa terbiasa dengan yang tak betul. Jadi budaya ini apakah langkah-langkah proaktif yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi khususnya masalah ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Kelang membangkitkan ah! perkara yang bagaimana kita hendak melaksanakan membetulkan satu, satu apa yang dipanggil budaya yang sudah dalam keadaan boleh melakukan perkara-perkara yang tidak betul dalam keadaan samar-samar. Jadi bagaimana kita hendak lakukan. Jadi hasil daripada ini menunjukkan yang jelas dengan adanya keterbukaan, maknanya hasil daripada perbincangan dibuat oleh SELCAT sudah tentu ah! akibatnya pegawai-pegawai bukan sahaja di PBT, di Bahagian Perancangan sudah tentu sekarang tidak akan melakukan perkara-perkara seperti apa yang dipanggil *second guess*. Maknanya dia rasa kalau ini boleh buat ini boleh buat. Kalau ini boleh buat tak boleh. Dia, dia dah mula dalam keadaan tersebut. Tapi, sekarang selepas kita adakan perkara-perkara ini mereka sudah mula menjalankan dengan cepat dan membuat rekod keputusan-keputusan yang mereka telah buat. Ini menunjukkan bahawa mula kita lihat. Serupa juga dalam keputusan-keputusan yang kita buat untuk seperti yang kita katakan dalam *white paper* Talam. Dia rekod, apa keputusan-keputusan yang dia buat tu, dia rekod. Kalau ada kesamaran dalam keadaan yang dia tak faham dia akan diminta buat *clearance*. Maknanya dia akan pergi ke satu saya tidak merasakan ini boleh atau tidak boleh. Jadi dia kena buat begitu. Dia tidak boleh mengambil keputusan sendiri. Jadi, itu yang mula berlaku. Tapi ada baiknya, ada juga buruknya. Ada buruknya yang dia tidak hendak buat keputusan langsung. Itu pun untuk menjaga dia tidak salah. Jadi bagaimana kita hendak mengubah budaya dari satu keadaan ke satu keadaan supaya mereka juga merupakan mereka kita kena bagi *delegations of authority* supaya mereka dapat lakukan. Tapi hasilnya saya dapat ialah sangat positif di mana ketelusan itu memberi peluang untuk kesemua kita bekerja ke arah satu objektif iaitu menyelesaikan masalah rakyat. Menyelesaikan masalah pengurusan harta dengan cara yang terbaik. Kita tidak boleh serupa juga peneguran audit kita tidak boleh terus saja ditegur oleh audit kita hentikan orang-orang yang tengah bekerja. Maknanya tak boleh. Kita kena betulkan. Kita bukan kita tujuan untuk penyelesaiannya ialah kita membetulkan, kalau kita betulkan dan mula. Saya tahu Yang Berhormat Hulu Kelang tahu budaya sebelum 2008 adalah budaya yang dipanggil kelulusan *by exception*. *This is an exception*. Semuanya *by exception*. Jadi itu sebab saya tak mahu supaya dia mesti melandaskan polisi. Itu sebab kelulusan *by exception* semuanya jadi *exception*. Dan *exception* itu akhirnya dibuat oleh EXCO. EXCO mempunyai kuasa untuk mengubah. Jadi saya tengok, semua keputusan ialah *exception*. Jadi kalau macam itu baik kita jadi *exception committee* aje tak payahlah

buat kerja lain. Jadi maknanya kita hendak mengubah usaha ini. Jadi kalau kita hendak mengubah usaha ini kita bukan sahaja mengubah polisi, mengubah tata kerja, mengubah bagaimana pemikiran yang dibuat dalam perancangan. Jadi, saya berharap, kita, saya merasakan sekarang rakan-rakan penjawat awam merasa lebih selesa dalam keadaan ini. Sebab dia tahu betul dan tak betul. Bukan menengok *sign* daripada Menteri Besar. Setuju kalau besar luluskan. Kalau setuju kecil jangan luluskan. Jadi maknanya setuju itu pula dia punya bentuk-bentuknya. Saya tak tulis langsung setuju. Saya serahkan untuk. Jadi itu saya hendak beri contoh bagaimana kita hendak buat perubahan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Jadi Dato' Menteri Besar setuju bahawa membetulkan budaya itu elok dilaksanakan secara telus dan terbuka melalui Pendengaran Awam SELCAT. Jadi, ya Dato' Menteri Besar bersedia untuk menambahkan peruntukan Dewan daripada RM500,000.00 ke sejuta. Untuk, Tuan Pengerusi, untuk rekod Dewan saya ingin menghargai saksi-saksi daripada JPBD sebagai mana yang dinyatakan di dalam Penyata SELCAT Perenggan 24 hanya saksi-saksi JPBD yang mengaku bahawa mereka tersilap dalam meneruskan pindaan zon guna tanah selepas persetujuan PBN ke atas draf RT PJ 2. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Dato' Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Subang Jaya ingin merujuk kepada emolumen Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan salah satu dasar dan strategi am jabatan ini merupakan kerja penyelarasan *Local Agenda 21* Selangor. Subang Jaya ingin bertanya memandangkan kita mempunyai Rancangan Tempatan untuk kebanyakan PBT di Negeri Selangor sekarang apa peranan *Local Agenda 21* Selangor dan dengan izin *on what circumstances do we apply Local Agenda 21* Selangor kerana ini, kerana sekarang ini selalunya kalau ada pembangunan. Permohonan pembangunan PBT Selangor selalu mengatakan kita tidak perlu mengambil pandangan penduduk tetapi penduduk masih mendengar lagi konsep *Local Agenda 21* Selangor ini dan semua orang keliru kerana kita mempromosikan *Local Agenda 21* Selangor tetapi kita tidak mengambil kira pandangan penduduk sekarang ini. Jadi saya minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Y.B. Dato' Pengerusi, dan Y.B. Subang Jaya. Saya dah kali yang keempat menghadiri upacara meraikan program *Local Agenda 21* di Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Saya mengikuti perkembangan tersebut. *Local Agenda 21* ialah satu daripada usaha yang menentukan *local government is real government, local government* maknanya pembangunan dan penentuan Bandaraya atau kumpulan itu ditentukan oleh penduduknya sendiri. *That was the aim of a Local*

*Agenda LA 21* iaitu *community participation*, saya menengok. Tapi daripada segi perlaksanaannya dia sebagai satu proses menentukan penglibatan penduduk dalam komuniti ini dalam satu proses. Dan proses ini ada setengah Bandaraya mengambil dia sebagai satu KPI satu *key performance*, ada setengah itu sebagai hanya sebagai satu usaha. Dan saya juga dapati kuasa yang diberikan kepada untuk pelaksanaan Local Agenda 21 tu adalah macam kuasa meraikan maknanya bukan satu kuasa yang jelas sebab kuasa-kuasa dalam undang-undang *local government* tidak memberi kuasa kepada *Local Agenda 21* iaitu, betul. Itu sebab Subang Jaya beria-ia untuk menentukan terdapat pemilihan ahli-ahli untuk mewakili Ahli Majlis sebab tujuannya supaya dapat di *enforce* dalam usaha *local*, dalam usaha-usaha penentuan, keputusan-keputusan yang dibuat dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Jawapan saya di dalam hal ini *is work in progress* bukan satu jawapan yang tepat sebab saya memerhatikan sebagai contoh saya lihat masa meraikan *Local Agenda 21* tiap-tiap tahun saya hadir, saya dijemput hadir, hadiah saya hadir dia bagi saya dua tiga buku tiap-tiap kali saya pergi dan mengenai itu, tapi yang saya lihat kumpulan yang sama yang menang, dia kata kita ada bagi hadiah. Kumpulan yang sama maknanya dia tidak menyeluruh walaupun saya berminat sebab saya tengok saya teliti, tapi kumpulan yang sama yang menang, maknanya penerimaan *community development progress* itu tidak menyeluruh sebab, sebab apa, sebab masih lagi komuniti kita ini ada perbezaannya, ada perbezaannya. Saya bagi contoh, saya ambil masa sebab, saya ada peluang, contoh untuk menyelesaikan *Local Agenda 21* saya pada satu hari saya telah dijemput, paginya untuk membuka satu kondominium mewah dan bersama dengan *shopping centre mall*. Saya datang, saya ikuti program tersebut lepas itu saya ditunjukkan pembangunan-pembangunan yang dibuat, berapa harga kondominium yang dijual. Satu kondominium itu tidak kurang dari harga 500,000. Jadi saya pun dapat, saya pula diberi pula pengenalan kepada pengusaha-pengusaha makanan yang akan buat restoran di situ. Saya bersalam dengan seorang pengusaha yang menjual urdon mee dan saya tanya berapa harga satu *bowl* ialah RM23.00 Tak sampai, habis saja program itu saya dijemput ke satu kawasan yang mana saya juga diraikan dengan oleh untuk dia mesra rakyat. Jadi saya duduk di atas pentas saya tengok kalau 500,000 yang di beli, dia boleh dapat lebih daripada 10 tempat orang yang duduk dekat kawasan yang saya tengok maknanya begitu bezanya. Bezanya dalam Subang Jaya, tak sampai dalam 15 minit saya bergerak daripada kawasan yang urdon mee RM20.00 kepada satu kawasan yang maknanya kalau RM20.00 satu keluarga boleh makan satu hari. Jadi itu bezanya. Itu sebab saya dapati dan saya pula berminat sangat nak tunjukkan saya mesra rakyat saya ada *burst* duit macam angpow RM2.00 saya nak bagi, saya tengok tak sampai 200 anak-anak 12 tahun dan ke bawah ada di situ. Suruh kawan saya panggil pegawai saya kita bagi hadiah pada mereka sebab tak sampai bila saya nak bagi tu, tak sampai 20 minit bukan 200 yang datang, 2,000 yang datang, sampai habis duit yang saya bawa maknanya dalam, *this is*, saya nak terangkan

*imagination* bahawa kita boleh laksanakan LA 21 *in a very what we call different environment* tapi kita kena teruskan usaha ini sebab kita dapati terdapat perbezaan yang begitu meluas. Rakan kita daripada Sri Setia dia tahu. Saya pun tahu, dia tahu, ada satu pangsapuri yang bila dia nak melawat tu, muka dia dah berubah dah, dia dah tahu dia akan timbul masalah-masalah yang dia sendiri tidak tahu macam mana nak bohong untuk menyelesaikan, jadi macam itu. Jadi saya faham, saya tahu, tapi kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab tersebut.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TEOW SUAN:** Dato' Menteri Besar. Isu keduanya saya nak bangkitkan ialah mengenai Lembaga Rayuan yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Sri Setia tadi. Sekarang ini apabila PBT menolak sesebuah permohonan pemaju pergi ke Lembaga Rayuan untuk rayu kes mereka tetapi apabila kes itu tiba di Lembaga Rayuan penduduk yang membantah permohonan itu tidak dimaklumkan bahawa kes tersebut telah sampai ke Lembaga Rayuan dan mereka dikecualikan dalam proses tersebut. Jadi saya nak mencadangkan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa supaya mensyaratkan ini kepada PBT supaya mereka perlu memaklumkan kepada semua pembantah bahawa kes ini telah tiba di Lembaga Rayuan dan mereka mempunyai hak untuk fail interimnya. Boleh Dato' Menteri Besar bagi komen mengenai cadangan ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi Y.B. Subang Jaya, saya terima cadangan ini. Kita mesti adakan satu peluang saksama. Jadi sama ada oleh sebab itu adalah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan untuk memberitahu kedua-dua pihak ataupun berapa ramai pihak yang perbezaan pendapat supaya kalau seorang itu merayu maknanya pihak-pihak yang lain boleh bersama dalam rayuan tersebut. Kita tidak boleh bezakan. Bukan tujuan Lembaga Rayuan bukan diskriminasi untuk mencari timbang tara yang munasabah. Jadi kita boleh terima tu.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TEOW SUAN:** Terima kasih. Dato' Menteri Besar saya harap Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan cepat mengeluarkan garis panduan ini kepada PBT. Isu terakhir yang saya nak bangkitkan ialah mengenai pertukaran syarat tanah. Ini sekali lagi sama seperti dengan kes PKNS. Baru-baru ini saya mendapati bahawa ada satu pembangunan di DUN Batu Tiga yang menggunakan alamat Subang Jaya untuk mempromosikan projek mereka. Dalam rancangan tempatan saya diberitahu itu adalah zon industri tetapi apabila nak menjualnya kepada penduduk semua adalah pembangunan komersial. Jadi bila kita tanya pemaju, pemaju kata kerajaan negeri telah memberikan kelulusan tukar syarat tanah hanya tunggu pembayaran premium sahaja. Jadi ini nampak terlalu bercanggah dengan zon rancangan tempatan dan saya berharap kerajaan negeri akan menghormati rancangan tempatan sebelum memberikan sebarang kelulusan tukar syarat tanah. Apa prosesnya sekarang apabila permohonan itu tukar syarat tanah dibawa ke MMKN. Adakah MMKN meneliti rancangan tempatan sebelum memberikan sebarang kelulusan. Dan perkara ini sudah berlaku dengan kerap di USJ 1. Semua *target* nak tukar tanah industri



kepada tanah komersial dan ini akan mengakibatkan pembangunan sosial yang tidak seimbang di kawasan tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi dan Y.B. Subang Jaya, itulah sebabnya kita adakan yang dipanggil mari kita keluarkan pelan rancangan tempatan. *Idea of plan* rancangan tempatan itu ialah menyebarkan perancangan yang dibuat. Kedua untuk pelan itu diluluskan terdapat pengumuman tentang pelan-pelan tersebut. Jadi prosesnya, dia ada pengumuman kemudian ada juga proses yang dipanggil *town hall meeting*. Untuk menerangkan dan membuat persetujuan atau tidak tentang perkara ini. Jika kenyataan Subang Jaya benar bahawa tempat tu dikhaskan untuk perindustrian tapi diganti dengan komersial. Salah satu daripada perkara yang perlu dilakukan ialah mengubah apa yang dipanggil perancangan. Mengubah maknanya proses pengubahan itu mesti dipatuhi dengan mengadakan apa yang dipanggil *town hall meeting*, mengubah. Jadi maknanya jiran-jiran yang sekeliling tersebut bersetuju tentang perubahan itu dilakukan atau didengari. Jadi itu yang berlaku bukan satu perkara yang boleh..lepas tu barulah yang.. saya baca dalam SELCAT, pasal itu, barulah warna diubah, bukan ,bukan warna diubah bila-bila masa, saya pun baca, jadi baik pakai *colour pencil* diubah. Jadi, saya ingat saya nak beritahu dewan ini dan juga tidak mematuhi proses tersebut. Mahkamah Negara kita sangat, sangat, membuat keputusan yang kalau itu berlaku keputusan mengubah itu akan ditolak dan kita kerajaan negeri sudah kalah dalam tujuh daripada tujuh perkara tersebut. *Seven out of seven*, maknanya Petaling Jaya kalah sebab dia nak buat pangsapuri kos rendah untuk tujuan masyarakat, bukan, bukan tujuan tak da apa dari segi apa yang dikatakan penyelewengan, tak da, tak da langsung. Tujuannya untuk menolong peneroka dapat rumah itu. Tapi jiran yang sebelah tu merasakan, sebab dia ada banglo apa semua, dia tengok, eh ada pula nak buat pangsapuri kos rendah di situ. Jadi dia pun pergi mahkamah, pergi mahkamah, jadi Bandaraya, pihak berkuasa tempatan pergi mahkamah, katakan *this is for public use*, orang-orang miskin akan dapat kebaikan daripada situ dan memberi tahu mahkamah tidak satu perkara yang tidak akan menghalang. Tapi yang sebenarnya keputusan mahkamah telah menolak. Dia kata ini satu keputusan yang tak betul sebab sudah dijanjikan dalam keputusan-keputusan tersebut terdapat pendengaran awam. Jadi *we have to go back* dan bila pendengaran awam dibuat dan pendengaran awam dah dibuat, dan kita boleh luluskan. Maknanya, contoh tu *even you have a good social reason the court will not*, tidak akan menerima alasan tersebut. *Itu it's a very real*. Saya harap perkara ini penjawat awam memahami tentang cara ini. Kita kalah, *seven out of seven because*, saya pun sendiri pun kata kalau macam ini orang kaya nak menolak orang miskin, *I already ask the lawyer to write* macam mana orang kaya tak nak duduk bersama orang miskin apa semua, *the court look at that, the court look at the process and the proceedings*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Dato' Pengerusi, penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sebab masa dah sampai mungkin kita sambung pada petang. Baik Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa dah menunjukkan 1.00 petang maka saya tangguhkan Dewan sehingga 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang semula. Sebelum kita mula sidang petang ini saya ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Jimmy Wong, Ahli Dewan Negeri, Negeri Sabah. Baik Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Sambungan perbahasan Jadual B16. Dipersilakan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Kajang dulu. Saya peruntukan sehingga pukul 3.00.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, Kajang ingin nak mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan Vot B16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Butiran 505000 iaitu Pentadbiran dan Kewangan. Seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi dalam jawapan berkaitan dengan draf Rancangan Tempatan proses meluluskan dan mendapat pandangan dari orang awam ke bantahan awam. Biasa pameran dipamerkan selama 30 hari di biasanya dia adakan di pejabat PBT berkaitan dan Kajang mendapati proses pameran 30 hari statik di tempat ruang di PBT memang merupakan satu langkah yang pasif. Kita menunggu penduduk yang berminat atau pun mengetahui berkaitannya datang untuk melihat, membaca dan memberi pandangan. Proses ini yang agak pasif ia tidak sejajar dengan dasar kerajaan kita yang hendak merakyatkan ekonomi dan juga merakyatkan pentadbiran di mana pandangan rakyat dipentingkan. Kajang bercadang selain daripada pameran statik yang ada diruang PBT taklimat khas boleh dianjurkan dengan jempunan badan-badan JKKK, Persatuan Penduduk dan NGO-NGO setempat di mana mereka boleh dijemput dan datang mendengar taklimat berkaitan dengan Draf Rancangan Tempatan atau pun pindaan. Selain daripada itu Kajang bercadang juga kita boleh gunakan internet di mana ia dipamerkan di dalam internet ianya boleh dibaca oleh sesiapa sahaja bukan terhad pada masa waktu bekerja. Mereka boleh waktu malam juga selepas kerja, mereka boleh membaca dan membuat bantahan terus melalui sistem internet ini. Dan berkaitan dengan tanah atau pun kawasan yang dizonkan dan memerlukan memohon untuk tukar syarat, Kajang berpendapat ada tapak-tapak yang tertentu yang tidak boleh di tukar syarat. Tapak-tapak yang seperti tapak kemudahan awam seperti balai raya, tanah lapang atau pun tapak untuk sukan dan pendidikan. Tidak harus di niat wartakan untuk komersial, untuk kegunaan komersial kerana Kajang mendapati ada tapak-tapak di bawah PBT iaitu MPKj di mana tapak ini merupakan tapak untuk sukan dan ruang tanah lapang tapi di tukar syarat, diumumkan untuk bantahan 20 hari untuk mendirikan papan tanda dan untuk ditukar

syarat menjadi satu kompleks sukan yang merupakan BOT ataupun diberi hak pengurusan oleh pihak swasta. Jadi Kajang ini memohon pandangan daripada kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Kajang cadangan yang pertama bukan sahaja mempamerkan lewat di ruang legar pejabat atau pun kompleks Pihak Berkuasa Tempatan dan memasukkan dia dalam internet untuk kemudahan pengetahuan mereka-mereka yang berkenaan berkaitan dengan Perancangan Perbandaran itu dan juga *briefing-briefing* khas, saya ingat pandangan itu boleh dilaksanakan dan ini akan memberi ruang untuk pandangan dan pendapat. Walau bagaimana pun kita juga perlu ingat tentang masa diperlukan kerana segala perubahan bila dia mengambil masa satu atau dua tahun akan memberi kesan daripada Rancangan Pembangunan. Ada kalanya bila kita dah dalam proses nak membangunkan tetapi kelulusan dua tahun jadi kalaulah dia 2 tahun boleh jadi projek ini tak *flexible* lagi itu yang saya nak ingatkan. Kedua tentang isu apa yang dibangkitkan oleh Kajang, Kajang membangkitkan yang kedua itu mengenai Kajang tadi?

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Tapak-tapak yang tidak harus dibenarkan tukar syarat seperti balai raya, tanah lapang dan sebagainya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Itu ada prosesnya kalaulah tanah itu sudah digazet. Prosesnya adalah lebih lagi lebih sangat sukar untuk diubah sebab dia membagi notis satu tahun jadi baru pula *degazetting* itu makan masa satu tahun. Jadi maknanya kalau pun kena ubah, ubah sebagai contoh kita kena ubah maknanya katalah tapak itu laluan sekarang jalan untuk diambil alih oleh kerajaan apa semua dan dia kena bagi notis dan seterusnya. Maknanya boleh diubah tetapi bukan senang nak diubah.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih, Yang Amat Berhormat seterusnya Kajang ingin membangkit berkaitan dengan perancangan bandar dan desa yang dibuat baik di peringkat PBT atau pun di peringkat negeri. Pada ketika sekarang ini dalam Perancangan Draf Tempatan memang ada tapak-tapak seperti sekolah, baik sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah dirizabkan untuk pembangunan sekolah-sekolah tapi Kajang berpendapat pada peringkat awal pewartaan ia boleh diwartakan sebagai sempadan sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah. Oleh kerana pada ketika sekarang ini memanglah kita hadapi semua sekolah, semua tapak sekolah diwartakan sebagai Sekolah Kebangsaan SK. Ada yang Sekolah Agama, Sekolah Rendah Agama, Sekolah Menengah Agama tapi tidak ada menyatakan sekolah-sekolah lain seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

dan kita dapati kalau begini kita memang tidak ada tapak untuk pembinaan sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Kebangsaan Tamil. Dan Kajang berpendapat mencadangkan kerajaan boleh pada mulanya warta sebagai simpanan sekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah dan akan membuat pewartaan kedua selepas penduduk duduk di dalam kawasan itu dan pihak PBT membuat bancian beberapa peratus daripadanya adalah jenis etnik dan juga Cinakah kebanyakan berapa peratus, Tamil adakah harus tapak itu di rizab untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Tamil dan selain daripada itu waktu perancangan juga yang tapak seperti tapak rumah ibadat dan Islam juga harus dipertimbangkan dan oleh kerana kita dapati kawasan-kawasan yang sudah yang dulu memang terlalu kurang tapak rumah ibadat bukan Islam diwujudkan dan selain itu tapak surau walau pun digazetkan tapi masalah surau khasnya di kawasan di pangsapuri kos rendah atau pun di *flat* kebanyakan memang di bawah yang bawah atau pun *ground level flat* di mana ada satu ruang diberi untuk surau dan oleh kerana kepadatan di flat ini memang amat tinggi dan biasanya ruang surau ini terlalu kecil dan tidak dapat memuat umat-umat yang bersolat di surau-surau ini. Jadi seharusnya di tempat-tempah flat harus wujudkan satu tapak khas di luar daripada bangunan flat itu untuk surau atau pun untuk tempat di mana agama lain, umat agama lain dapat menggunakannya untuk khasnya untuk waktu perkahwinan dan atau pun ada waktu kematian di mana ia boleh diuruskan. Selain daripada waktu perancangan pada masa sekarang kebanyakan kawasan yang dirizabkan itu dinamakan balai raya dan biasanya di tepinya ada wujudnya satu tapak tadika. Kajang bercadang peruntukan tanah untuk balai raya dan tadika ini sudah tidak begitu sesuai di tempat-tempat khasnya perbandaran kerana terdapat memang banyak tadika-tadika di swasta di dalam taman tapi mereka tidak menggunakan tapak ini. Dan Kajang bercadang tapak balai raya bersebelah dengan tadika ini boleh ditukar gunanya dan namakannya sebagai pusat komuniti bersepadu di mana kegunaannya adalah pelbagai. Khasnya ini haus di wujud di tempat pangsapuri-pangsapuri kos rendah di mana ruang pusat komuniti ini amat-amat diperlukan. Dan satu lagi tapak iaitu tapak pusat penjaja dan pusat di pasar memanglah dalam perancangan pusat penjaja jarang sangat dilihat dalam Rancangan Tempatan. Pusat penjaja dan juga pasar harus juga dimasukkan dalam rancangan supaya penjaja tidak bertaburan berada di tepi jalan ada di ruang depan kedai dan merata. Ia harus ada satu pusat khas untuk pusat penjaja. Dan juga dalam perancangan Kajang bercadang semua pembangunan yang baru harusnya wujudnya kemudahan yang mesra OKU dan juga ibu yang boleh menyusu bayi atau pun ada bilik salin untuk bayi dan anak-anaknya. Kemudahan ini harus diwajibkan dalam pembangunan baru di samping membina atau ubahsuai kawasan lama dengan kemudahan yang tanpa halangan terhadap mereka yang OKU ini. Sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, Kajang membangkitkan soalan mengenai perancangan sebelum pembangunan tu dibuat dan menetapkan tentang

beberapa keperluan awam di kawasan tersebut. Saya rasa ini boleh kita masukkan dalam *guideline* ataupun tatacara kelulusan yang dibuat. Tapi daripada segi pengalaman, kalau Kajang meminta terlalu banyak, apa yang dipanggil kawasan-kawasan awam, terutama rumah pangsapuri kos rendah. Ini akan menyebabkan projek itu tidak fleksibel. Itu sebabnya ada kalanya, sekarang pun, pengalaman kita, pemaju-pemaju tidak membuat rumah kos, pangsapuri kos rendah dan membiarkan dia sampai betul-betul di akhir-akhir projek tu, baru dibuat, kerana dia tak hendak mengalami kerugian. Lepas itu ada kalanya dia pun tak teruskan pembangunan itu dan dia lari. Itu sebab kita kena fikir betul tentang daripada segi pelaksanaan. Walaupun sekarang kita telah menetapkan supaya pembinaan pangsapuri kos rendah mesti dibuat bersama-sama dengan pembinaan bangunan-bangunan yang lain. Itu pengalaman kita.

Kedua dari segi pembinaan sekolah, ada baiknya kita gazetkan untuk sekolah, tetapi pembinaan itu pada dasarnya mesti mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan. Dan daripada segi itu, saya ingat pewartaan boleh dilakukan, tetapi masalah sekarang, bukan warta baru buat sekolah, sekolah dah buat baru kita warta. Jadi, sekarang, bukan, bukan, saya, program kita mewartakan ialah ditanya sekolah itu dah ada, sudah berfungsi. Jadi itu yang kita, jadi ada 2 perkara yang nak kita selesaikan. Satu, penyelesaian warta yang lepas dan yang akan datang. Perkara yang ketiga yang saya nak ingatkan Dewan ni, dalam perancangan. Oleh sebab kerajaan prihatin, terdapat pembangunan hartanah di atas tanah-tanah kurang daripada 20 ekar, 30 ekar. Jadi kalau tanah-tanah tersebut jika kita kenakan syarat-syarat seperti tanah lapang, tempat ibadat dan seterusnya, tentu tak berlaku, tak boleh berlaku. Dan itu, ada kalanya, setengah daripadanya pemaju-pemaju sanggup memecahkan tanah dia, supaya dia dapat, tidak dikenakan beban untuk sekolah dan seterusnya. Dan kita dapati setengah-setengah kawasan apabila 3 atau 4 pemaju yang tiap-tiap sorang membuat pembangunan lebih kurang 30 ekar, dan kita dapati apabila semua itu siap, kita tahu sekolah tak cukup, bandar, pusat komuniti tak cukup. Ini, saya sebutkan ini untuk mengingatkan kita, bagaimana memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah polisi dan juga pelaksanaan yang mana akhirnya, dia, kerajaan akan dikenakan beban untuk mencari tanah untuk kemudahan-kemudahan ini yang tidak disediakan oleh pemaju-pemaju yang menjalankan pemajuan dalam kawasan yang terhad.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Rawang ingin tuju, minta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri sama ada pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan satu majlis pengangkutan awam peringkat Negeri

Selangor. Memandangkan sekarang perancangan pengangkutan awam adalah lebih bersifat *top down*, dengan izin, yang mana Kerajaan Persekutuan yang menentukan. Sedangkan sebenarnya pihak PBT ataupun peringkat ADUN ataupun pihak Kerajaan Negeri sebenarnya lebih banyak menerima maklum balas ataupun kita lebih faham dengan keperluan penduduk di bawah komuniti tempatan, khasnya untuk sistem bas ke kawasan untuk perumahan yang didiami oleh golongan yang berpendapatan rendah. Banyak kali mereka tidak mempunyai mobiliti dan ada kerap kalinya bas tidak hendak masuk sebab tidak menguntungkan. Jadi adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan satu majlis supaya satu sistem pengangkutan awam yang lebih efektif dan bersepadu di adakan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor. Saya minta penjelasan pihak Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Rawang membangkitkan tentang kemudahan pengangkutan awam. Pertama, Kerajaan Negeri sudah memulakan perancangan supaya memperbaiki dan mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam, dari keadaan yang sekarang, iaitu jangkaan kita lebih daripada 95 peratus daripada pengangkutan-pengangkutan awam yang dilakukan ialah melalui pengangkutan persendirian, iaitu *private vehicle*. Dan ini tidak akan menyelesaikan, bukan saja pengangkutan awam tapi kesesakan jalan raya dan juga kos yang bertingkat hasil dari penggunaan, pengangkutan persendirian yang tidak *economical*. Jadi, dari situ kita telah mengadakan perbincangan, saya dan juga Perancang Negeri, telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan SPAD. SPAD ialah satu institusi yang ditubuhkan untuk merangka dan merancang dan melaksanakan, rancangan perkhidmatan awam. Dan salah satu cadangan yang kita bersama ialah mengadakan *joint councils for publics transport*. Dan *joint councils* itu, akan merancang dan memikirkan tentang apakah cara-cara untuk mengurangkan *private transport system* yang ada sekarang.

Kedua, kita juga telah memberitahu SPAD, tentang kita telah meminta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencadangkan kepada kita, manakah tempat-tempat di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai masalah pengangkutan awam. Yang mana seperti yang dikatakan oleh Rawang, yang tidak menguntungkan dari segi komersial. Jadi kita sudah mencadangkan apa yang dipanggil *social routes*, bukan *commercial routes*. *Commercial routes* ialah sebagai contoh, sangat ramai mereka-mereka berminat untuk membawa penumpang daripada Klang ke Kuala Lumpur. Tapi tidak hendak masuk kampung, seperti Kampung Johan Setia. Boleh jadi dia tak nak masuk, sebab tak ada banyak. Jadi oleh sebab itu, kita telah mula mencadangkan dan sekarang sudah diserahkan kepada SPAD, beberapa jalan-jalan yang kita fikirkan boleh kita cuba sebagai *social routes*. Yang mana subsidi akan dibagikan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan pengangkutan-pengangkutan tersebut. Dan ini dah mula nak

dirancangkan dan saya berharap sekurang-kurangnya akhir tahun ini atau awal tahun depan, kita akan mula melancarkan beberapa *social routes*, yang dibuat di kawasan-kawasan seperti Klang, Kajang dan juga di Subang Jaya. Kalau itu berlaku, barulah kita tahu tentang apakah rancangan seterusnya, dari segi pengangkutan awam.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Besar, boleh saya tahu yang merupakan ahli jawatankuasa dalam *joint committee* tersebut. Dan diperingkat PBT, unit manakah yang ditugaskan untuk mendapat *feedback* dan menyelaraskan semua perancangan tentang pengangkutan awam dan sistem lalu lintas ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dia, *committee* jawatankuasa induk terdiri daripada wakil Kerajaan Persekutuan dan juga wakil Kerajaan Negeri, kemudian dianggotai oleh Perancang Negeri dan Perancang Negeri, dan wakil-wakil YDP dan juga Datuk Bandar. Di dalam struktur yang ada sekarang, ada kalanya, wakilnya dari, perancang. Ada kalanya daripada *engineering*. Jadi maknanya, kita rasa, kita serahkan kepada Datuk Bandar dan juga YDP, Yang DiPertua, untuk menentukan mana jabatan dia rasa akan ditugaskan untuk melaksanakan program-program seperti *social routes* itu. Jadi, jadi, dan sudah tentu, saya berharap Ahli-ahli Majlis dan juga terlibat untuk memberikan cadangan-cadangan awal untuk di mana jalan-jalan yang kita perlu pilih untuk dijadikan sebagai kes tadi, dalam usaha kita ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menentukan sama ada sesuatu sistem itu, bas itu akan disubsidikan sebagai *social routes*.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Rawang. Ini akan dibincangkan secara terperinci diperingkat biasanya diperingkat Majlis. Saya mengambil satu *case study*, satu *case study*, iaitu Yang Berhormat Selat Klang selalu menggunakan ini sebagai *case study* iaitu Seri Perantau. Seri Perantau mempunyai lebih daripada saya rasa dia berubah dari semasa ke semasa lebih daripada 3,000 penghuni. Ya, 3,000. Tapi jumlahnya lebih hampir 800 apa itu pangsapuri-pangsapuri. Dan Seri Perantau tak ada bas untuk pengangkutan untuk membawa mereka ke Pelabuhan Klang. Tak ada. Sebab orang tak berani pergi Seri Perantau. Boleh jadilah itu sebabnya. Jadi oleh sebab itu dia pakai kereta, teksi sapu dan tak sapu, semua ada dekat situ. Jadi semua ada. Jadi kita pilih kerana keperluan. Mana sudah tentulah, mereka inilah tidak mempunyai pendapatan yang tinggi, mereka tidak, terpaksa pula, tak ada kemudahan, itu jadi, jawapannya ialah dan kita, itu merupakan cadangan kita saja. Iaitu terdapat bas-bas yang akan berulang-alik daripada stesen, katalah dari Pelabuhan Klang ke Seri Perantau. Itu dia punya pemilihannya berasaskan kepada



keperluan di sana. Dan sudah tentulah contoh Seri Perantau itu menunjukkan sudah perlu kita tolong, kalau tidak masalah masyarakat di sana akan bertambah rumit lagi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi :** Rawang, ada lagi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tak ada.

**TUAN Pengerusi:** Tolong maklumkan, kalau tak ada.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu saja soalan saya.

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat tinggal seminit.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Seminit, saya sebut sikit saja. Ada tiga perkara, Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi:** Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Saya sebut sedikit sahaja, 3 perkara Tuan Pengerusi. Saya hendak, tentang masalah tanah reja yang dirikan bangunan-bangunan. Sepatutnya dibiarkan apa benda ni terbuka begitu untuk kecantikan macam di Seksyen 1, Seksyen 2, Bandar Baru Bangi. Tanah reja di tepi dewan orang ramai dan di tepi kawasan masjid didirikan bangunan. Kita pergi dengan Persatuan Penduduk untuk membuat bantahan. Tapi tidak diterima. Akhirnya, bangunan yang menyakitkan hati. Yang kedua tentang kawasan hijau. Bandar dalam taman, kampung dalam bandar. Ini kawasan hijau, maknanya, sepatutnya bandar macam Bandar Baru Bangi hendak mengekalkan dari segi kehijauan. Kita menuntut supaya dihijaukan. Banyakkan buat taman macam apa ini, Shah Alam ya. Kita rasa apa ini macam hendak tiru Shah Alam tapi tidak jadi macam itu. Kita hendak hidup dalam kawasan hijau. Kemudian, bandar dalam taman ialah macam suasana hijau sahajalah. Kampung dalam bandar. Ada banyak kampung-kampung yang asalnya kampung tetapi disebabkan perkembangan bandar ia jadi tersepit. Macam kami di Bandar Baru Bangi ada Kampung Ramal Dalam, Sungai Ramal Luar, Teras Jenang. Bila bandar sudah berkembang dan ia terpinggir. Dia tidak terpinggir itu tapi ketinggalan dari segi pembangunan, kemudahan dan sebagainya.

Sepatutnya tempat-tempat ini macam bandar juga kemudahan-kemudahan, patut difikirkan. Kami ada 6 kampung, 3 ia termasuk dalam bandar tapi dipanggil kampung

juga. Kemudian, zon ada semacam kacau, kacaulah, kekacauan bagi segi meletakkan zon. Umpamanya Bandar Baru Bangi umpamanya ada Kampung Taman Seri Intan duduk di bawah Kajang, tetapi Taman Seri Intan duduk di bawah Seksyen 5, Bandar Baru Bangi, tetapi Taman Seri Intan, Kajang ia duduk di zon Bangi. Jadi ada kekacauan. Begitu juga umpamanya nama Impian Kajang, Bangi. Sepatutnya Impian Bangi, Bangilah. Tapi ini ada satu taman, Impian Kajang duduknya di bawah Bangi. Jadi kacau bilau nama. Begitu juga umpamanya Bandar Seri Putra, sepatutnya di bawah Bangi tapi kadang-kadang Bandar Seri Putra, Kajang. Sepatutnya duduk di bawah Bangi. Jadi, nampaknya PBT ini lagi berkuasa daripada Pejabat Daerah. So, kita harap dia panggil jugalah kita berbincang meletakkan zon, nama, supaya tidak menjadikan nama bercanggah, keliru. Kita pun menjadi keliru juga apabila nama macam mana. Lagi pun telah terlampau banyak sangat nama tempat Impian. Ini nampak. Saya ada 4 atau 5 di Kajang dan di Bangi. Impian Bangi, Impian Putra, Impian Kajang, banyak sangat. Impian mungkin hendak bahagia sangat. So, kadang-kadang kita *confused*. Kadang-kadang orang jemputan kahwin kita tersalah pergi. Impian, ubah sedikit, impian, patut dikaji.

**TUAN SPEAKER :** Impian

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terakhir.

**TUAN SPEAKER:** Tapi apa Yang Berhormat cakap tadi semua sebenarnya bukan dalam bidang kuasa Jabatan Perancang Bandar itu sudah masuk pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya rasa tidak dapat boleh jawab peringkat ini.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tapi di dalam bandar jugalah,

**TUAN SPEAKER :** Itu tidak kena mengena dengan Perancangan Bandar. Perancangan Bandar ia merancang untuk masa hadapan. Jadi yang ini sudah dalam pelaksanaan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Ini salah rancanglah. Istilah guna salah rancanglah. Salah rancang. Terakhir. Terakhir. Apa ini, ini papan iklan yang terlampau banyak.

**TUAN SPEAKER :** PBT.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Ya lah. Kerajaan Tempatan juga, kawalan perancangan. Sepatutnya dikawal. Macam hendak masuk daripada jalan Kajang hendak masuk ke Bangi. Dekat masjid itu sudah macam sampah apa ini, apa

papan-papan iklan. Bila masa hendak letak iklan ADUN-ADUN dulu, kita hendak letak di atas, dia kata tidak boleh, letak ke kanan tidak nampak. Tapi bila papan itu naik sama tinggi dengan bangunan. Jadi boleh pula untuk kepentingan komersial ya.

**TUAN SPEAKER :** Dia salah letak. Macam YB, Yang Berhormat letak sekarang ni.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Ya lah. Kalau tidak tak nampak pula salahnya. Jadi biar nampak salah. Sepatutnya dikawal, ia merosakkan pemandangan. Ini bukan satu bulatan sahaja. Macam bulatan UKM, sepatutnya hijau di situ tetapi naik benda ini, bangunan yang menyakitkan hati.

**TUAN SPEAKER :** Semakin jauh Yang Berhormat. Satu minit sudah cukup. (ketawa). Saya rasa tidak perlu, ini di bawah PBT bukan di bawah jadual Jabatan Perancang. Jadual B16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, wang sejumlah RM7,975,372,12. untuk kepala B16 - Jabatan Perancang Bandar da Desa menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar, RM11,496,845.83.

**TUAN SPEAKER :** Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya peruntukan setengah jam untuk...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya cukup

**TUAN SPEAKER :** Saya nampak ada 3 Yang Berhormat bangun. Sepuluh minit seorang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya ambil masa yang pendek nanti saya bagi *chance*. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga Sekinchan berminat untuk masuk perbahasan Perkhidmatan Veterinar Vot Pentadbiran dan berbahas Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Butiran 50500 Pentadbiran dan Kewangan 11000 Gaji dan Upahan. Berkenaan soal Perkhidmatan Veterinar ini ia berkaitan penternakan-penternakan lembu lah, kambing dan sebagainya. Dan saya nampak di Selangor ini. Selangor ini di bawah EXCO Pertanian, saya belum nampak lagi satu penternakan di mana Veterinar, penternakan ini sudah mencapai satu perkembangan yang

memuaskan. Misal kata penternakan lembu ini. Saya tidak tahu di Selangor ini di mana satu tempat di bawah penjagaan Veterinar atau mana Yang Berhormat nanti boleh tunjukkan ya? Lembu-lembu yang ditenak itu berjaya atau kambing-kambing itu berjaya menjadi satu *project plot* untuk Negeri Selangor ini. Saya hendak mendapat sedikit maklumat daripada Yang Berhormat EXCO?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Terdapat beberapa tempat di TKPM yang untuk lembu. Kalau ajak melawat Sekinchan. Pertama, adalah ternakan lembu adalah di bawah PKPS di Sungai Panjang. Yang Kedua, TKPM di Hulu Selangor kita kumpulkan 12 penternak lembu yang bermasalah di Negeri Selangor. Yang ini rasa lebih baik daripada NFC. Kita boleh tujukan ada lembunya, ada ternakannya dan projek ini berjaya. Jadi kedua-dua tempat ini boleh menenangkan hati Sekinchan untuk membuat lawatan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima Kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat EXCO. Berkenaan penternakan lembu di Sungai panjang ini, Bagaimana perkembangannya di situ? Apakah berjaya ada lembu atau tidak NFC. Itu satu. Bagaimana perkembangan status ini? Dan kedua juga, kita adakan satu *project pilot*, projek besar di Batang Kali. Di Batang Berjantai di situ ada rumah sembelih lembu, begitu besar menelan belanja RM20 lebih juta pada ketika itu. Saya hendak tahu bagaimana sekarang ini lembu di situ, masih ada lembu atau sudah menjadi gajah putih? Terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Lembu yang ada di situ, lembu mati itu.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Di Batang Berjantai ini macam NFC lah. Macam NFC. Di mana projek kerajaan berjuta ringgit, apabila saya pergi melawat, projek yang gagal. Dan sekarang PKPS sedang mengambil alih pusat tersebut, dan tiada lembu-lembu. Tiada. Tapi kalau di Sungai Panjang, saya sebut bahawa ini projek yang berjaya dan dah mula ada penghasilannya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Tuan Pengerusi, mohon penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Tertakluk kepada, Sekinchan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Mohon penjelasan mengenai pusat penyembelihan tadi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok. Bagi satu minit kepada.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya hendak tanya kepada EXCO, berkenaan Pusat Penyembelihan di Kampung Bestari Jaya itu, sama ada kawasan itu kini menjadi kawasan yang ditinggalkan ke? Penyewa sebelum ini mendapat apa kontrak untuk, tapi telah ditamatkan apa ini, apa ini, penyewaan oleh pihak Kerajaan Negeri? Saya mohon jawapan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAACOB BIN SAPARI :** Pusat penyembelihan tersebut saya buat lawatan kawasan tersebut tidak sesuai. Kemudian, pusat penyembelihannya tidak *economic*. Kadi PKPS sedang untuk apa ini, menyusun semula projek tersebut dan tidak menjadi pusat-pusat penyembelihan lembu. Untuk makluman, projek menelan belanja adalah untuk, di Sungai Panjang sekitar RM20 juta dan yang tadi, yang saya sebut yang pertama, Sekinchan, adalah di Sungai Nilam. Untuk makluman Permatang, saya rasa PKPS sedang susun semula tempat tersebut kepada industri lain yang lebih sesuai.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya rasa setakat ini puas hatilah.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil bahagian dalam 547 Butiran 50500 Butiran 11000 Peningkatan sejuta lebih bagi gaji dan upahan. Saya ingin menyentuh tentang objektif-objektif Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah untuk bagi mengekalkan kesihatan haiwan bagi mewujudkan iklim yang kondusif bagi industri haiwan. Dan industri haiwan yang meningkat di Negeri Selangor dalam pemerhatian saya adalah industri penternakan lembu memandangkan permintaan yang sungguh meningkat dalam korban, hari korban untuk lembu. Dan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada MBI, Dato' Menteri Besar yang telah mengagihkan lembu bagi setiap DUN tapi walau bagaimanapun beberapa ADUN ada mengadu, Lembah Jaya contohnya, Hulu Kelang, Gombak Setia, rakan-rakan dari Gombak Setia bukan teman-teman dari Gombak Setia, mengadu bahawa lembunya kurus. Betul ya Rawang pun. Jadi kita. Ini hasrat. Menteri Besar pun sudah masuk,

**TUAN SPEAKER :** Tapi Yang Berhormat ini tidak ada kena mengena dengan Veterinar.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Kesihatan lembu. Kesihatan lembu. Jadi lembu yang hendak korban ini kena sihat. Sampai ke DUN-DUN tidak sihat, apakah jawapan itu Dato' Menteri Besar?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Sebelum saya jawab lembu korban tersebut. Antara program Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang peningkatan tadi ialah kerana peningkatan gaji kakitangan awam yang kita maklum peningkatan yang satu juta. Ada program Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang apa ini memodenkan. Satu, program perlembagaan Veterinar. Yang kedua, penternak ataupun pengusaha contoh. Ketiga, sesi perundingan dengan pelanggan. Keempat, penternakan secara kontrak. Yang kelima, penggalakan aktiviti giliran. Keenam, penternakan bestari dan mesra penduduk. Ketujuh, promosi produk penternakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Yang Berhormat EXCO dasar tidak perlu. Saya hendak lembu kurus itu dijawab dengan khusus.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Untuk kesihatan bahawa semua lembu-lembu di negeri Selangor yang dibekalkan adalah sihat. Maksudnya bebas daripada sebarang penyakit, kuku, mulut dan penyakit-penyakit lain-lain.

**TUAN SPEAKER :** Cuma kurus.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Cuma kurus.

**TUAN SPEAKER :** Kurus macam mana. Tapi Kota Anggerik punya besarlah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Jadi soal kesihatan, semua lembu-lembu yang di bawa masuk ke Negeri Selangor untuk tujuan penyembelihan waktu korban. Jabatan memastikan bahawa lembu-lembu tersebut itu adalah sihat dan bebas daripada berpenyakit. Saya sahkan memang lembu di Sungai Sering itu kurus tapi sihat kerana apabila diikat kalau terlepas dia lari laju. Tuan Pengerusi saya merujuk kepada muka surat 544 Jabatan Veterinar Daerah mengawal selia kawasan ternakan, permit pemindahan antara daerah dan negeri. Peningkatan yang cukup baik, 2011 - RM23 000.00, 2012 - RM24,000.00, 2013 - RM25,000.00 peningkatan yang konsisten dari segi pemindahan. Cuma saya hendak dimaklumkan oleh EXCO, apakah kaedah-kaedah yang digunakan dalam pemindahan-pemindahan dan pemberian permit? Adakah itu daerah-daerah Selangor ataupun ke masukkan lembu-lembu haiwan dari luar negeri ke Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Pemindahan ini pertamanya ialah menguruskan pemindahan yang dimaksudkan daripada luar. Sebab Selangor dah dibebaskan daripada penyakit kuku dan mulut, jadi kita nak pastikan lembu-lembu luar yang masuk khususnya dari Pahang sebab Pahang masih belum bebas daripada penyakit kuku dan mulut pastikan dengan adanya sijil Kesihatan Veterinar dan permit

pindah itu, itu yang jadi pemindahan masuk. Untuk makluman ya Yang Berhormat keperluan waktu korban saya difahamkan ialah sekitar 25,000 ekor tapi lembu yang ada di Negeri Selangor hanya sekitar 5,000. Jadi kita perlu masuk antara 18,000 ke 20,000. Biasanya penternak-penternak telah membawa masuk seawal waktu Syawal, jadi bila menjelang Hari Raya Korban lembu-lembu tersebut dah bawa masuk, ada jawatan. Satu lagi untuk perpindahan ini ada dipanggil *cost* apa dia buat E-Permit yang perlu sijil Kesihatan Veterinar dan boleh pindah, ini perlu. Lembu masuk ini dia ada yang sebahagian besar daripada Thailand dan sebagainya ia perlu di *screen* dari segi kesihatan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Y.B. EXCO tentang E-Permit lembu dan memang kita hargai penglibatan orang ramai dalam ibadah korban dan kita nak pastikan lembu-lembu yang disembelih itu sihat walau pun kurus. Dan dalam konteks ini muka surat 540 dari segi pemvaksinan haiwan ternakan juga menunjukkan peningkatan daripada 18,813 pada tahun lepas di unjurkan pada 22,000. Cuma kita nak faham kaedah, apakah kaedah FMD lembu dan kambing ini dilakukan cara *in house* dengan izin atau pun *out source* kerana dia membawa implikasi dari segi kewangan dan bajet.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Keseluruhan untuk FMD atau pun HS lembu dan kerbau ini dibuat secara *in house*. So kepakaran yang ada pada Jabatan Veterinar dan untuk di Selangor perkhidmatan kesihatan ini sebahagian besarnya ialah daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Ada juga yang ke *private* klinik tapi sebahagian besar dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, terima kasih Pengerusi.

**TUAN PENERUSI :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Pengerusi, Kajang ingin merujuk kepada Vot B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Butiran 52000 muka surat 548 berkaitan dengan Kesihatan Veterinar, sekali lagi dibangkit susulan daripada soalan yang dikemukakan tadi. Kajang ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan berkaitan dengan kawalan penyembelihan di katakan rumah penyembelihan di Bestari Jaya atau pun Batang Berjuntai telah ditutup. Dan maka adakah rumah penyembelihan ini memang mencukupi di Negeri Selangor dan selain daripada itu khususnya di waktu macam Hari Korban, Hari Raya termasuk Deepavali baru-baru ini kita dapati juga ada penyembelihan-penyembelihan lembu, kambing yang bukan diuruskan oleh pihak kerajaan, tidak diluluskan. Maka bagaimana Jabatan Veterinar dapat mengawal dan

selain daripada itu ada yang memang penjualan daging di tepi jalan dan memang kita nampak tidak begitu selesa, bukan saja dari segi kesihatan dan juga dari kawalan pemandangan kerana ada yang kepala lembu, kepala kambing dan juga bahagian-bahagian yang digantung-gantung memang ia tidak begitu selesa bagi penduduk-penduduk di sekitar. Dan keduanya Kajang dapati di Negeri Selangor memang kita tidak wujudkan rumah sembelih untuk ayam dan itik ya, khasnya ayam yang merupakan salah satu daging yang banyak digunakan oleh pengguna. Oleh kerana tidak adanya rumah sembelih ayam, maka pengusaha ini memang dia sembelih merata saja, ikut suka dan ia mencemarkan alam sekitar dan juga mengganggu kesihatan dan juga keselesaan tempat hidup. Walau pun ada yang buat penyembelihan di tapak-tapak kilang tapi masalahnya sisa-sisa dan air daripada penyembelihan itu memang tidak terkawal dan ia mencemarkan. Ia adakah kerajaan bercadang untuk mendirikan rumah sembelih ayam dan itik di setiap satu daerah. Wujudkan satu tapak untuk penyembelihan dengan infra yang mencukupi untuk menjaga keselamatan dan juga menjaga supaya yang disembelih itu memang halal, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Di luar musim perayaan, penyembelihan lembu dibuat di rumah sembelih di Seksyen 15, Shah Alam yang mana semua lembu-lembu yang nak disembelih untuk tujuan komersial hendaklah dibuat di Seksyen 15. Tetapi waktu musim perayaan dibenarkan dan ada permit sembelihan dikeluarkan. Contohnya di kawasan Semenyih, Beranang Beranang yang biasa ada Pesta Mantai yang mana ia menjadi tradisi masyarakat di Beranang ada Pesta Mantai. Jadi yang ini dibenarkan dan lembu-lembu tersebut telah mendapat permit untuk disembelih bagi memastikan tahap kesihatannya. Untuk rumah sembelihan ayam, bagi syarikat-syarikat yang mengendalikan rumah sembelih ada sepatutnya tidak dibenarkan membuat sembelihan merata-rata di kawasan PBT yang ini di bawah bidang kuasa PBT. Kerajaan Negeri tidak bercadang nak bina rumah sembelih tapi PKPS sedang dah keluar tender untuk menyediakan rumah sembelih untuk kegunaan di Negeri Selangor. Dan kita menggalakkan untuk pihak-pihak swasta untuk menyediakan rumah-rumah sembelih untuk ayam dan itik.

Sebelum ini, untuk makluman ya dia terikat dengan Akta Penyembelihan 2009. Kemudian Jabatan Veterinar juga bersama PBT ada garis panduan untuk penyembelih ini, ada garis panduan yang ini PBT yang melaksanakan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Baik terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI :** Ya Rawang sila.



**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi Rawang ingin bertanya merujuk kepada muka surat 545, Butiran 505001 Pentadbiran dan Kewangan Dasar Baru. Rawang ingin bertanya sama ada garis panduan untuk Industri Burung Walit telah ditetapkan sebab sebelum ini telah wujud satu kekeliruan sama ada Jabatan Veterinar yang bertanggungjawab atau pun Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab untuk menggariskan garis panduan dan unit manakah yang bertindak untuk berkuat kuasa.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Garis panduan untuk burung walit di kawasan PBT di bawah kuasa PBT. Jabatan Veterinar akan memastikan dari aspek-aspek kesihatan untuk usaha-usaha tersebut. Ia di bawah unggas.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi jadi saya ingin bertanya sama ada garis panduan tersebut telah ditetapkan sebab dalam beberapa Sidang Dewan yang lepas saya juga masuk dalam soalan Dewan tetapi jawapan yang diterima seakan-akan belum ditetapkan lagi. Jadi saya ingin bertanya sama ada garis panduan telah dibuat atau pun tidak.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Jabatan Veterinar memberi panduan dari segi teknikal, kesihatan dengan adanya PBT bertanggungjawab untuk pelesenan dan pelaksanaan. Maksudnya garis panduan telah dibuat, pelaksanaan ialah pihak PBT.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Tuan Pengerusi minta mencelah untuk membuat pertanyaan pada ....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih. Puan Pengerusi terima kasih. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan rumah burung walit ini. PBT hanya kami diberitahu waktu siasatan PAC, PBT hanya mengeluarkan lesen untuk premis dan dari segi kesihatan, dari segi jenis unggas dan juga syarat-syarat yang lain memang Veterinar yang bertanggungjawab dan juga terlibat juga Pejabat Tanah. Dan disyorkan di waktu PAC pihak Pejabat Daerah yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelesenan dan kesemuanya pada rumah burung walit. Pendapat daripada Kajang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Pejabat Daerah bertanggungjawab urusan tanah umpamanya kebenaran tanah syarat tanah itu Pejabat Daerah. Soal pelesenan itu di bawah PBT. Jabatan Veterinar teknikal dari segi kesihatan kesesuaian untuk membuat rumah burung walit. Jadi Veterinar membantu teknikal dari segi kesesuaian

pembinaan dan sebagainya. Tapi pelaksanaan, penguatkuasaan di bawah PBT, daerah hanya jaga dari segi tanah.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi itu sahaja soalan saya terima kasih.

**TUAN PENGERUSI :** Jadual B17 – iaitu wang sejumlah RM11,496,845.83 untuk Kepala B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B18 – Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, RM13,205,542.56.

**TUAN PENGERUSI :** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat untuk Vot B18 dan seterusnya saya memperuntukkan setengah jam untuk setiap Jabatan berikutnya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan ringkas dan padat. Saya ingin pergi ke Butiran 505000 di bawah Pentadbiran dan Kewangan dan Kod RM10,000 emolument. Dalam buku bajet ini saya telah memerhati bahawa terdapat ....

**TUAN PENGERUSI :** Muka surat berapa ini?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Muka surat 566.

**TUAN PENGERUSI :** Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya dalam buku bajet ini telah dinyatakan terdapat peningkatan amat ketara dari segi perbelanjaan untuk emolument iaitu pada tahun 2012 diperuntukkan RM1.9 juta dan pada tahun depan diperuntukkan lebih RM3.3 juta. Itu satu kenaikan yang sangat ketara bagi saya. Dan pada masa yang sama kalau saya lihat daripada senarai perjawatan yang dibekalkan pada saya di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling ini kita akan, Pejabat Tanah akan mempunyai 204 orang pegawai yang bekerja di bawah Petaling dan bilangan ini kalau dibandingkan dengan Pejabat Tanah yang lain saya rasa ia lebih kurang sama iaitu sekitar 200 orang untuk setiap Pejabat Daerah. Jadi apa yang saya ingin bangkitkan di sini kalau kita lihat juga *output* atau pun hasil, *output* di muka surat 565 Buku Bajet ini kutipan hasil di peringkat di Pejabat Daerah Petaling untuk tahun depan ialah RM241 juta. Dan ini saya rasa adalah yang tertinggi di kalangan semua Pejabat Daerah dan bukan saja yang tertinggi tapi jauh

lebih tinggi daripada Pejabat-pejabat Daerah yang lain. Jadi persoalan saya ialah saya menjangkakan akan berlaku satu masalah iaitu kekurangan kakitangan di Pejabat Tanah dan Daerah dengan berbekalkan hanya 200 dengan perbelanjaan emolumennya yang begitu tinggi dengan kutipan hasil yang semakin meningkat dan jauh lebih tinggi daripada yang lain. Saya kurang faham mengapa Kerajaan Negeri Selangor tidak ingin memperuntukkan *staff* yang lebih ramai kepada Pejabat Tanah.

Persoalan ini telah kami timbul pada tahun-tahun sebelum ini tetapi saya rasa tahun ini kalau kita lihat perbelanjaan emolumen ia jauh lebih tinggi, *this justified* dengan izin terdapat satu keperluan untuk kita menambah bilangan pegawai, khususnya pegawai di kumpulan pengurusan profesional iaitu 13 orang sahaja. Saya rasa tidak cukup untuk Daerah Petaling.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Pengerusi, Kampung Tunku membangkitkan satu perkara yang jelas di mana walau pun kita mempunyai hasil yang agak tinggi dari pihak Daerah Petaling tetapi kita juga terdapat kekurangan warga kerja. Ini saya nak nyatakan di sini selain daripada itu, ini sangat-sangat berlaku dari segi kekurangan keberkesanan kerana terdapat perpindahan dari Pejabat Daerah bangunan ke Pejabat Daerah yang agak jauh daripada pelanggan-pelanggan. Ini berlaku kerana terdapat keinginan untuk menyusun semula harta-harta negeri yang sudah akhirnya dia terjual. Dan saya telah meminta Jabatan yang berkenaan mengenai perjawatan berapa statistik perjawatan pentadbiran kerajaan. Umpamanya Pejabat Tanah Petaling ada 204 orang. Pejabat Tanah Gombak 198 dan pengalaman saya di sektor swasta dengan sektor kerajaan sekarang. Sektor swasta adalah *very flat management*, *very flat* maknanya pengurus dan lepas itu pekerja. Tetapi sektor kerajaan dari hierarki-hierarki, maknanya ada Penolong Pegawai Daerah ada dua tiga di tepinya. Lepas itu naik lagi pangkat ada dua tiga di tepi itu sebab keadaan ini menunjukkan terdapat tidak ditempatkan pegawai-pegawai itu terdapat apa yang dianggap kekurangan pegawai. Jadi ini tidak dapat diselesaikan kalau kita tidak menerima konsep yang pekerja tu boleh buat *multitasking* tapi saya belum dapat memperkenalkan konsep *multitasking* sebab konsep *multitasking* mesti ada hubungannya dengan gaji. Sebab sekarang semua pegawai kerajaan ini ada slot 54, 48, kalau kita suruh buat *multitasking* boleh jadi orang yang rendah akan membuat kerja orang yang 54 jadi itu satu keadaan yang walaupun dia boleh buat tapi dia tidak boleh diberikan tugas tersebut. Jadi saya menerima penelitian Kampung Tunku tapi untuk masa depan dalam masa satu dekad ini kita minta pemikiran baru dari pengurusan yang dipanggil *flat management* bukan *multitasking*. Dengan cara itu, itulah sebabnya saya membawa satu konsep pejabat pergi ke rakyat. Apabila pejabat pergi ke rakyat kita hantar seorang sahaja dia mewakili satu pejabat. Itu dia punya konsep.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya menyambut baik cadangan daripada Kerajaan Negeri itu tapi saya rasa dalam masa yang sama walaupun dengan 204 orang kakitangan di Pejabat Tanah kita selain dari memberi *multitasking* kepada mereka, kita juga perlu memberi latihan. Saya ada satu cadangan seperti di PBT kita ada Institut Latihan PBT yang melaksanakan pelbagai bentuk latihan kepada pegawai kepada Perancang, Ahli Majlis dan sebagainya. Jadi mengapakah tidak kita adakan juga *setup* yang sama untuk melatih pegawai-pegawai sokongan supaya mereka dilengkapkan dengan kemahiran-kemahiran seperti apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Selat Klang seminggu yang lalu bahawa S.O. (*Settlement Officer*) diberi pelbagai bentuk latihan dari segi pengurusan emosi, penggunaan komputer dan sebagainya. Jadi saya rasa dalam masa yang sama ini apa yang boleh kita lakukan kerana kalau kita lihat muka surat 564 aktiviti tanah anggaran *output* untuk kelulusan Borang Pemilikan Tanah iaitu Borang 5A tahun 2011 kita hanya mengeluarkan 67 sahaja. Satu angka yang saya rasa sangat sedikit. Anggaran tahun depan adalah 60. Saya tak pasti ini adalah angka yang dapat diterima atau tidak tapi kalau kita lihat apa yang pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya sebelum ini memang ada permohonan. Dan juga penerimaan permohonan tanah lesen peruntukan sementara ini (TOL) bagi tahun 2011 sebenarnya 849 tapi telah dikurangkan ke 500 sahaja untuk tahun hadapan. Jadi kalau saya sepintas lalu angka ini mungkin tidak mencerminkan prestasi sebenarnya ataupun *work loads* sebenarnya di Pejabat Tanah dan Daerah. Mungkin angka ini lebih tinggi dan saya rasa mungkin ia lebih tinggi dari angka ini. Jadi saya berharap cadangan saya ini dapat diterima supaya pegawai kita diberi kemahiran untuk meningkatkan kemahiran mereka dan supaya *output* kita dapat dipertingkatkan. Apa pendapat Tan Sri?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya ingat kita ambil kira dalam perancangan *Human Resource planning* yang kita minta Jabatan Human Resource mengambil kira tentang perkara ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekinchan juga ingin turut serta dalam perbahasan B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling Butiran 50500 Pentadbiran dan Kewangan Bahagian Gaji dan Upahan 1100 muka surat 568.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengurusan tanah khususnya di Petaling ini di mana saya tempoh hari minggu yang lepas saya telah mendedahkan Skandal Sapu Tanah 1 Malaysia iaitu SATIM singkatan di mana Skandal Sapu Tanah 1 Malaysia iaitu

singkatan SATIM oleh UMNO, MCA dan MIC di mana tanah-tanah itu telah diagihkan dimohon sewaktu zaman Barisan Nasional tahun 2000 hingga 2008 sebanyak 24 keping tanah yang saya dedahkan di mana UMNO mendapat 15, MCA 5, MIC 3, Gerakan 1. Gerakan yang tak bergerak dia dapat 1 la. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan di sini Pejabat Petaling ini saya nak jelaskan di sini minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar ambil maklum di sini di daerah Petaling ini sebanyak 1 MCA Cawangan Batu 8, Jalan Puchong, itu daerah Petaling di bawah SSM 29660 Pt 235 319 meter persegi. Ini MCA Cawangan Batu 8 Jalan Puchong dan UMNO Bahagian Subang 8100 meter persegi Lot 77297 dan juga MIC di Petaling Jaya ini contoh sebenar Skandal Sapu Tanah 1 Malaysia iaitu SATIM di mana MIC ada, MCA ada dan Gerakan pun ada. UMNO Bahagian Puchong, Yang Berhormat Ketua Pembangkang UMNO Bahagian Puchong Batu 14 Puchong dekat Seri Serdang 6.5 ekar Puchong. Jadi Skandal SATIM ni memang tepat pada masanyalah dan juga Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan). Pekan Kinrara, Yang Berhormat Kinrara, Pekan Kinrara ini kesemuanya 1, 2, 3, 4, 5, 6 di Petaling sahaja. Tanah yang begitu mahal di Petaling, 6 keping sudah dikebas oleh Barisan Nasional waktu zaman Barisan Nasional skandal SATIM ini. 6 keping dan semuanya RM1.00 satu kaki persegi. Persoalan di sini di mana jawapan daripada pihak pembangkang tempoh hari mengatakan ini adalah diminta untuk dewan serbaguna, kepentingan orang ramai. Dewan serba guna dan juga tadika dan apa yang saya nak tanya pada Yang Berhormat, kalau dewan serba guna ataupun tadika kenapa tidak didaftar di bawah Kerajaan. Kenapa didaftar bawah UMNO, di bawah UMNO Puchong, UMNO Petaling Jaya. Ini persoalannya. Jadi saya nak minta Yang Berhormat beritahu kenapa kepentingan dewan serba guna mesti daftar bawah kerajaan, kenapa bawah UMNO? Ini satu perkara yang saya nak minta. Yang kedua, MCA juga begitu, saya boleh bagi satu contoh, contoh sahaja di mana di Sekinchan UMNO dapat tanah kononnya buat tadika dan dewan serba guna sekarang sudah jadi kedai 3 tingkat 5 unit. Saya tak nampak tadika. Hanya khayalan, ilusi sahaja. Tapi dewan serba guna pun tak ada. Jadi Tuan Pengerusi ini satu perkara yang saya nak bangkitkan di sini dan juga di Kuala Selangor contoh sahaja sebab ini Petaling Jaya, tanah yang diberikan kepada MCA, MCA sapu sekarang dah jadi kedai. Jadi tak ada soal Kuala Kubu Baharu (KKB) katanya untuk balai raya untuk kegunaan awam di mana kegunaan awam ini pun bukan Skandal Sapu Tanah 1 Malaysia (SATIM) lagi, penipuan 1 Malaysia.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Nak mencelah sedikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok, ok. 1 minit.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** *You* punya percakapan itu seolah-olah nak salahkan semua ini tanpa kajian. Kalau di Kuala Kubu tolong nyatakan mana satu

keping daripada Kuala Kubu. Jangan secara umumnya cakap kat Kuala Kubu, satu. Yang kedua, ini Sekinchan sudah lupa sejarah kalau hari ini tidak ada MIC, MCA dengan UMNO *you* pakai baju daun. Yang kedua, *you* kena faham bahawa kebanyakan tanah dari kampung dulu kalau ikut sejarah dulu bahawa Kampung Baru tak ada balai raya, semua dewan MCA digunakan untuk komuniti seperti majlis perkahwinan, *kindergarten* dan juga perhimpunan. Tapi zaman dulu kita tak ambil secara *title* pun tapi sekarang kemungkinan pada tahun sebelum 2008 ada yang memohon tapi bangunan yang lama kita berikan geran untuk bangunan tersebut. Apa salahnya? Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan, adakah Sekinchan tahu juga sebenarnya MCA ada satu keping tanah di daerah Hulu Selangor ini, tepatnya adalah di Kampung Baru Bukit Chandang, Batang Kali tanah itu bukan tanah perniagaan. Betul. Memang tidak ada tanah diberi kepada MCA daerah Hulu Selangor tetapi tanah itu duduk atas tanah rizab JKR untuk buat jalan. PDT dah berkali-kali memberi peringatan supaya pindah tapi sehingga sekarang tidak mahu pindah. Ini lagi teruk daripada kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan sebab ini tanah kerajaan. Dia duduk dekat situ setinggian itu.

**TUAN Pengerusi :** Ok, berbalik kepada Petaling.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Boleh saya jawab dulu?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok, cukup. 15 minit 1 orang.

**TUAN Pengerusi :** 10 minit sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** 10 minit? Lagi kurang dah. Jadi saya teruskan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Inilah sebentar tadi jawapan yang dikemukakan oleh Kuala Kubu menyatakan kalau tak ada MCA, MIC dan UMNO Sekinchan tak akan pakai lawa macam ini, ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Rakyat akan tengok macam mana jawapan daripada KKB ini begitu tidak bertanggungjawab. Sedangkan jasa itu dulu, perkembangan sejarah. Tapi kalau kita ambil tanah sebagai pemimpin sebagai parti politik yang berjuang untuk rakyat, ambil tanah untuk parti sendiri tak malu ke. Di mana wibawa kredibiliti sebagai sebuah parti. Rakyat akan tanya seperti bahasa Tionghoa maksudnya dari harta kekayaan ini kerajaan di salur kepada parti, kekayaan parti disalurkan kepada individu. Ini rakyat menangislah. Rakyat akan menderita. Kita tak berasa malu ke sebagai pemimpin. Depan rakyat kita kata "saya pertahankan masyarakat", "saya pertahankan hak rakyat" tapi belakang kita curi-curi sapu tanah untuk parti sendiri. Tak malu ke? Di mana moral autoriti kita sebagai pemimpin. Ini saya nak nyatakan di sini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Boleh nak minta penjelasan Sekinchan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Cukup, saya masa tak cukup. Nanti saudara boleh bahas. Saya ada 10 minit. Maka dengan itu saya nampak sudah kritikal, saya minta jawapan daripada Yang Amat Berhormat dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Dato' Pengerusi, terima kasih Sekinchan. Inilah satunya kebaikan ketelusan. Nampaknya sekarang kita dah buka untuk perbincangan. Saya ingin nak mencatat dalam *hansard* bahawa saya juga keluarga daripada pejuang kemerdekaan tetapi saya tidak mengharapkan pemberian dengan cara yang tidak betul. Jadi perkara yang penting di sini ialah apabila kita lihat perkara-perkara yang sekarang kena diperbaiki oleh sebab itu pengurusan Pejabat Daerah sangat penting. Pengurusan Pegawai Daerah adalah penggerak pembangunan daerah dan proses-proses ini mesti dilakukan. Saya percaya perkara ini salah satu daripada usaha dalam pembangunan negeri. Peranan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah sangat penting. Jadi apa yang dibangkitkan ini tidak dapat diselesaikan dalam satu hari tapi mesti sentiasa diselesaikan dengan cara terbuka dengan cara saya rasa kita melihat bagaimana proses-proses pengurus niaga tanah, pentadbiran tanah itu dapat dipercepatkan lagi, dapat diperkemaskan lagi dapat diperbaiki lagi sebab kejayaan negeri adalah untuk pentadbiran Selangor adalah dua, satu ialah kecekapan Pejabat Daerah kedua keberkesanan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Kalau itu dapat dipertingkatkan maknanya proses pembangunan negeri akan berjaya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya sambung sikit ya. Terima kasih jawapan daripada Yang Amat Berhormat yang memberi komitmen akan urus tadbir tanah dengan baik di mana Negeri Selangor kita sekarang tanah pun kita urus dengan cara yang tertib dan sistematik di bawah menggunakan komputer dan sebagainya. Dan oleh kerana kes ini adalah cukup berat permohonan tanah skandal sapu tanah, sapu tanah satu Malaysia (SATIM) ini melibatkan kepentingan awam, kepentingan awam rakyat berhak mengetahui kenapa zaman mereka tanah ini disapu dengan demikian rupa. Maka dengan itu saya masa, masa tapi saya pergi tak pe saya minta ada lagi tempat saya boleh masuk. Terima kasih.

**TUAN PENERUSI :** Jadual B18 – iaitu wang sejumlah RM13,205,542.56 untuk Kepala B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B19 – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, RM12,084,82.94.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI :** Saya bagi Rawang dulu, 10 minit saja.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, Rawang ingin merujuk kepada muka surat 586 Butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Rawang ingin bertanya untuk Pejabat Tanah dan Daerah Gombak waktu ini berapakah bilangan *Settlement Officer (SO)* dengan izin yang diperlukan, sebab kita memandangkan saya nampak Gombak memang dalam beberapa tahun ini begitu efektif dalam menyelesaikan isu-isu pemprosesan tanah khususnya kes Bukit Botak yang telah berjaya diselesaikan dengan kerjasama yang baik, begitu baik daripada Pegawai Daerah dan jabatan-jabatan yang terlibat. Namun saya difahamkan juga sebenarnya tugas untuk SO dan juga pegawai yang berkenaan juga banyak disebabkan kita mahu cecap semua kes-kes yang telah tertunggak untuk berpuluh-puluh tahun, jadi adakah Kerajaan Negeri juga bercadang atau pun ada satu sistem, ada satu *pool SO* diperingkat PTG atau pun sebagainya untuk salurkan kepada Pejabat Tanah kalau ada keperluan. Rawang ingin minta penjelasan pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi kalau kita, Rawang membangkitkan tentang Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dia di telah mengenai perjawatan telah diberikan dalam buku yang berbeza iaitu dalam buku yang dipanggil Buku Senarai Perjawatan, Senarai Perjawatan. Dalam senarai perjawatan itu dia disebut kumpulan-kumpulan yang diberi tugas maknanya pembangunan fizikal, Operasi Juruteknik- juruteknik, Pembantu Operasi dan juga Pembantu Tadbir untuk menentukan pegawai-pegawai yang cukup. Dan salah satu daripada cara yang terbaik oleh kerana adanya kekurangan *land surveyor* sekarang kita telah membenarkan untuk menggunakan *private sector*, swasta untuk menjalankan tugas untuk melakukan *land survey* jadi dan kalau itu berlaku maknanya kita kena mengadakan satu belanjawan yang lain supaya dapat Pejabat Daerah membuat *claim* kepada kewangan negeri. Jadi kalau tidak dia tak termasuk dalam belanjawan ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Minta penjelasan Tuan Pengerusi. Rawang ingin tahu bilakah penggunaan atau pun kita nak gunakan *private surveyor* ini bermula dan kriteria macam mana, maksudnya pihak Pejabat Tanah yang akan dapatkan *private surveyor* ini atau *private surveyor* ini seperti apa yang kita daftarkan juga untuk kontraktor-



kontraktor yang mana mereka perlu berdaftar juga dengan UPEN dulu supaya ada satu senarai yang boleh dipikirkan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi dan Rawang, *private surveyor* ini *is a professional, professional association* makna juga macam *civil engineer*, akauntan, *lawyer* dia kena mendaftar, jadi pendaftaran mereka itu akan memberikan mereka sijil untuk melakukan *surveyor*. Jadi dengan itu kalau mereka itu dalam kumpulan itu dan *fee* dia pun bayarannya pun di tentukan dan kalau dalam perbincangan dengan Pejabat Daerah, kalau nak cepat buat *survey* sendiri jadi kita boleh menggunakan khidmat *surveyor* yang dalam senarai, bukan dalam senarai di Selangor tapi di seluruh Malaysia yang pada baiknya mereka yang membuat pekerjaan di Selangor supaya dapat membuat *survey* tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi, Rawang ingin bertanya sama ada untuk *surveyor officer* yang sedia ada di peringkat Pejabat Tanah sama ada, ada satu sistem sokongan juga diberikan kepada mereka khususnya dalam penggunaan sistem teknologi maklumat untuk mengurangkan bebanan *paper work* dengan izin dan adakah elaun tambahan juga diberikan atau pun elaun khas kepada SO yang mereka mungkin perlu kerja OT sebab ada kes-kes tanah yang perlu disegerakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat Rawang, saya pernah mengadakan perjumpaan dengan *settlement officer* SO untuk mengetahui tentang bagaimana mempercepatkan proses mengetahui tentang tanah dan juga proses penukaran syarat dan juga proses pembahagian tanah. Walau pun *structure*-nya terlalu ketat untuk diubah tetapi ramai juga SO (*settlement officer*) yang mengambil kursus untuk menjadi *register surveyor*, ramai. Saya berjumpa di Klang pun ada dua atau tiga yang mengambil kursus untuk jadi *register surveyor* dengan cara itu mereka juga boleh menjalankan tugas-tugas tersebut dan mereka boleh dapat elaun daripada tugas-tugas tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih seterusnya Rawang ingin bertanya tentang untuk Vot yang sama juga kalau kita rujuk kepada muka surat 585 tentang Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah. Kalau kita telitikan pada tahun 2011 bilangan yang diadakan sebenarnya 14, tahun ini dikurangkan menjadi tiga dan tahun depan juga tiga jadi Rawang ingin bertanya sama ada ini bermakna cukai tunggakan di peringkat daerah telah berjaya dikutip dengan begitu tinggi dan bilangan mesyuarat yang perlu diadakan tidak perlu begitu banyak atau pun ada faktor-faktor yang lain.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya rasa Dato' Pengerusi daripada awal dulu masa kita membuat program untuk mengutip cukai-cukai tunggakan sudah tentulah beberapa usaha untuk sentiasa mengemaskinikan prosedur-prosedur. Sekarang jumlah masa bukan untuk mengemaskinikan prosedur tapi pergi ke lapangan untuk mendapat kutipan. Itu sebab saya rasa kebanyakan daripada Pejabat Daerah mengadakan perjumpaan empat kali dalam setahun.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih Tuan Pengerusi, Rawang ingin merujuk kepada Butiran 52400 mengenai Pembangunan Masyarakat. Rawang ingin bertanya sama ada di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah Gombak melalui Majlis Tindakan Daerah akan disetkan untuk tahun depan satu polisi yang mana kita menempatkan atau pun menyediakan kawasan-kawasan industri atau pun bengkel untuk mereka yang sebenarnya duduk atas tanah rizab kerajaan, khususnya di tanah rizab JKR sebab di kawasan Rawang disebabkan projek pelebaran akan dijalankan nampaknya memang ada keperluan sebegini supaya kita memastikan ada perancangan teratur dan sesuai dari segi perancangan tempatan, sebab kalau tidak saya perhatikan di Rawang banyak kawasan industri di sebelah kawasan perumahan. Jadi menimbulkan banyak masalah, adakah melalui Jawatankuasa Majlis Tindakan Daerah ini juga akan diselaraskan untuk bengkel-bengkel dan gerai seperti ini sebab memang susah. Ada kalanya kita tengok untuk pengusaha yang dengan pendapatan yang begitu tidak tinggi agak susah untuk mereka mendapatkan satu tempat yang sesuai. Dan saya nampak sememangnya pihak Kerajaan Negeri atau pun Pejabat Tanah ada dari segi data tanah kerajaan yang kita ada data atau pun tanah syarikat, anak syarikat yang kita ada. Memang ini adalah kawasan yang berpotensi boleh digunakan di dalam perancangan berikut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Pengerusi dan Rawang ini satu kenyataan yang proaktif dan hanya pada tahun lepas dan tahun ini kita mula mengetahui jumlah tanah-tanah, lokasi tanah yang milikan kerajaan. Jadi kita dah mula. Dan dalam bajet yang saya nyatakan saya juga membagi gambaran tentang nilai aset-aset tetap yang dibagi oleh Kerajaan Negeri, itu kedua Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu unit khas untuk menjaga tanah-tanah ini supaya bukan saja dijaga oleh Pejabat-pejabat Daerah tetapi unit daripada pusat iaitu biasanya kita *must be* letakkan di bawah Jabatan Setiausaha Kerajaan untuk mereka akan pergi ke kawasan-kawasan itu sendiri untuk mengkaji dan membuat cadangan tentang penyelesaian masalah tanah dan penggunaan tanah atas tanah-tanah kerajaan. Kedua mereka juga akan mencuba untuk merancang penggunaan tanah supaya nilai tanah-tanah kerajaan itu dalam keadaan yang meningkat. Perkara yang mesti kita ingat bahawa salah satu daripada masalah kerajaan menghadapi apabila rakyat tahu kawasan itu akan diambil oleh kerajaan, lebih ramai nama yang dulunya kita tak kenal sudah masuk dalam itu, itu sebab kita tidak hendak membuat hebahan. Jadi kalau ada hebah lagi sukar Pegawai

Daerah, ADO sebab cucunya pun ada datang tak pernah duduk di situ pun, meminta tanah jadi itu yang kita mesti faham itu sebab kita dua selari, gazetkan dan juga nama asal itu mesti ditetapkan kalau kita hebahkan boleh jadi lebih banyak kerja yang tak sepatutnya berlaku untuk memberitahu mereka tidak layak itu, sebabnya saya sudah mula meminta supaya perkara ini dilakukan di ibu pejabat, kerana kalau masuk ke Pejabat Daerah semua orang akan tahu apabila cerita itu merebak maknanya sukar untuk menjaga kemasukan-kemasukan peneroka-peneroka,

**TUAN SPEAKER :** Gombak pula, Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ambil bahagian muka surat 588, butiran aktiviti 505000 Pentadbiran Kewangan saya ingin menyentuh tiga perkara semuanya berkaitan Hulu Kelang. Yang pertama berkaitan permohonan pemberian milikan tanah. Kedua tentang Taman Rekreasi kawasan perkelahan Yang ketiga tentang tawaran tanah bagi UKRC (Ulu Kelang Recreation Club). Pertamanya tentang tanah permohonan tanah saya ingin meminta penjelasan *first in first out*, yang dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar, tentang permohonan tanah kerana tentang isu permohonan geran tanah secara berkelompok di Lot 908 Batu 7  $\frac{3}{4}$  Mukim Hulu Kelang sudah saya bawa dalam Sidang Dewan dan surat telah saya utuskan kepada Dato' Menteri Besar dan ketika Dato' Menteri Besar turun lawatan kerja ke Gombak pun wakil-wakil pemohon sudah pun bertemu dengan Dato' Menteri Besar, Lot 908 Batu 7  $\frac{3}{4}$ , jadi baru-baru ini saya mereka sudah memohon beberapa kali dan mereka sudah mendiami tempat itu sejak tahun 60-an tetapi tidak mendapat jawapan tetapi baru-baru ini saya mendengar bahawa MPAJ susah memohon dan inginewartakan kawasan tersebut sebagai zon perniagaan jadi kalau berdasarkan konsep, maknanya permohonan awal dipertimbangkan saya tidak menafikan pihak Kerajaan Negeri berhak untuk meluluskan permohonan PBT tetapi konsep itu hendaklah diimbangkan jadi boleh minta penjelasan Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya memahami masalah yang dihadapi pejabat tanah dan memahami juga dari segi masalah yang didapati oleh wakil rakyat kita untuk menerangkan kepada rakyat bagaimana perjalanan pejabat daerah, jadi Hulu Kelang menunjukkan bagaimana budaya mengurus ataupun memproses permohonan di Pejabat Daerah, Dato' Pengerusi dapat dijalankan saya dapati pada 2008 saya dapati keutamaan diberikan kepada ketua-ketua ataupun pemimpin-pemimpin untuk mana permohonan ataupun kes-kes dapat diselesaikan, saya dapati maknanya, kalau surat itu ditandatangani oleh Menteri Besar dia walaupun dia punya fail itu No.20 dia akan naik ke atas, maknanya dibuat awal, jadi ini akan tidak adil dari segi konsep *first in first out*, maknanya siapa datang dulu dia keluar, *first in first out* itu sebab konsep itu jadi maknanya kalau No.20 maknanya Menteri Besar suruh buat dia kena habiskan ke-19

dan terus siap 20 jadi dia menolong menyiapkan kerja-kerja awal dan dengan cara itu kita akan dapat tak ada orang masalah yang berjumpa dengan kita fail mereka terbenam selama 6 bulan, jadi ini yang budaya ini yang kita nak lakukan, kedua kalau itu boleh kita lakukan kemudian kita ada satu rekod dalam, sistem kita mana fail yang, bila fail itu masuk sahaja kita ada rekod, fail yang sudah masuk dan kita juga ada rekod fail yang akan diambil tindakan jadi besoknya tidak ada sebab mengapa fail awal tidak dilakukan jadi, itu kita punya *target* supaya semua orang tahu dia akan diberikan tindakan keutamaan yang serupa jadi hanya dalam kes-kes *exceptional* baru boleh, tapi *exceptional* itu tidak boleh tiap-tiap hari mana dalam seratus boleh jadi satu *exceptional* dan ini budaya kerja yang kita nak masukkan dalam usaha itu, kedua dari segi permintaan untuk tanah saya nak terangkan daripada permintaan untuk tanah saya dapati oleh *kerana* Pegawai Kerajaan tidak mempunyai data lengkap mengenai tanah maknanya tanah-tanah milikan kerajaan, saya dapati yang tahu tentang tanah ialah bukan kerajaan, yang tahu tentang tanah kerajaan bukan kerajaan, dan itu sebab bila saya berjumpa dengan saya pergi turun ke Gombak satu kes di Sabak Bernam dia datang berjumpa dengan saya ada perjumpaan dengan Menteri Besar dia terus bercakap dengan saya dia nak menolong Kerajaan Negeri saya pun dengarlah sebab dia nak menolong Kerajaan Negeri sebab dia cakap Kerajaan Negeri biarlah tanah itu jadi tanah Kerajaan Negeri jadi hutan dengan itu dia nak menolong Kerajaan Negeri sebab kalau tidak tak jadi hutanlah. Jadi saya pun sebagai Menteri Besar yang ditugaskan untuk menjaga tanah rakyat, macam mana pula tanah ini dibiarkan jadi hutan jadi..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Menteri Besar *specific*, kepada itu tanah lot..

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya nak tunjukkan itu sebabnya saya berikan tanah itu tidak pada individu tapi saya berikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, supaya Pihak Berkuasa Tempatan tentukan penggunaan tanah tersebut dan itu, sebab saya tidak lagi bagi pada individu sebab individu itu yang tahu sebab mereka bekerja di Pejabat Tanah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Adakah perlu diberikan keutamaan kepada pembangunan komersil melalui PBT ataupun kediaman rakyat, yang sudah lama menetap di situ, ini dari segi tuntutan sosial itu,

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dari segi konsepnya sosial kita utamakan tetapi dari segi konsep maknanya kalau dia dah duduk kat tanah itu, berpuluh tahun tapak tanah itu dia diberi keutamaan dia tidak tapi kalau dia hanya nak gunakan tanah itu, tanah yang terbiar, tidak dimiliki kalau dia minta tanah tersebut tak duduk situ prioriti kita bagi pada Pihak Berkuasa Tempatan, itu kita punya prioriti.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tentang tanah kawasan rekreasi saya dapati di Hulu Selangor seperti Hulu Yam dan di Hulu Langat seperti di Sungai Congkak kawasan-kawasan rekreasi dan kawasan perkelahan sudah dianggap sebagai satu yang rasmi tetapi masalah di Hulu Kelang, di Kampung Kemensah ada pengusaha-pengusaha chalet dan pembangunan sukan rekreasi tidak masih lagi tidak mendapat lesen daripada pihak MPAJ untuk beroperasi memandangkan status tanah, saya memohon pihak Pejabat Daerah Gombak untuk mewujudkan satu pasukan khas untuk meneliti dan meninjau perkara ini semoga dapat dilaksanakan mereka boleh meniaga dengan selesa dan sempurna, dan seterusnya tanah permohonan UKRC, satu pendengaran dan siasatan bicara mahkamah Tanah Gombak telah diadakan pada tahun ini, dan pihak kerajaan sudah membuat keputusan bahawa tanah padang UKRC itu milik tanah kerajaan yang diurusetia oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, tetapi walau bagaimanapun bangunan itu ditawarkan untuk dimiliki oleh UKRC, tetapi persoalannya apakah status tanah di bawah tapak bangunan tersebut, boleh minta penjelasan

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Soalan yang kedua, kalau dalam Dato' Pengerusi dalam cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas itu dia menawarkan tanah dan bangunan dalam bangunan tapak, bangunan itulah sebab dalam undang-undang tanah kalau pemilik tanah adalah pemilik bangunan, jadi dengan cara itu kalau kita memberikan kepada UKRC itu bangunan maknanya juga kita mesti memberikan dia tanah, jadi dia punya cadangan jadi dan yang lain itu adalah untuk masyarakat persekitaran dan juga di bawah jagaan Pihak Berkuasa Tempatan Ampang Jaya.

**TUAN SPEAKER:** Masa telah sampai, terima kasih. Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Tuan Pengerusi Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak berkaitan dengan Butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan 11000 Gaji dan Upah muka surat 588, Tuan Pengerusi sebentar tadi saya nyatakan skandal tanah Sapu Tanah Satu Malaysia (SATIM) Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun sudah keluar mungkin "siapa makan cili dia rasa pedas" ingin saya nyatakan di sini bahawa oleh kerana kes-kes tanah ini dahulunya tidak diurus dengan tertib dengan baik dengan menggunakan saluran politik, saluran kabel, saya terima banyak aduan kebal-kebal, siapa ada kebal dia dapat tanah, siapa pengikut, suku sakat dia dapat tanah, termasuklah Barisan Nasional dia ambil tanah untuk sendiri tanpa rasa malu dan segan silu dan di sini saya nak nyatakan di Gombak ini, di Gombak ada 1, 2, 3, 3 keping tanah disapu oleh dalam skandal, dalam skandal Sapu Tanah, Satu Malaysia, UMNO Bahagian Selayang ada satu keping HSD 27775, 446.49 meter persegi dan juga di

Pekan Sepang juga ya bukan di Bahagian Selayang dan juga pertubuhan UMNO Negeri Selangor pun ada, UMNO Negeri Selangor juga sendiri pun dia sapu dan juga MCA rumah PKNS Batu 16 Rawang, rumah PKNS, saya hairan rumah PKNS, PKNS punya rumah pun dah jadi milik MCA, ini betul-betul apa yang saya cakap tadi la ya, (bahasa Tionghoa) dengan izin, (bahasa Tionghoa) itu lah yang saya cakap tadi tu memang betul-betul maknanya harta masuk ke kantung, kantung orang rakyat masuk ke kantung, tetapi dan masuk ke sini, ini yang berlaku.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Pengerusi, saya ingin meminta sikit penjelasan daripada Yang Berhormat Sekinchan, tadi saya terdengar yang di mana MCA ambil rumah PKNS Batu 16 untuk sebagai aset ataupun harta parti sedangkan kalau saya seingat saya itu adalah projek perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah jadi ada tak ini betul untuk ambil harta yang sepatutnya diberi kepada rakyat untuk jadi harta parti sendiri,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Rawang, atas keprihatinan memberi maklumat kalau itulah rumah PKNS yang rumah murah, rumah PKNS untuk rakyat miskin pun mereka sapu memang ini ternyata skandal Sapu Tanah 1 Malaysia (SATIM) ini memang mereka cakap tak serupa bikin maknanya Sapu Tanah, orang miskin pun tuntutan kat Kerajaan Negeri Selangor kata kita tuntutan tuduhan tak bina rumah dan sebagainya, rupa-rupanya mereka rumah, rumah, rumah murah orang miskin pun dia sapu ini saya cukup malulah kalau dengan kelakuan sedemikian dan oleh kerana ini melibatkan kepentingan awam di sini saya ingin cabar kepada Ketua Pembangkang dan juga UMNO Barisan Nasional kalau betul-betul apa yang dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri 1 Malaysia kononnya sudah buat transformasi maka saya nak cabar bahawa pulangkan, pulangkan kesemua 24 keping tanah yang saya dedahkan ini skandal sapu tanah 1 Malaysia, 24 keping yang disapu dengan durian runtuh sekarang musim durian, durian runtuh, 1 kaki RM1.00, pulangkan balik kepada rakyat demi untuk tunjukkan bahawa mereka sudah buat transformasi ikhlas dan sudah insaf bertaubat. Ha, ini kena buktikan satu. Yang kedua, kena minta maaf MCA, MIC, UMNO, minta maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia. Ini baru rakyat boleh bagi penilaian kalau tidak jangan cakap tak serupa bikin la. Yang paling penting saya nak cakapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mendapat jawapan ya, oleh sebab ini skandal sapu tanah 1 Malaysia yang nilai dia saya anggarkan apabila dibuat bangunan komersial ini nilai dia paling kurang RM300 juta. RM300 juta skandal SATIM ini maka dia melibatkan kepentingan awam dan rakyat mempunyai hak untuk mengetahui apakah kisah benar di dalam skandal di sebalik skandal sapu tanah SATIM 1 Malaysia ini. Maka dengan itu saya memohon, saya minta oleh sebab ini melibatkan kepentingan orang awam dan saya telah nampak, saya telah baca Penyata Jawatankuasa Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan bagi Dewan Negeri

Selangor (SELCAT) tentang mengenai banjir, mengenai SEMESTA dan sebagainya. Jawatankuasa lain pun ada, Jawatankuasa PADAT, banyak penyata yang ada dan saya tidak menuntut mesti ada Kertas Putih walaupun Pembangkang nak menuntut kerajaan bagi kertas putih untuk TALAM dan Kerajaan Negeri Selangor cakap serupa bikin, kita kemukakan Kertas Putih untuk TALAM. Ini janji Kerajaan Negeri, janji ditepati, bagi Kertas Putih dan kita menuntut NFC Kertas Putih mana? Sampai hari ini di mana anak MCA Chua Tee Yong, mana kertas NFC? Tak boleh jawab. Ini satu maka dengan itu skandal tanah sapu tanah 1 Malaysia ini, 24 keping ni saya minta Yang Amat Berhormat bagi satu keputusan, saya minta perkara ini dirujuk kepada minta SELCAT buat penyiasatan, penyiasatan secara terbuka, pendengaran awam bagaimana 24 keping tanah MCA, MIC, UMNO, Gerakan sapu ini, macam mana waktu mereka minta, waktu seluruh, seluruhnya prosedurnya kita nak tahu, rakyat menuntut kisah benar, kisah sebenarnya yang berlaku di sebalik ini. Saya minta jawapan daripada Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat Sekinchan. Atas dasar ketelusan, saya bersedia untuk perkara ini dibincangkan untuk pengetahuan orang ramai dan itu tidak jadi satu perkara yang penting supaya kita belajar daripada pengalaman yang lepas supaya kita dapat memperbaiki lagi pentadbiran masa depan. Kedua, saya rasa ini membolehkan kita juga meminta Pegawai-pegawai Daerah jika mereka dapat lagi maklumat yang lain tentang pemilikan tanah, boleh juga dia gunakan untuk diberikan supaya maklumat ini adalah penting untuk negeri dan untuk rakyat. Jadi dengan cara itu kita dapat menentukan bahawa rakyat percaya kita akan menjaga harta mereka dengan baik. Saya lagi sekali ingin menyatakan saya tidak boleh menerima alasan bahawa oleh kerana kita kerja kuat or kerja menolong membawa kemerdekaan di sini untuk menjaga harmoni, oleh sebab itu kita akan lebih utama daripada rakyat, tak boleh. Itu saya tidak menerima kenyataannya. Oleh sebab itu kita lebih utama daripada rakyat dan lepas tu apa yang kita buat *justify* ataupun mengatakan bahawa kita telah buat terlalu banyak untuk rakyat, jadi kita boleh ambil tanah-tanah rakyat dengan tidak merasa bertanggungjawab. Itu sangat penting yang kita mesti tidak terima. Saya rasa minda ini tidak boleh kita terima. Jadi kalau macam itu sudah tentu Penjawat Awam akan tanya; dia pun bekerja begitu hebat dan kena marah oleh rakyat dan oleh sebab itu patut lah dia juga dapat tanah. Jadi pemimpin politik pun nak dapat tanah, pemimpin dapat tanah, polis pun dapat tanah juga, kalau tidak esok. Jadi pemikiran macam ini perlu dihapuskan. Tak boleh, dalam keadaan macam ini, kalau tidak besok ini akan menjadi *free for all*, maknanya untuk semua, jadi saya..Kedua, ini bererti parti kita pun tak boleh dapat tanah, maknanya Keadilan, DAP dan PAS pun tak boleh dapat tanah. Jadi kalau kita nak tanah beli dengan harga pasaran dan terbuka untuk kegunaan sendiri ataupun

kegunaan apa-apa. Jadi dengan cara itu pentadbiran negeri telus, dan bertanggungjawab. Saya rasa usaha Sekinchan patut dihargai, terima kasih Sekinchan.

**TUAN Pengerusi :** Tapi jangan bagi tanah.

**Y.B. Tuan Ng SUEE LIM :** Sikit tambah, tokok tambah sikit ya. Pengerusi, Tuan Pengerusi, terima kasih atas jawapan dan penjelasan yang begitu *detail* oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai pendirian Kerajaan Negeri. Kita tidak boleh terima ya di mana kalau menuntut merdeka mesti dapat, ini satu pembohongan besar di mana satu parti yang tidak tahu di mana itu malu atau tidak tahu malu di mana benda yang boleh ke tak boleh dan saya minta oleh sebab saya minta tadi siasatan di bawah SELCAT ni, jawatankuasa ini satu penyata kita harap perkara ini dapat dibuat secepat mungkin, iaitu pendengaran awam ini secepat mungkin kerana rakyat tertanya-tanya, saya pergi ke mana-mana rakyat tanya macam mana ambil, kenapa ambil, kenapa RM1.00, kenapa komersial? Saya pun pening kadang-kadang. Jadi rakyat mahu jawapan, jadi saya kena cepat, kena cepat.

**TUAN Pengerusi :** Jadual B19 iaitu wang sejumlah RM12,084,082.94 untuk Kepala B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang RM 12,440,511.75

**TUAN Pengerusi :** Jadual B20 iaitu wang sejumlah RM12,440,511.75 untuk Kepala B.20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat RM10,427,791.12

**TUAN Pengerusi :** Jadual B21 iaitu wang sejumlah RM10,427,791.12 untuk Kepala B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat RM 11,996,226.21.



**TUAN Pengerusi :** Ya Kajang.

**Y.B. Tuan Lee Kim Sin :** Tuan Pengerusi, Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Vot B22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat merujuk kepada muka surat...

**TUAN Pengerusi :** Yang Berhormat, boleh tunggu sebentar. Masa kita untuk melanjutkan apa ini masa. Ya, Dewan bersidang semula. Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul lanjut masa.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut; bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11, dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

**Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Bt. Ali :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN Pengerusi :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui. Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Dipersilakan Kajang.

**Y.B. Tuan Lee Kim Sin :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kajang ingin merujuk kepada vot 22. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, muka surat 649, butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Kajang ingin membangkitkan perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Sekinchan tadi iaitu berkaitan dengan masalah penyelewengan dan juga sapu tanah yang dilakukan oleh mereka yang berkepentingan di dalam politik. Perkara ini berlaku kerana waktu masa yang lampau sudah menjadi sejarah. Peranan wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat ini duduk dalam jawatankuasa, yang dipanggil Jawatankuasa Tanah Daerah dan mereka mempunyai kuasa dan juga dengan menggunakan kuasanya memaksa atau mengarahkan pegawai-pegawai untuk meluluskan tanah-tanah yang disebutkan oleh Sekinchan, 24 keping itu dan lagi banyak lagi yang akan kita satu persatu dedahkan akan datang. Dan oleh sebab pengaruh peranan Wakil Rakyat dalam Jawatankuasa Tindak Tanah, maka Jawatankuasa Tanah Daerah maka penyelewengan boleh berlaku. Pada selepas 2008 kita tidak lagi wujudkan Jawatankuasa Tanah Daerah tapi kita ada Jawatankuasa Tindak Daerah yang merupakan satu majlis di mana mesyuarat akan diadakan dan menyelaraskan segala masalah dan juga kegiatan aturan di dalam daerah. Akan tetapi peranan Wakil

Rakyat di dalam urusan tanah sudah tidak, tidak ada bermaksud Wakil Rakyat tidak ada peranan dalam urusan khususnya permohonan tanah. Wakil Pakatan Rakyat tidak berminat untuk memiliki tanah, kita nak *declare* di sini. Ya, hanya kita nak memastikan permohonan-permohonan untuk pelupusan tanah oleh kerajaan adalah diberi kepada individu ataupun perbadanan ataupun syarikat yang sepatutnya mereka dapat. Jadi ada satu ketika di mana ADUN-ADUN diberi peranan untuk memberi ulasan terhadap permohonan-permohonan tanah termasuk ADUN-ADUN ada turun ke padang membuat siasatan sama di tapak tanah itu apa yang wujud di situ sama ada ada rumah ataupun terbiar dan sebagainya. Jadi kalau kerajaan dapat meneruskan amalan di mana Wakil Rakyat juga diminta ulasan dalam permohonan-permohonan maka mungkin satu proses di mana kita panggil *check and balance* boleh dapat kita lakukan. Itu satu perkara, perkara yang seterusnya adalah berkaitan dengan muka surat 644 dan 645, 3 butiran 525000 iaitu Tanah dan di bawah Unit Teknikal dan Penguatkuasaan.

Di Hulu Langat memang kita dapati ada tapak-tapak di mana tapak pembuangan sampah yang haram yang tidak ada kebenaran. Di mana salah satunya memang telah disiasat dan Jabatan Alam Sekitar pun turun bersama dan juga pihak tuan tanah juga menerima notis 8A untuk perampasan tanah. Dan selepas notis diberi dan tuan tanah telah memohon supaya dia merayu dan memohon untuk pertimbangan untuk tidak dirampaskan tanah. Kajang dapat sempat turun sendiri ke tapak ini selepas rayuan itu di buat dan Kajang telah memerhati dan dalam dua puluh minit Kajang dapati ada trak-trak pembuangan sampah terus masuk ke dalam kawasan ini dan terus membuang sampah dan tangkap gambar juga tempat itu di mana sampah-sampahnya juga bukan sahaja bertimbun-timbun dan ada kebakaran di situ dan mengeluarkan asap yang mencemarkan Kampung Sungai Sekamat ini.

**Y.B. TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR :** Boleh Bangi minta

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Sekejap lagi saya jelaskan dulu.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Berhubungan dengan yang buang sampah ini.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Kejap-kejap, kejap lagi, kejap lagi. Di tapak ini juga dia di tebing sungai dan sampah-sampah ini bertimbun-timbun di tebing sungai dan juga mencemarkan sungai. Dan Kajang telah melaporkan tapi perampasan tanah juga tidak dilakukan. Oleh kerana ketidaktegasan pihak kerajaan untuk merampas tanah maka kegiatan-kegiatan pembuangan sampah di tapak-tapak pembuangan haram yang mungkin akan di bawa oleh Bangi juga iaitu dekat dengan rumah saya juga dekat dengan Jalan Abim di mana tapak-tapak juga kita kenal pasti dan dilaporkan ke PBT

dan juga Pejabat Tanah dan kita berharap kerajaan boleh tegas dan memang mereka yang salah guna tanah ini dan tidak melakukan pembersihan selepas notis maka kita gunakan penguatkuasaan notis 8A dan seterusnya merampas tanah. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Bangi mahu timbulkan perkara yang disebut oleh Kajang tentang pembuangan sampah. Pada malam tadi lah kami ada mesyuarat biasa, Ketua Kampung telah melaporkan kepada Bangi bahawa pembuangan sampah juga berlaku di tepi kubur di dekat dengan jalan ke Bangi ke Seri Putra ke Kajang ke Putrajaya dan Kajang kuburan di situ. Pembuangan sampah begitu banyak sekali dan telah dilaporkan tetapi pihak tuan tanah itu dia kata tanah dia sendiri. Tetapi sebenarnya tidak dibenarkan. Jadi adakah benda ini Kajang dapat maklumat pembuangan sampah di sini selain daripada Sungai Ramal tadi Sungai Ramal Dalam.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Kajang memang sentiasa buat rondaan ya, Kajang naik motor dan buat rondaan ya. Rondaan memang ya, memang di kawasan dalam DUN Bangi, DUN Kajang, DUN Balakong dan juga DUN Dusun Tua, DUN Semenyih kita dapati begitu banyak tempat buangan sampah yang haram dan kita boleh senang saja kenal pasti sekiranya perlu kita boleh, saya boleh bawa pegawai-pegawai kerajaan untuk turun bersama untuk membantu untuk mengenal pasti juga. Sekian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang dan beliau juga Yang Berhormat Bangi untuk apa tu reaksi daripada kenyataan Yang Berhormat daripada Kajang dan Bangi. Tanah permohonan untuk tapak pembuangan sampah haram di Jalan Langat, Ampang dan Sg. Sekamat proses perampasan sedang di lakukan oleh Pentadbir Tanah ke atas pelanggaran syarat tanah yang dilakukan oleh pemilik yang dilakukan oleh pemilik tanah di dalam proses. Kedua, Pentadbir Tanah sentiasa bekerjasama dengan MPKJ, JAS dan Jabatan Teknikal lain bagi memastikan tidak ada lagi pembuangan sampah haram. Tapi masalah ini akan berterusan sebabnya saya rasa dari segi sampah domestik dia sudah saya nampak terdapat ternyata penyelesaiannya. Tetapi sampah-sampah pembuangan dari segi apa tu pembinaan dan juga sampah-sampah yang luar daripada domestik seperti katil, kerusi, kerusi meja apa semua yang sekarang kita cuba selesaikan seminggu sekali dia apa semua itu masih lagi berleluasa. Jadi saya akan mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan perkara ini. Dan Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu badan untuk menyelesaikan masalah sampah-sampah yang bukan domestik yang mana kita mereka bercadang untuk membuat berasingan supaya dapat diselesaikan masalah pembuangan sampah secara haram.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B22 - iaitu wang sejumlah RM11,996,226.21 untuk kepala B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang RM9,179,678.72.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B23 - iaitu wang sejumlah RM9,179,678.72 untuk kepala B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor RM10,663,461.07.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B24 - iaitu wang sejumlah RM10,663,461.07 untuk kepala B24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor RM11,111,460.17

**TUAN SPEAKER:** Jadual B25 - iaitu wang sejumlah RM11,111,460.17 untuk kepala B25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM11,811,722.23.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B26 - iaitu wang sejumlah RM11,811,722.23 untuk kepala B26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B27 – Jabatan Kehakiman Syariah RM10,780,039.58.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B27 - iaitu wang sejumlah RM10,780.039.58 untuk kepala B27 Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B29 – Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am), RM70,000,000.00.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B29 - iaitu wang sejumlah RM70,000,000.00 untuk kepala B29 Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan AM) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jumlah Perbekalan, RM1,572,092,905.00.

**TUAN SPEAKER:** Jumlah Perbekalan RM1,572,092,905.00 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual.

**TUAN Pengerusi:** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN PENERUSI :** Dewan bersidang semula.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah di pertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini di bacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini di bacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2013) 2012. Rang Undang-undang seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan ( No. 2) 2012 (Semua Peringkat). Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu di buat untuk perkhidmatan negeri 2012 yang telah tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, melalui Enakmen Perbekalan (2012) 2011 yang telah diluluskan pada 16 November 2011 sejumlah RM1,448,997,497.00 telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri pada

tahun 2012 dan seterusnya melalui Enakmen Perbekalan Tambahan (No.1) 2012 pula sebanyak RM120,888,126.23 telah diluluskan pada 12 Julai 2012 untuk perbelanjaan tambahan pertama perkhidmatan negeri tahun 2012. Berpandukan.....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2012 yang telah tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Melalui Enakmen Perbekalan (2012) 2011 yang telah diluluskan pada 15 November 2011, sejumlah RM1,448,997,497.00 telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri tahun 2012 dan seterusnya melalui Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 1) 2012 pula, sebanyak RM120,888,126.23 telah diluluskan pada 12 Julai 2012 untuk perbelanjaan tambahan pertama perkhidmatan negeri tahun 2012.

Berpandukan keperluan kewangan semasa, terdapat kekurangan peruntukkan bagi jabatan-jabatan tertentu. Sehubungan dengan itu, Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2012 sebanyak RM46,236,813.11 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah seperti jadual berikut:-

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, peruntukan tambahan bagi Maksud Bekalan B01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sebanyak RM8,155,122.00 adalah dikehendaki untuk Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor yang bertujuan untuk membiayai pertambahan bilangan pelajar yang ditawarkan Pinjaman Pelajaran oleh Kerajaan Negeri;

Bagi Maksud Bekalan B06 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri pula tambahan sebanyak RM27,160,327.11 diperlukan untuk menampung kekurangan di bawah Program Pembangunan Kampung Baru an Pengambilan Balik Tanah;

Bagi Maksud Bekalan B15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat, tambahan sebanyak RM5,771,364.00 di bawah Objek Sebagai 42000 – Pemberian Dalam Negeri adalah dikehendaki untuk tujuan perbelanjaan Bantuan Am yang telah meningkat;

Bagi Maksud Bekalan B29 – Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) pula tambahan sebanyak RM5,150,000.00 adalah diperlukan untuk pelarasan akaun penyelesaian hutang Pendidikan Industri Yayasan Selangor (PIYSB)

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Perbekalan Tambahan No. 2 (2012) bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan tambahan ke dua tahun 2012 berjumlah RM46,236,813.11 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca Kali Yang Kedua.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan perbekalan tambahan di peringkat dasar ini. Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan tambahan sebanyak RM8,155,122.00 untuk membiayai Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang bilangan mengapakah? sebab kita memerlukan penambahan yang begitu banyak, saya ingin bertanya adakah? ianya disebabkan oleh penambahan yang begitu mendadak terhadap bilangan pelajar yang kita *sponsor* sehingga perbelanjaan ini perlu ditambah.

Yang Kedua ialah apakah kebaikan yang dapat kita lihat untuk jangka masa panjang daripada penambahan ini, maksud saya ialah sekiranya kerajaan membelanjakan tambahan sebanyak RM8.2 juta dalam setahun untuk membiayai bilangan pelajar yang bertambah. Sudah tentu kita juga berharap ya pelaburan ini memberi satu pulangan kepada Kerajaan Negeri dalam jangka masa yang pendek ataupun panjang. Hakikatnya ialah saya tak pasti adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengikat pelajar-pelajar di bawah *sponsor sheet* Kerajaan Negeri untuk berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri Selangor, contohnya saya telah kata ataupun berbahas tadi iaitu Pejabat Tanah contohnya memerlukan pegawai ataupun kakitangan profesional yang begitu ramai untuk mempertingkatkan keupayaannya. Tetapi kalau kita asyik bergantung kepada pegawai yang dilantik di peringkat pusat ataupun oleh Kerajaan Persekutuan, maka lama-kelamaan kita akan menghadapi masalah. Saya bercadang kepada kerajaan supaya untuk mengatasi masalah ini kita perlu bermula dari puncanya, iaitu kita perlu memastikan ataupun menawarkan pelajar-pelajar yang menerima pinjaman ataupun biasiswa di bawah Tabung Kumpulan wang ini lepas mereka



*graduate* ataupun mengakhiri belajar mereka, mereka perlu diikat untuk berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Ini telah pun dilakukan oleh kerajaan pusat dan saya tidak melihat apa sebabnya kalau kita tidak melakukannya di peringkat Kerajaan Negeri apatah lagi saya rasa Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan dari segi sumber.

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sering kali kita mendengar aduan daripada penerima bantuan am bahawa peruntukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat lewat, sering kali kita dengar, dan sering kali kita juga diberi alasan atau pun sebab atau pun makluman daripada kerajaan bahawa kita tidak lewat dan peruntukkan telah pun diluluskan. Jadi, dari situ saya tak faham apa sebenarnya berlaku kita menerima aduan daripada rakyat, kita semak dengan pegawai kerajaan, kemudian kita semak dengan pegawai di Shah Alam, kita semak dengan EXCO, kita semak dengan Kerajaan Negeri. Kalau tidak ada masalah di peringkat Kerajaan Negeri, maka apa punca kelewatan ini, saya tak pasti dan saya lihat kita perlu meningkatkan keupayaan dalam perkara ini di mana apabila kita telah mengalami begitu banyak bencana alam, khususnya bencana seperti banjir dalam sebulan dua yang lalu kita sepatutnya ada satu persediaan bahawa untuk tahun-tahun yang akan datang kita mesti ada satu *contingency fund* dan ini saya rasa tidak boleh dilakukan melalui *rolling budget* maksudnya wang itu mesti ada. Mungkin RM1 juta atau RM2 juta *extra* setiap tahun untuk tujuan *contingency fund*. Kalau kita buat *rolling budget* maka kita kena tunggu dan kalau kita kena tunggu maknanya *weakteam* ataupun mangsa-mangsa banjir mangsa-mangsa bencana alam itu pun perlu menunggu juga.

*Explain* yang kedua pula, kalau saya tidak silap dari segi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir ini ada kategori dia, ada kategori mangsa bencana alam yang layak menerima bantuan, tapi ada satu kategori mangsa yang tidak dapat menerima bantuan iaitu mangsa kebakaran. Beberapa kali kebakaran berlaku di kawasan-kawasan saya contohnya, tapi mangsa tidak mendapat bantuan *monetary* daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, walaupun token itu tak ada walaupun mungkin dari segi bantuan kemanusiaan, jadi saya rasa kalau kita mampu bukankah baik kalau kita dapat menambahkan atau meluaskan skop penerimaan bantuan am khususnya mereka yang merupakan mangsa bencana alam ataupun kebakaran ini, saya rasa dalam kes ini kita boleh *flexible* sedikit iaitu bagi mereka merupakan mangsa walau apa jua mangsa, barangkali mungkin dia mangsa banjir, mangsa kebakaran dan sebagainya. Kita sebagai kerajaan prihatin haruslah memberikan sedikit sebanyak bantuan am, bantuan dari segi kewangan dan sebagainya dan bukannya kita tolak mereka.

Jadi satu lagi ada satu perkara yang ingin bangkitkan iaitu perkara yang ketiga iaitu berkenaan dengan program pembangunan di Kampung Baru, saya mengucapkan

tahniah kepada kerajaan kerana kita akan memperuntukkan perbelanjaan bekalan tambahan sebanyak RM1.7 juta untuk program ini, saya berharap kerajaan dapat memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan di Kampung Baru, saya tidak bermaksud kampung tradisi kampung bagan tidak perlu diberi perhatian ataupun layanan yang lebih tetapi hakikatnya ialah Kampung Baru khususnya Kampung Baru yang berada di kawasan bandar menghadapi masalah yang kritikal, dari segi infrastruktur, kalau kita sempat melawat ke Kampung Baru, mana-mana sahaja, sama ada Kampung Baru di Daerah Klang, di Petaling di Gombak dan sebagainya masalah infrastruktur merupakan satu masalah yang cukup-cukup dahsyat, saya ambil contoh Kampung Baru (kampung tersusun) di kawasan Petaling di Kampung Chempaka, masalah banjir sering kali berlaku kerana ianya terletak berdekatan dengan Sungai Kayu Ara.

Di kawasan saya, Kampung Baru Seri Setia, ataupun nama barunya Kampung Baru Sungai Way, masalah berkenaan dengan longkang, jalan, lampu dan ini adalah masalah kecil *tiny problem* yang telah berlaku sekian lama dan kami bertungkus-lumus untuk menyelesaikannya tetapi kita tak dapat menyelesaikannya, tambah sokongan daripada Kerajaan Negeri tambahan lagi peruntukan daripada kerajaan pusat telah dihadkan ataupun disalurkan ke tempat yang lain. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat membantu pembangunan Kampung Baru supaya pada masa-masa yang akan datang pembangunan Kampung Baru dari segi infrastruktur dapat dipertingkatkan, Kampung Baru mungkin dari segi perancangan bandar dari segi infrastruktur dia sudah *out* kerana ianya bermula lebih 50 – 60 tahun yang lalu, tapi kita juga harus memberi perhatian suka atau tidak dia terletak di tengah ada kebanyakan Kampung Baru ini terletak di tengah-tengah bandar contohnya Sungai Way dia terletak di tengah *next to federal highway*, dengan kawasan sekelilingnya telah dibangunkan dengan pesat tapi Kampung Baru masih Kampung Baru dan kalau ianya dibiarkan begitu sahaja maka *this community reduce to something that money to be* ia akan menjadi satu tempat ataupun penempatan yang merosot, kami tak mahu ini berlaku dan saya berharap kerajaan dapat berfikir sesuatu mungkin kita perlu merangkakan satu rancangan pembangunan dalam jangka masa 20 – 30 tahun yang akan datang, apa yang perlu kita lakukan untuk membangunkan Kampung Baru ini dan saya rasa ini merupakan satu isu yang menyentuh masyarakat dan saya berharap kerajaan memberi perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam ucapan saya tadi, apa pun akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dengan konsep *rolling budget* ini kita belanjakan apa yang kita mampu kita belanjakan wang yang kita dapat kutip daripada hasil kita. Saya menghargai penjelasan daripada Menteri Besar. Memang dahulu kalau kita lihat ada perbelanjaan tambahan kita ingat kerajaan tidak cekap dari segi pengurusan kewangan. Itu sebabnya baru kita ada peruntukkan tambahan tapi kalau kita ada konsep *rolling budget* ini kita dapat saya menghargai penjelasan daripada Kerajaan Negeri tapi untuk

isu seperti yang saya bangkitkan tadi iaitu Kebajikan Masyarakat saya harap kita dapat sediakan sebelum *the beginning of every year*. Kita memerlukan wang yang cukup untuk menampung keperluan yang tidak dapat kita jangkakan itu. Jadi itulah ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Tuan Speaker. Kajang ambil bahagian dalam perbahasan berkaitan Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan Tambahan No.2, 2012 berkaitan dengan peruntukkan yang diberi pada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajang memang Kajang sokong pada apa-apa yang disuarakan oleh Kampung Tunku tadi. Dan satu perkara yang Kajang ingin menyarankan untuk pertimbangan kerajaan iaitu di negara-negara di mana pembangunannya agak maju kerajaan ada membeli *insurance* untuk *public liability* berkaitan dengan banjir. Dan sekiranya kita pertimbangkan apakah masalah yang kita hadapi. Adakah mungkin oleh kerana pembangunan kita tidak begitu lengkap atau maju, dahlah pihak *company insurance* memang tak mahu ambil insurans kita, mungkin ya. Jadi ini satu cadangan yang boleh kita pertimbangkan. Dan perkara kedua berkaitan dengan peruntukan tambahan bagi pembangunan Kampung Baru. Kampung Baru seperti yang disebut, yang kita tahu memang dari segi infrastruktur dan juga dari segi pelengkapan untuk pembangunan komuniti di dalam Kampung Baru memang masih kekurangan. Sebenarnya bukan Kampung Baru sahaja, Kampung Bagan, Kampung Tersusun dan juga termasuk Kampung Tradisi juga merupakan Kampung yang luar daripada pembangunan yang pesat. Walaupun, ya..walaupun ia kelihatan ketinggalan pembangunan tetapi ada baiknya. Oleh kerana urbanisasi dan pembangunan tidak begitu pesat dan tidak menghancurkan Kampung Baru dan juga Kampung Tradisi maka ia dapat kekal dalam keadaan yang mewarisi identiti perkampungan dan juga budaya Melayu di Kampung Tradisi, Budaya Cina di Kampung Baru. Jadi ia masih kekal dan memang kuat. Tradisi ini diamalkan di dalam kampung-kampung ini. Malangnya kampung orang India, komuniti India sudah dihancurkan akibat daripada ladangnya sudah ditukar gunanya dan mereka terpaksa pindah keluar daripada ladang ke *flat-flat* dan juga tempat-tempat kediaman. Termasuk dalam kawasan pembangunan urbanisasi. Jadi memandangkan keadaan begini urbanisasi yang seterusnya kalau dimasuk ke dalam Kampung Tradisi dan Kampung Baru maka identiti yang diwariskan tu mungkin terancam dan hilang. Jadi pembangunan untuk Kampung Baru dan Kampung Tradisi harus kita pertimbangkan *approach* yang pendekatan yang baru iaitu kita kekalkan, kekalkan komuniti ini....komuniti ini dan kita bangunkan dari segi pengisiannya. Pengisiannya memang kita harus pertimbangkan, pertimbangkan yang pertama infrastrukturnya memang haruslah lengkap. Dan keduanya adalah bagaimana kita memasukkan unsur-unsur yang memperkayakan lagi budaya dan warisan di dalam

komuniti ini supaya ia menjadi suatu kita macam buaian, kita panggil *cradle* ya satu tempat di mana budaya warisan ini akan diperkembangkan dan diwariskan seterusnya. Dan...kalau kita dengan pendekatan ini saya yakin, kampung-kampung Tradisi, Kampung-kampung Baru dapat mengekalkan dan juga perkayakan dan juga warisan-warisan baik orang Melayu, orang Cina tidak akan hilang dan pupus. Dan saya memang kluatir masyarakat India yang sudah di urbanisasi dan tertabur tidak dapat membentuk satu komuniti. Jadi konsep komuniti dan perkaya komuniti ini harus kita pertimbangkan bukan sahaja dari segi fizikal dan urbanisasikan tempat itu tapi memasukkan pengisian baru. Sekian saja ucapan saya, saya menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, saya tak pasti ada nak bahas ke tidak. Ya sila Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin ambil bahagian perbahasan tambahan bekalan undang-undang bekalan tambahan No. 2. Dari segi konsepnya saya amat mendukung peruntukkan tambahan ini memandangkan kita berbelanja apa yang dalam tangan. Dan berdasarkan prestasi Kerajaan Negeri sehingga ini pengurusan yang telus amanah dan bertanggungjawab telah membuktikan penambahan, penjimatan tiada ketirisan tiada penyelewengan dan pertambahan rizab. Dan untuk menarik perhatian Dewan bukan hanya pengurusan kerajaan saja yang meningkatkan penambahan rizab tapi saya menyeru agar anak-anak syarikat subsidiari Kerajaan Negeri juga mengamalkan perkara yang sama agar bukan hanya berlaku penambahan pelaburan, penambahan keuntungan tetapi penambahan dividen yang boleh disalurkan bagi kebajikan rakyat melalui Kerajaan Negeri melalui MBI. Jadi sebagai contohnya juga saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap Laporan Tahunan Tabung Warisan Negeri Selangor 2011 yang amat membanggakan. Yang menunjukkan contoh yang cukup cemerlang prestasi perkembangan nilai dana bersih pada tahun 2011 adalah RM307.1 juta. Peningkatan 21.82% yang merupakan pertumbuhan peningkatan tertinggi dalam tempoh lima tahun. Dan peningkatan ini berlaku sejak tahun 2008, 2009, 2010 hinggalah ke 2011. Dan ini membuktikan bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri dari apa sudut sekalipun sekiranya ditadbir dengan telus dan akan memberi hasil yang baik dari segi simpanan dan tabungan. Untuk itu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada pasukan Tabung Warisan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan pasukannya yang telah menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang. Berkaitan dengan itu juga saya ingin menyentuh tentang pembangunan Kampung Baru. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada EXCO berkenaan kerana baru-baru ini telah berjaya menerbitkan dalam dwi bahasa satu buku yang memerihalkan sejarah perkembangan Kampung Baru. Ini merupakan satu yang khazanah yang sangat berharga, satu khazanah yang sangat bernilai dalam konteks

Pembangunan Negeri Selangor kerana bukan hanya dia menyingkap dan memerihalkan pembangunan Kampung Baru tetapi menunjukkan bahawa perjuangan untuk membangunkan Negeri Selangor ini adalah perjuangan bersama yang dibangunkan oleh seluruh rakyat berbagai kaum dan agama tanpa mengungkit-ungkit kalau tidak kamu akan pakai baju daun. Jadi saya menghargai pendekatan yang dilakukan dan saya mengalu-alukan agar usaha ini dipertingkatkan kepada kampung-kampung lain dan agensi-agensi lain agar bukan hanya kita mementingkan persoalan pembangunan ekonomi tapi kita juga meningkatkan keprihatinan dan kepedulian masyarakat dan rakyat tentang budaya dan perjuangan bangsa anak Selangor dalam sejarah. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Tuan Speaker, untuk menjawab Kg. Tunku kenapakah ada permohonan untuk perbelanjaan tambahan bagi biasiswa dan pinjaman SUK. Untuk makluman Kg. Tunku sebenarnya permohonan daripada pelajar-pelajar yang masuk IPT di Selangor daripada warga Selangor telah mendadak naik lebih-lebih lagi apabila ada isu PTPTN diberhentikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi Kerajaan telah melihatkan di mana minat warga Selangor ini memilih pinjaman SUK yang tanpa faedah berbanding dengan PTPTN yang sudah tentulah ada kompaun *interest* itu maka kita lihat kalau selama ini hanya lima ratus orang sahaja pelajar-pelajar yang mendapat manfaat daripada pinjaman ini tapi untuk 2012 ini seramai seribu orang. Jadi 100% naik. Yang kedua yang disebutkan Kg. Tunku ialah tentang di mana pelajar-pelajar yang telah dapatkan pinjaman SUK ini perlu kita ikat dengan satu perjanjian. Saya bersetuju dengan Kg. Tunku dan kita akan bawa pada Lembaga Tabung Pinjaman dan Biasiswa SUK ini untuk melihat bagaimana kita akan masukkan dalam perjanjian itu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL:** Tuan Pengerusi, Dato' Speaker

**TUAN SPEAKER:** Speaker....

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL:** Dato' Speaker, saya ingin menjawab dua soalan yang ditimbulkan oleh Kg. Tunku dan juga Kajang. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Alhamdulillah dalam tahun ini sebenarnya ataupun hujung tahun lepas Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama dengan Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah membuat satu unjuran tentang berapakah sebenarnya bajet yang perlu diuntukkan untuk tahun ini, peruntukkan untuk tahun ini. Jadi sebagaimana yang kita maklum tahun ini sebenarnya setelah diberikan unjuran itu pada dasarnya kita maklumkan

bahawa ianya mencukupi tetapi disebabkan bajet di bawah Kerajaan Negeri, di bawah kebajikan memperuntukkan dua bantuan iaitu bantuan am dan bantuan bencana itu, disebabkan bencana-bencana juga tahun ini agak banyak jadi telah berlakunya sedikit ataupun pengurangan yang melibatkan ataupun menyebabkan bajet tambahan diperlukan. Izinkan saya membaca bagaimana bajet tambahan ini berlaku kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun lepas. Kalau kita tengok pada tahun 2009 pertambahan ataupun bajet tambahan yang diperuntukkan ataupun diperlukan adalah tambahan sebanyak 44.97% daripada bajet yang kita unjurkan. Tetapi tahun ini pertambahan itu hanya 4.95% untuk tujuan ini. Ini adalah kerana kemungkinan kita telah pun membuat satu sistem atau dasar bahawa satunya Kerajaan Negeri telah pun memastikan bahawa tidak ada pertindihan dalam memberi bantuan oleh mana-mana agensi. Maknanya kita telah pun menyeragamkan dan memastikan bahawa hanya pengkhususan contohnya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat jika berlaku apa-apa bencana ianya adalah khusus untuk pastikan mereka diberikan bantuan semasa kejadian tersebut contohnya bantuan makanan yang dimasak kalau ianya berpindah di tempat itu ataupun makanan kering, keperluan asas, pakaian dan bantuan peralatan sekolah dan juga sebagainya. Tetapi satu perkara lagi yang saya nak maklumkan di samping itu juga Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya telah pun memastikan bahawa sekarang ini bantuan-bantuan yang diberikan itu adalah kepada mereka yang benar-benar dalam lingkungan yang berpendapatan antara RM720.00 ke RM1,500.00 yang mana mereka ini tidak mendapat bantuan-bantuan daripada Jabatan Kebajikan Persekutuan disebabkan Persekutuan meletakkan bahawa garis kemiskinan itu di bawah RM750.00 sahaja yang layak dapat. Sebab itu kita tengok ada *gap* di situ tetapi *gap* situ yang menyebabkan bantuan itu boleh diberi. Jadi untuk tahun ini sebagaimana Kg.Tunku tanya kenapa berlakunya kelewatan, ya kelewatan itu hanya untuk November, pembayaran November dan Disember. Maksudnya untuk November ini setelah kita meluluskan bajet tambahan ini Insya-Allah bantuan itu akan terus diberikan. Tetapi sebelum bulan November tidak ada pembayaran lewat dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi itu sumber yang dapat saya berikan kepada Kg. Tunku dan seterusnya Kg. Tunku menimbulkan isu ada mangsa-mangsa kebakaran yang tidak layak ataupun dikatakan tidak dapat bantuan semasa kebakaran. Saya ingin nyatakan sekarang ini setelah kita membincangkan bagaimanakah kaedah pembayaran yang terbaik oleh semua agensi. Sekarang ini kita bagikan kepada dua kaedah. Satu, bantuan segera dan yang keduanya bantuan yang diberikan setelah siasatan selesai. Itu pun dalam tempoh KPI kita 2 minggu. Bantuan segera ini kita berikan melalui Pejabat Daerah di mana sekarang ini Tuan D.O.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Maksud yang saya ingin bertanya pada Yang Berhormat EXCO ialah mangsa kebakaran dahulunya tidak layak, sekarang sudah layak. Adakah itu benar?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mangsa kebakaran semua layak.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Layak?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Semua layak. Maknanya mereka ni layak terima tinggal lagi cara membayarnya itu kita telah ubah. Kalau dulu menunggu siasatan dan lama dan sebagainya baru diberikan sumbangan tetapi sekarang ini dipermudahkan dengan dua kaedah. Satu, kita berikan bajet khusus di bawah Pejabat Daerah, bawah Tuan D.O. dan pembayaran itu dibuat segera sebab Tuan D.O. telah dibekalkan 1 kad ATM sebagaimana ADUN semua dibekalkan kad SMUE itu. Beliau boleh terus mengeluarkan RM500,000.00 segera kepada mangsa kebakaran tersebut. Dan selepas siasatan pula, setelah disiasat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menentukan jika mereka itu benar-benar layak diberikan bantuan tambahan sebanyak RM2,500.00 ke RM5,000.00 setiap orang. Jadi isu yang ditimbulkan apakah mangsa kebakaran tidak layak? Pada saya ianya layak sebenarnya. Jadi itu jawapan saya untuk Kampung Tunku. Tetapi untuk Kajang, Kajang mencadangkan 1 *insurance policy* untuk *public liability* saya rasa itu belum lagi dalam cadangan dan mungkin kita boleh lihat perkara ini. Sekian.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Kampung Tunku, Kajang dengan Hulu Klang kerana mereka amat mengambil berat tentang pembangunan Kampung Baru dan untuk menjawab Yang Berhormat Kampung Tunku. Yang Berhormat bertanya tentang isu dan masalah yang dihadapi oleh Kampung Baru di kawasan bandar khususnya di Kampung Baru Cempaka. Isu banjir dan mengikut maklumat yang saya dapati banjir adalah disebabkan oleh, sebab utama adalah disebabkan oleh sistem longkang di kawasan Kampung Cempaka dan sebahagian masalah adalah oleh kerana Sungai Damansara bukan Sungai Kayu Ara, Sungai Damansara. Dan saya dapati bahawa MBPJ, pihak MBPJ sedang mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah dan saya juga akan sendiri, akan berkomunikasi dan kerjasama dengan pihak MBPJ untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Kampung Baru Cempaka. Dan saya juga amat setuju dengan Kajang untuk mengekalkan identiti dan juga budaya yang sedia ada di Kampung Baru. Dan itu sebab kita menerbitkan buku I-Kampung Baru yang tadi disebut oleh Hulu Kelang untuk memperkenalkan sejarah kepada generasi muda, kepada penduduk dan fokus utama jawatankuasa pembangunan Kampung Baru adalah kita sekarang kita fokus dalam pembangunan infrastruktur di kawasan Kampung Baru dan juga kemudahan asas. Ini

adalah sebagai contoh kita telah cuba untuk menaik taraf jalan, jambatan di kampung bagan dan juga membina bumbung untuk gelanggang bola keranjang dan sebagainya. Dan saya juga ingin maklumkan Yang Berhormat sekalian dan juga boleh memberi cadangan kepada jawatankuasa kita supaya kita dapat meneliti dan juga dapat sama-sama kita membangunkan Kampung Baru. Sekian.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Minta penjelasan daripada EXCO Kampung Baru. Dengan itu terima kasih pada EXCO yang memberi penjelasan dan penerangan yang berkaitan dengan pihak kerajaan bagaimana membangunkan Kampung Baru, Kajang ingin bertanyakan sama ada jawatankuasa yang dimaksudkan itu mempunyai perunding-perunding, pakar-pakar dan perancangan bukan sahaja dari segi infrastruktur tapi satu *master plan* ataupun satu *draft Blue Print* yang dalam 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun untuk pembangunan Kampung Baru. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Kajang. Kalau kita berbanding dengan peruntukan yang sebelum itu, sebelum tahun 2008, Kerajaan Negeri dahulu adalah hanya memberi peruntukan sebanyak RM200,000.00 setiap tahun. Tapi selepas Pakatan Rakyat, kita mengambil menjadi kerajaan, kita telah meningkatkan peruntukan kepada RM5 juta setiap tahun. Walau bagaimanapun Kajang dalam ucapan tadi telah mengatakan bahawa memang ada banyak kelemahan di Kampung Baru. Jadi apa yang kita rancang adalah kita lebih fokus untuk menaik taraf infrastruktur asas yang sedia ada. Oleh kerana peruntukan terhad, kita masih dalam peringkat untuk memastikan setiap Kampung Baru, kampung bagan dan juga kampung tersusun dapat, penduduknya dapat menikmati satu infrastruktur yang baik berbanding dengan tahun-tahun yang lain. Jadi saya masih belum ada 1 rancangan untuk 10 tahun, dalam 20 tahun tetapi saya, kita akan, dalam masa yang akan datang kita akan mengadakan 1 rancangan yang lebih panjang lagi. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi negeri tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.



**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN PENGERUSI:** Fasal 1 dan fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual.

**TUAN PENGERUSI:** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2012.

Rang Undang-undang seterusnya Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan)(No.2) 2012.

Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja, 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2012 perlu dipinda di bawah peruntukan peruntukan bagi Kelas III, Kelas IV dan Kelas VII.

Kelas III, Peruntukan telah bertambah dari RM5,199,846.65 kepada RM5,790.096.02, iaitu pertambahan sebanyak RM590,249.37. Tambahan ini adalah bertujuan untuk menambah kenaikan emolumen bagi kakitangan Istana.

Bagi Kelas IV, Peruntukan telah berkurang dari RM11,825,277.35 kepada RM11,644,495.00, iaitu pengurangan sebanyak RM180,782.35. Pengurangan ini adalah kerana terdapat pengurangan bagi perbelanjaan Istana.

Bagi Kelas VII, Peruntukan telah bertambah dari RM794,820.00 kepada RM1,160,799.79, iaitu pertambahan sebanyak RM365,979.79. Tambahan ini adalah bertujuan untuk perbelanjaan emolumen kepada Ahli Dewan DiRaja (ADD) dan Orang Besar Daerah (OBD).

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen DiRaja (Pindaan) (No.2) 2012 dibaca kali kedua.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1.

**TUAN Pengerusi:** Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 2.

**TUAN Pengerusi:** Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan)(No.2) 2012.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 5.30 petang. Maka saya tangguhkan Dewan sehingga hari esok 29 Disember 2012 jam 10.00 pagi.

**( Dewan ditangguhkan jam 5.30 petang )**